

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 35

Rabu

17 Jun 2015

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1):	
■ Perjanjian Penstrukturan Air dan Projek Loji Rawatan Air Langat 2	
- <i>YB. Datuk Seri Haji Noh bin Omar (Tanjong Karang)</i>	(Halaman 24 & 81)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015	(Halaman 26)
Rang Undang-undang Institusi Kewangan Pembangunan (Pindaan) 2015	(Halaman 51)
Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015	(Halaman 115)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 25)
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M.16(3)	(Halaman 134)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
■ Pembekuan Jawatan Baru Perkhidmatan Awam - <i>YB. Puan Teo Nie Ching (Kulai)</i>	(Halaman 134)
■ Pengurniaan Pingat Gagah Berani - <i>YB. Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid (Lumut)</i>	(Halaman 137)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA

Rabu, 17 Jun 2015

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan hasil kajian yang dijalankan berhubung dengan penguatkuasaan gaji minimum dan adakah pihak Kementerian berhasrat untuk menjalankan kajian lanjut berkenaan gaji minimum berdasarkan pada kriteria berikut:

- (a) gaji minimum untuk pekerja tempatan seharusnya lebih tinggi daripada pekerja asing berikutan kos hidup pekerja tempatan adalah lebih tinggi kerana perlu menampung bayaran rumah, kenderaan, utiliti dan sebagainya; dan
- (b) gaji minimum seharusnya berbeza untuk pekerja yang telah lama berkhidmat dengan pekerja yang baru sahaja mula bekerja dan gaji minimum dikelaskan mengikut jenis industri atau saiz perniagaan yang dijalankan.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Selamat pagi, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Sumber Manusia melalui Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) telah menjalankan kajian dan mendapati bahawa pelaksanaan gaji minimum dengan membezakan kadar gaji minimum mengikut pengalaman kerja atau senioriti, jenis industri atau saiz perniagaan serta mengikut kewarganegaraan adalah tidak sesuai untuk dilaksanakan. Pendirian MPGN ini adalah berasaskan bahawa konsep dasar gaji minimum ini bertujuan untuk menetapkan gaji lantai (*floor wage*) atau gaji pokok sahaja di sektor swasta dan bukannya sebagai gaji keseluruhan pekerja.

Sehubungan dengan itu, MPGN menyarankan adalah lebih sesuai penetapan gaji mengikut pengalaman kerja atau senioriti ditetapkan berdasarkan *market forces* atau budi bicara majikan atau industri itu sendiri secara pentadbiran. Ini adalah kerana pihak majikan atau industri lebih memahami operasi industri dan seterusnya menetapkan kadar yang sesuai terhadap pekerja mereka berdasarkan pengalaman yang dimiliki oleh pekerja terbabit mengikut industri yang diceburi.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, pendirian MPGN dalam menetapkan kadar gaji minimum yang seragam tanpa membezakan warganegara seseorang adalah selaras dengan Konvensyen ILO (No.100) yang berbunyi *equal remuneration* yang telah diratifikasi oleh negara kita, Malaysia pada tahun 1997. Malah dalam seksyen 60A Akta Kerja 1955 seksyen 118B Ordinan Buruh Sabah atau seksyen 119B Ordinan Buruh Sarawak secara jelas telah menyatakan bahawa sebarang bentuk diskriminasi antara pekerja tempatan dan pekerja asing adalah tidak dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan asas-asas yang dinyatakan Kementerian Sumber Manusia berpandangan tidak timbul isu untuk merangka dasar gaji minimum berbeza iaitu mengikut warganegara, senioriti pekerja, jenis industri ataupun saiz perniagaan. Terima kasih.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Sebagai sebuah kementerian yang ditugaskan menjaga kepentingan pekerja secara menyeluruh apa yang Timbalan Menteri terangkan tadi saya sedia maklum iaitu tidak boleh diadakan perbezaan di antara pekerja tempatan dan pekerja bukan tempatan.

Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah tindakan yang telah dilakukan oleh pihak kementerian terhadap laporan yang telah dikeluarkan bahawa pembantu-pembantu KEMAS warganegara Malaysia kita yang mendapat elaun mereka sebanyak RM400 juga kepada warga-warganegara Malaysia yang bekerja di syarikat perkapalan termasuk kapal yang baru diculik ini yang kita tidak tahu apa lagi cerita, di mana *cadet officer* kita walaupun mereka ini tertakluk kepada *Merchant Ship Ordinance* tapi sebagai seorang kadet dan pekerja biasa, gaji pokok mereka masih lagi RM500 dan RM700 juga kepada pekerja yang bekerja di kedai-kedai pakaian dan pengawal-pengawal keselamatan. Apakah yang dibuat selama ini? Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, dua soalan dalam satu, *2 in 1*. Tentang gaji pembantu KEMAS yang menerima RM400 ke bawah, soalan itu sebenarnya kita telah awal-awal lagi juga. Jadi jawapan untuk itu oleh kerana KEMAS di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, saya fikir lebih elok kalau soalan itu diajukan terus kepada kementerian yang berkenaan.

■1010

Keduanya, tentang kapal yang diculik. Bagi kita, saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat yang telah membawa perkara ini ke Dewan yang mulia ini. Bagi *our* kementerian sebenarnya, secara rasmi kita belum lagi menerima aduan tentang gaji yang telah disebutkan dalam mana seorang pekerja telah menerima gaji di bawah RM500. Walau bagaimanapun, kita ambil maklum tentang ini dan kita akan menyiasat. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang bijaksana. Saya menghayati Menteri menjawab soalan yang bersabit dengan gaji minimum dan keperluan untuk pengasingan antara keseluruhan pekerja-pekerja dalam negara ini, termasuk pekerja asing.

Mengikut sasaran PEMANDU ini, laporan daripada Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah pun dibaca oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempamerkan kepada kita bahawa pada menjelang 2020, gaji yang akan dicapai dan disasarkan berjumlah RM5,000. Jadi, kita juga dimaklumkan sekarang ini kedapatan terlalu banyak pekerja-pekerja kontrak di bawah Kementerian Pendidikan yang masih lagi memberi gaji bawah paras minimum yang telah pun diwartakan oleh kerajaan.

Soalan saya ialah apakah langkah yang diambil, yang akan diambil atau hendak diambil oleh kerajaan untuk memastikan sasaran Rancangan Malaysia Kesebelas dapat dicapai berjumlah RM5,000. Mohon jawapan Menteri. Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, juga dua soalan dalam satu. Satunya iaitu tentang sasaran untuk mendapatkan gaji yang sebegitu banyak. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Majlis Perundingan Gaji Negara melalui jawatankuasa teknikalnya telah dan sedang membuat kajian agar gaji minimum ini akan dikaji dan dilaksanakan dua tahun sekali dalam dua tahun.

Dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita bersama-sama dengan PEMANDU telah mengadakan beberapa klinik iaitu yang melibatkan satu pihak majikan, pihak pekerja dan juga mengambil kira akan pandangan-pandangan yang kita terima dari kementerian-kementerian yang bersangkutan-paut. Dalam pada ini Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dari segi klinik yang telah kita adakan, seramai 8 klinik telah diadakan yang melibatkan dalam mana kita telah memanggil atau *engaged* pihak majikan, pihak pekerja dan juga memang kita sebagai kementerian, kita sebagai orang tengah.

Jadi dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, klinik-klinik ini telah diadakan sejak bulan Disember 2013 sehinggalah 23 April tahun 2014. Ini yang telah kita buat. Jadi, mengenai soalan yang kedua yang telah diajukan itu ada sangkut-paut dengan sasaran kita untuk mencapai mengikut apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Kuala Langat dalam mana gaji bagi tahun 2020 adalah disasarkan untuk RM5,000.

Soalan yang kedua Tuan Yang di-Pertua, *can you please repeat it again?* Yang Berhormat Kuala Langat, boleh sebut semula, ulang semula.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Sasaran, sasaran.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Sasaran saya telah sebut secara tidak langsung. Okey, terima kasih.

2. Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan strategi utama negara untuk mengukuhkan institusi keluarga di Malaysia.

Timbalan Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Tuan Yang di-Pertua, keluarga adalah sebuah unit asas sosial yang membekalkan sumber

manusia untuk pembangunan serta menjamin kesinambungan insan sebagai generasi akan datang.

Mengikut peruntukan dalam deklarasi hak asasi manusia sejagat, institusi keluarga adalah satu unit terpenting dalam masyarakat. Sehubungan dengan itu, adalah wajar institusi keluarga diberi perlindungan oleh masyarakat dan kerajaan. Sehubungan dengan itu, institusi keluarga perlu diperkukuh, diperkaya, diperkasa dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang terkini.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengeluarkan Dasar Keluarga Negara dengan bertujuan untuk menekankan usaha mengarusperdanakan kesejahteraan keluarga dalam dasar perundangan dan program pembangunan negara. DKN turut dilengkapi dengan Pelan Tindakan Keluarga Negara bagi memperincikan lagi tindakan yang perlu diambil oleh kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, NGO, ahli akademik, sektor swasta dan anggota masyarakat.

Sehubungan dengan itu, DKN diterjemahkan dalam bentuk program dan aktiviti untuk memudahkan pihak yang berkepentingan melaksanakannya dengan berkesan. Pelan tindakan mengandungi 3 teras strategik yang meliputi sektor-sektor utama negara serta melibatkan 40 agensi pelaksana. Dalam usaha mengukuhkan institusi keluarga di negara serta melaksanakan pelan tindakan, kementerian telah membentangkan satu cadangan hala tuju strategik pembangunan keluarga Malaysia pada 3 Mac 2015 dalam Mesyuarat Majlis Sosial Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan telah meluluskan syor seperti berikut:

- (i) mewujudkan tempat rujukan atau *focal point* kesejahteraan keluarga di setiap kementerian dan jabatan di peringkat Kerajaan Pusat dan negeri; dan
- (ii) memperkasa Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sebagai *Family Centre of Excellence* ataupun Pusat Kecemerlangan Keluarga.

Berdasarkan pencapaian Rancangan Malaysia Kesepuluh, inisiatif telah diambil untuk memperkukuh institusi keluarga melalui usaha penerapan nilai kekeluargaan yang positif. Seramai 1.29 juta peserta telah mengambil bahagian dalam program yang dilaksanakan oleh LPPKN seperti Ilmu Keluarga @ LPPKN, SMARTSTART, Keluarga@Kerja dan SMART Belanja @ LPPKN.

Di samping itu, seramai 165,000 keluarga mendapat manfaat daripada program yang dikendalikan oleh 4 Pusat Sehati Perkhidmatan Keluarga yang telah ditubuhkan untuk memberi khidmat sokongan seperti kaunseling, mengantara, terapi, mengurangkan tekanan dan juga kesihatan reproduktif. Kementerian melalui LPPKN juga telah melaksanakan kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (IKK) pada tahun 2011.

Objektif utama kajian ini adalah untuk membina satu set indikator bagi mengukur tahap kesejahteraan keluarga. Seterusnya, menghasilkan indeks kesejahteraan keluarga Malaysia. Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia yang dicatatkan pada tahun 2011 adalah sebanyak 7.55

pada *score* maksimum 10. Daripada 7 *domain* yang telah dikenal pasti, didapati *domain* keluarga dan agama, kerohanian mencatatkan skor *domain* tertinggi iaitu 8.25. Ini diikuti oleh skor *domain* keluarga dan komuniti iaitu 7.83, hubungan kekeluargaan 7.82, keselamatan keluarga 7.39, kesihatan keluarga 7.38, keluarga dan persekitaran 7.28, ekonomi keluarga 6.9. Menjelang tahun 2020, kementerian menyasarkan dapat meningkatkan IKK kepada 8.0.

Rancangan Malaysia Kesebelas pula telah menjadikan keluarga sebagai golongan sasaran di bawah bidang fokus memperkasa komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera. Dalam hal ini, tumpuan akan diberikan kepada usaha memperkasa masyarakat bagi meningkatkan *inclusivity* melalui penyediaan keperluan komuniti, termasuk keluarga. Strategi yang akan dilaksanakan termasuk mengukuhkan institusi keluarga dengan meningkatkan kemahiran keibubapaan dan nilai kekeluargaan serta menambah baik perkhidmatan kaunseling dan sistem sokongan dan keluarga. Di bawah strategi ini, Indeks Kesejahteraan Keluarga seperti yang disebutkan tadi akan mencapai 8 daripada 10 menjelang tahun 2020. Terima kasih.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana jawapan yang cukup komprehensif. Kita tidak dapat- *we cannot*. Kita tidak dapat sama sekali menafikan kepentingan institusi keluarga. Oleh sebab dari institusi keluarga yang kukuhlah melahirkan pemimpin di masa depan. Daripada institusi keluarga yang tempang lahir gejala penyalahgunaan dadah, penjenayah dan lain-lain lagi di masa ini dan masa depan.

Soalan saya ialah apakah pihak kerajaan dari yang disebutkan tadi ada bercadang, berhasrat untuk mengadakan kajian yang menyeluruh dan menggunakan pendekatan yang holistik? Khusus untuk institusi keluarga yang terancam di kalangan masyarakat yang paling termiskin. Oleh kerana di tempat saya misalnya, gejala penyalahgunaan dadah akibat kegagalan dan ketempangan institusi keluarga tadi berlaku pada yang termiskin. Mereka terperangkap dalam kitaran ganas kemiskinan, tidak ada masa untuk ke LPPKN dan lain-lain lagi. Jadi apakah akan ada rancangan, rencana dan usaha khusus kepada mereka? Terima kasih.

■1020

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah yang amat prihatin tentang keluarga. Begitulah kita juga semua termasuklah kita dalam kerajaan dan kementerian ini.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, selaras dengan cadangan hala tuju strategik yang saya sebutkan tadi itu untuk kita membangunkan keluarga Malaysia yang telah pun diluluskan itu, maka kementerian melalui LPPKN telah melaksanakan bengkel ataupun *lab* pada 15 dan 16 Jun baru-baru ini yang mana kita telah melibatkan pelbagai agensi dan kementerian yang lain yang ada kaitan dengan sistem kekeluargaan dan pembangunan masyarakat. Tujuan diadakan bengkel ini adalah supaya kita dapat membawa semua pihak ini secara holistiknya untuk memikir dan merancang bagaimana kita dapat benar-benar membina keluarga yang bahagia dalam negara kita Malaysia yang tercinta ini.

Alhamdulillah, hasil daripada perbincangan tersebut, kita akan mula mengadakan program di peringkat akar umbi yang mana disebutkan tadi oleh Yang Berhormat, kawasan yang mungkin dianggap miskin di dalam bandar ini, kita akan mula dengan di kawasan bandar di PPR Hiliran Ampang. Tujuannya itu ialah supaya kita dapat membawa semua pihak melihat tempat ini mungkin dianggap sebagai tempat yang berisiko daripada pelbagai perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah tadi itu.

Selain daripada itu, kita juga mula turun ke akar umbi di peringkat perkampungan dengan kita, pertamanya, melatih pemimpin-pemimpin di peringkat akar umbi daripada Rukun Tetangga, daripada *mediator* komuniti dan pemimpin-pemimpin masyarakat di peringkat akar umbi supaya kita dapat melatih mereka ini menjadi penyelesaian masalah di peringkat komuniti setempat itu. Tidak payah pergi ke LPPKN ataupun di pusat-pusat kita tetapi di peringkat komuniti itu sendiri kita dapat mewujudkan di mana kita dapat menyelesaikan masalah-masalah komuniti, masalah keluarga dan dalam masa yang sama kita dapat juga mendengar apa lagi masalah yang perlu kita selesaikan, *insya-Allah*.

Dari segi kajian pula, memang kita di kementerian, LPPKN sentiasa mengadakan kajian bagi memastikan apa juga program yang telah kita laksanakan itu sama ada dia sudah tercapai objektifnya atau masih lagi belum dapat. Maka kita akan cuba lagi tingkatkan, perbaiki lagi, *insya-Allah*. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dalam usaha untuk memperkukuhkan institusi masyarakat ataupun keluarga, saya lihat bahawa kena ada usaha bagi mempertingkatkan rasa hormat-menghormati antara kalangan masyarakat mengikut strata sosial masing-masing. Dahulu umpamanya, diajar ilmu-ilmu adab seperti adab kepada orang tua, adab kepada pemimpin, adab kepada guru, adab rakan sebaya dan sebagainya iaitu sudah tidak ada sekarang ini. Disebabkan itulah institusi keluarga bergolok dan macam-macam hal berlaku.

Jadi pada pandangan saya, apakah kerajaan tidak cadang untuk mewujudkan kembali mata pelajaran yang berkaitan dengan ilmu adab bagi mengajar adab masing-masing dalam kehidupan kita? Minta ulasan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Parit. Kalau dari segi mungkin masukkan dalam kurikulum itu mungkin Kementerian Pelajaranlah yang boleh menjawab.

Akan tetapi daripada perspektif kementerian kita, di bawah LPPKN memang kita telah pun ada program-program untuk memupuk hubungan kasih sayang antara anak-anak dengan ibu bapa. Oleh sebab itulah kita telah membuat sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan yang telah pun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2012 di Pekan, Pahang.

Kita juga terus mengadakan program-program Hari Ibu dan Hari Bapa yang sejak tahun 2002 lagi telah kita laksanakan. Ini semua adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi kesedaran dalam kalangan masyarakat bagi kita menghargai pengorbanan dan kasih sayang ibu bapa itu

kepada anak-anak dan anak-anak pula akan timbul rasa kasih sayang dan hormat kepada ibu bapa mereka. Macam tema sambutan Hari Bapa pada tahun 2015 ini ialah 'Saya Sayang Bapa' dan untuk Hari Ibu pula, 'Saya Sayang Ibu'. Ini yang kita tekankan. Jadi kita berjalan ke mana-mana seluruh negara ini, kita bawalah tema ini dan kita panggillah semua anggota masyarakat kita untuk bersama-sama dengan kita.

Begitu juga dalam kursus-kursus yang kita adakan seperti program kursus-kursus keibubapaan, program Keluarga@Kerja kerana sekarang ini ibu bapa sibuk bekerja, maka kita bawa pula kursus ini kepada mereka di tempat kerja mereka. Kita bekerjasama dengan NGO, kita bekerjasama dengan jabatan, korporat dan swasta supaya ini dapat kita laksanakan. Kita juga ada program pra-perkahwinan SMARTSTART supaya sebelum mereka berkahwin ataupun dalam tempoh masa lima tahun berkahwin itu kita dapat tingkatkan lagi ilmu suami isteri, ilmu keibubapaan dan sebagainya.

Kalau saya sebutkan, terlalu panjang. Nanti Tuan Yang di-Pertua marah kepada saya. Jadi sampai di situ sahaja, Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bukan marah, Yang Berhormat.

3. Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta Perdana Menteri menyatakan penjelasan mengenai kemampuan Petronas mengekalkan prestasi kewangan yang baik untuk tempoh 5 tahun akan datang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, Petronas sentiasa mengamalkan prinsip perbelanjaan yang berhemah sebagai langkah proaktif di dalam menghadapi keadaan pasaran industri minyak dan gas yang tidak menentu dan sentiasa berubah-ubah ini. Amalan ini telah mempersiapkan Petronas dengan persediaan yang diperlukan di dalam menghadapi kemerosotan harga minyak global semasa yang telah memberi impak kepada syarikat-syarikat minyak dan gas di seluruh dunia.

Di antara langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Petronas untuk mengekalkan prestasi kewangan yang baik adalah melibatkan perkara-perkara berikut.

Pertama, penjimatan kos di mana ini melibatkan pengurangan perbelanjaan modal atau CAPEX sehingga 15% dan pengurangan perbelanjaan operasi atau OPEX di dalam lingkungan 15% hingga 30%.

Kedua, penilaian semula pelaburan di mana keutamaan akan diberi kepada projek-projek yang lebih kompetitif dan berdaya saing.

Manakala yang ketiga ialah dari segi pengeluaran di mana Petronas akan mengekalkan tahap pengeluaran sedia ada di mana kadar pengeluaran domestik pada masa ini adalah sekitar 500 hingga 700 ribu tong sehari di samping menggiatkan usaha-usaha tertentu melalui pengurusan amalan pengurusan *reservoir* yang efisien dan menjalankan kerja-kerja teknikal yang diperlukan bagi mengekalkan tahap pengeluaran yang sama.

Diharapkan dengan langkah-langkah ini dibantu dengan urus tadbir korporat yang tinggi di samping sokongan kerajaan yang jitu, Petronas yang merupakan syarikat tunggal Malaysia yang tersenarai dalam Fortune 500 dengan operasi melangkaui lebih 50 negara akan terus kekal maju, mampan dan berdaya saing dalam menghadapi senario masa hadapan yang lebih mencabar terutamanya dalam tempoh lima tahun yang akan datang.

Terima kasih.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, seperti mana yang kita tahu, bahawa Petronas ini adalah merupakan antara penyumbang utama kepada pendapatan negara dan sebab itulah apa-apa jua yang menjadi himpitan kepada Petronas tentulah akan meninggalkan kesan yang cukup signifikan kepada negara. Atau *in other words, people can say that when Petronas sneezes, there is no denying that Malaysia will catch a cold.* Begitulah impaknya Petronas.

Jadi apa yang dilaporkan dalam *first quarter report of Petronas* punya *performance*, Petronas telah menyaksikan penurunan pendapatan yang agak ketara daripada RM88 bilion kepada RM66 bilion. Manakala *profit* Petronas juga telah menurun daripada RM18 bilion ke RM11 bilion, penurunan sebanyak 40%, satu angka yang cukup signifikan. Kemudian Petronas juga mengumumkan akan melakukan pengurangan dalam OPEC sebanyak 30% dan CAPEX sebanyak 10% yang tentu sekali menelan jumlah yang agak besar, mungkin dalam lingkungan RM10 bilion ke RM20 bilion.

Mengambil kira semua faktor ini, apakah ia akan membabitkan *some element of separation scheme* yang akan dilakukan dalam Petronas? Itu satu.

■1030

Apakah komitmen Petronas yang dikatakan perlu membayar dividen sejumlah RM26 bilion kepada negara akan, *will be reviewed* memperlihatkan kedudukan Petronas pada waktu ini. Sekian terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas. Soalan berangkai yang perlukan banyak penjelasan. Apa pun saya setuju dan kita harap Petronas *won't catch cold* bagi memastikan pendapatan negara dapat ditadbir dengan baik. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat tentang pendapatan negara yang mungkin berkurangan seperti yang telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kalau sekitar tahun 2013, sumbangan dividen daripada duti eksais, daripada cukai korporat dan juga bayaran tunai pada tahun 2013, kita RM73 bilion. Tahun 2014, RM75 bilion dan tahun ini dalam pengumuman yang dibuat, *forecast* ataupun jangkaan kita menurun kepada RM43 bilion lebih kurang. Kita belum tahu bergantung kepada harga minyak dunia.

Namun begitu apa yang dibangkitkan tadi satu jaminan yang mungkin boleh kita beri ialah kita akan terus mengekalkan 50,000 orang pekerja Petronas yang ada di seluruh dunia ini kerana pada masa ini pengurangan perbelanjaan itu tertakluk kepada pembiayaan perjalanan mesyuarat dan lain-lain perbelanjaan bagi memastikan pekerja kita itu akan terus kekal kerana bagi

mengekalkan operasi Petronas hari ini, kita sebenarnya masih perlu tambahan daripada jumlah pekerja tersebut.

Ini mungkin jaminan yang boleh kita beri kepada pekerja-pekerja Petronas, tidak akan ada berlaku pengurangan pekerja kerana jika berlaku pengurangan pekerja, operasi kita pula akan terjejas. Akan tetapi dengan pengurangan sekitar 30% tadi, ia masih dapat kita kekalkan semua pekerja yang ada.

Mengenai pertanyaan-pertanyaan tentang urus tadbir Petronas, seperti yang saya nyatakan tadi, empat perkara ini akan memastikan kita boleh bertahan selama tempoh lima tahun bergantung kepada *forecast* harga minyak dunia. Minyak mentah dunia sekitar sekarang ini berlegar USD63. Turun naik dalam tempoh lima tahun dengan apa yang sedang dilakukan ini, *insya-Allah* Petronas boleh dapat terus beroperasi dan terus menyumbang kepada pendapatan kerajaan dan negara kita seperti diumumkan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 21 Mei yang lalu. Terima kasih.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Dividen tadi, dividen?

Dato' Razali bin Ibrahim: Dividen, kita memperoleh dividen sekitar RM27 bilion pada tahun 2013, RM29 bilion lebih kurang kalau seingat saya pada tahun lepas. Tahun ini bergantung kepada *forecast* suku tahun pertama belum dimuktamadkan dan saya pasti dengan harga minyak yang berlegar sekitar USD63, USD65 ini sudah tentu jumlah ini akan menurun dan keseluruhan itu yang saya nyatakan tadi *forecast* pendapatan keseluruhan yang mungkin kita peroleh daripada Petronas sekitar RM43 bilion pada tahun 2015 ini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat beritahu kepada Dewan yang mulia ini berapa buah negara terlibat di dalam operasi kita dan jumlah pelaburan yang diadakan untuk operasi? Berapa buah negara?

Dato' Razali bin Ibrahim: Soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Kepong ini sangat spesifik daripada segi jumlah pelaburan. Kita ada di merata dunia Yang Berhormat termasuk antara yang menjadi perbualan adalah di Kanada sebagai contoh. Negara-negara ini adalah antara perkara utama dalam perniagaan Petronas. Malahan dalam pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun, dalam kita menghadapi suasana harga minyak mentah yang rendah dan bernasib baik urusan kita di luar sangat besar dengan tukaran wang asing yang semua orang tahu hari ini. Tumpuan kepada operasi di luar negara ini sebenarnya banyak menyumbang.

Saya tidak dapat beri spesifik berapa jumlah negara dan jumlah pelaburan. Dua perkara ini saya akan bekalkan kepada Yang Berhormat secara tepat daripada saya melakukan kesilapan daripada jumlah kerana perniagaan Petronas ini kita tahu besar. Jadi yang saya tahu 50,000 orang pekerja kita, pekerja Petronas tidak termasuk dengan pekerja dengan syarikat usaha sama di negara tersebut adalah 50,000 orang.

Maknanya satu organisasi yang sangat besar dan saya akan bagi Yang Berhormat Kepong jumlah pelaburan dan juga negara-negara yang kita melabur. Terima kasih Yang Berhormat.

4. **Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan jumlah tangkapan ikan laut dan ikan air tawar mengikut negeri pada tahun 2014. Nyatakan juga pelaksanaan dan keberkesanan Program Ikan Rakyat.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salah sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat Batu Gajah. Saya ada satu pantun boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Untuk Yang Berhormat Batu Gajah.

Di Pasir Berdengung duduk bersembang,

Sambil bersembang bermain-main.

Yang Berhormat Batu Gajah janganlah bimbang,

Kestabilan bekalan dan harga ikan adalah terjamin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Itu sebahagian daripada jawapan itu?

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Ya sebahagian. Ini khusus untuk orang 'pasir berdengung'. *[Ketawa]* Mana yang faham, yang tidak faham. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, dimaklumkan bahawa jumlah pengeluaran ikan pada tahun 2014 ialah sebanyak 1.56 juta metrik tan. Itu jumlah pengeluaran ikan pada keseluruhannya, 1.56 *million* metrik tan. Daripada jumlah itu, pengeluaran ikan laut atau marin ialah sebanyak 1.4 juta metrik tan manakala pengeluaran ikan air tawar pula ialah sebanyak 106,731 metrik tan yang memberikan jumlah sebanyak 1.56 *million* metrik tan.

Daripada jumlah tersebut, pengeluaran yang terbanyak ialah dari negeri Perak sebanyak 353,000 metrik tan dan keduanya ialah daripada negeri Sabah sebanyak 218,000 metrik tan dan negeri Sarawak 167,000 metrik tan.

Soalan yang kedua daripada Yang Berhormat Batu Gajah, beliau ingin mengetahui pelaksanaan dan kejayaan Program Ikan Rakyat. Program ini kita mulakan pada tahun 2013 Tuan Yang di-Pertua dengan peruntukan sebanyak RM2.5 juta dan berikutan dengan pelaksanaan program ini, di antara keberkesanannya ialah seperti;

- (i) Menstabilkan harga ikan sebagaimana yang saya sebutkan tadi dan juga menyumbang kepada pengurusan impak kos sara hidup;
- (ii) Memastikan bekalan yang cukup;
- (iii) Penyertaan usahawan dan pembekal dan pemasar; dan
- (iv) Berjaya mewujudkan ruang-ruang *outlet* pasaran yang berpotensi.

Kita dapati Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali ikan rakyat ini, selain daripada bekalan yang cukup ialah harganya.

■1040

Harga yang tidak membebankan kepada pembeli ataupun kepada rakyat. Kita telah menetapkan umpamanya harga siling ikan kembung RM9 satu kilogram dan selar RM8, pelaling RM7 dan seterusnya. Mengikut laporan hari ini umpamanya, harga ikan-ikan ini di pasaran terbuka jauh lebih tinggi daripada harga yang ditetapkan melalui Program Ikan Rakyat ini. Sebagai contoh, ikan kembung pada hari ini di *market*, berharga RM14 tetapi harga siling yang ditetapkan oleh Program Ikan Rakyat cuma RM9.

Jadi ada penjimatan sebanyak RM5. Lagi satu contoh, ikan pelata di pasaran terbuka atau pasaran basah berharga RM12. Ikan rakyat hanya RM8.50. Selain itu, saya bagi contoh satu sahaja lagi iaitu ikan selayang. Ikan selayang ini juga terkenal sebagai ikan curut. Bukan cerut. Cerut itu yang kita hisap malam-malam itu. Ikan curut di pasaran basah berharga RM9. Ikan rakyat cuma RM7.50.

So I am trying to say is that dengan harga siling yang ditetapkan melalui program ikan rakyat ini, pembeli, pengguna dapat harga yang jauh lebih rendah daripada pasar basah. Itulah keberkesanannya kerana dengan *supply* ataupun bekalan, tidak ada masalah. Terima kasih.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya terima baik jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah berkaitan dengan projek penternakan ikan tilapia dalam sangkar iaitu satu projek usaha sama Malaysia dengan Norway di Tasik Temenggong, Perak. Saya difahamkan ini adalah satu projek teknologi tinggi dan menghasilkan spesies tilapia yang berkualiti. Apakah teknologi yang diperkenalkan dan bagaimanakah ia membantu industri ini. Adakah hasil dapat ditingkatkan ataupun dari segi saiz ikan itu sendiri ataupun bagaimana kita kata projek ini telah berjaya.

Saya juga ingin tahu bagaimanakah usaha ini dijalankan dapat membawa faedah kepada negara kita dan juga kepada negara Norway. Kenapa usaha sama ini dijalankan. Berapakah jumlah dana yang disuntik...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah tujuh soalan, Yang Berhormat.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Semua mengenai satu perkara sahaja iaitu berkaitan dengan Projek Penternakan Ikan Tilapia Dalam Sangkar. Saya juga ingin tahu apakah skala projek ini dijalankan dan adakah ia mengganggu periuk nasi penternak-penternak kecil ikan tilapia yang lain? Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk memperluaskan projek ini ke negeri-negeri lain selain daripada negeri Perak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, jawab mana yang patut, Yang Berhormat ya.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, banyak betul. Saya ingat sepuluh soalan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: 12 itu.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: 12 ya? Jadi oleh kerana terlalu banyak, saya buat jawapan secara bertulis sahajalah. Terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak fokus kepada ikan – kerana yang tadi sudah dijawab secara bertulis, bukan? Berkaitan dengan ikan darat ini, ikan sungai. Kita tahu hari ini ikan laut ada sedikit masalah kerana nelayan-nelayan luar negara sudah mula mengawal di kawasan pasaran tetapi ikan-ikan sungai ini sudah mula mendapat tempat dan memberi pulangan yang lumayan kepada rakyat tempatan di mana kita tengok pada hari ini ada ikan bakar, ikan baung masak lemak, ikan tenggalan goreng cichang dengan kicap. Ini semua sebenarnya orang yang tidak biasa makan ikan sungai dia akan rasa sedap.

Soalan saya, bagaimana pendekatan Kementerian Pertanian di bawah Jabatan Perikanan untuk memastikan sumber ikan darat ini tidak berkurangan di sungai-sungai di seluruh negara. Ini kerana kita perhatikan, bajet untuk menambah biakkan pelbagai spesies ikan sungai ini tidak banyak. Kalau negeri Perak, saya difahamkan tahun ini dalam 300,000 sahaja untuk melepaskan anak-anak ikan sangkar. Minta kementerian melihat perkara ini dan apa perancangan untuk memastikan ikan darat ini terus berkembang dan memberi pulangan kepada rakyat kampung di mana rakyat kampung bergantung kepada ikan darat dan juga dia boleh membuat kerja-kerja lain. Kalau nelayan di laut, dia semata-mata kepada ikan. Minta penjelasan Yang Berhormat Pasir Salak yang *handsome*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia minta jawapan lisan itu, Yang Berhormat. Itu dia panggil *handsome*.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Baik ada makna itu. Bulan September ya. [Ketawa] September. Itu kita sama kita sahajalah yang tahu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat yang menarik perhatian kita kepada sungai sebagai sumber ikan yang sangat baik, yang boleh mengeluarkan banyak bilangan kuantiti dan juga kualiti ikan untuk rakyat jelata.

Bagi pihak kerajaan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah pun melancarkan satu dasar atau strategi untuk meningkatkan pengeluaran ikan, tidak bergantung kepada ikan marin atau laut sahaja kerana kita bimbang kalau kita bergantung kepada ikan laut, masalah *food security* kita mungkin terjejas disebabkan faktor-faktor musim tengkujuh, nelayan tidak boleh turun ke laut dan sebagainya. So, atas dasar itu pengeluaran ikan yang perlu ditambah dengan pertambahan penduduk perlu ditingkatkan dari sektor ikan akuakultur iaitu penternakan ikan yang ditenak.

Kita telah meletakkan sasaran untuk meningkatkan *ratio* pengeluaran ikan akuakultur ini kepada 50%. Pada masa ini, nisbahnya ialah lebih kurang 20% akuakultur dan 80% marin. So kita menyasarkan dalam beberapa tahun ke hadapan ini, *our target is 50:50*. Kita buat dasar ini atas kesedaran sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Kita telah memohon peruntukan yang banyak untuk tujuan ini. Jadi Yang Berhormat sokong, saya ucap berbilang-banyak terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tambah satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ini kerana tadi Yang Berhormat Batu Gajah soalan tambahan tidak dijawab. Sangat penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukup, cukup Yang Berhormat.

5. Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk menggerakkan atau menjadikan negara ASEAN sebagai Hub Produk Halal Dunia.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Kota Tinggi kerana memandang jauh tentang industri halal untuk memacu ekonomi pada masa akan datang dan inilah antara tugas Ahli Parlimen.

Jadi jawapannya Tuan Yang di-Pertua, kalau di peringkat ASEAN, belum ada perancangan untuk menjadikan ASEAN sebagai Hub Produk Halal Dunia.

■1050

Walau bagaimanapun, di peringkat negara kita sudah ada dalam pelan tindakan. Ertinya jika negara Malaysia menjadi hab produk halal dunia sebagaimana yang dirancang pada tahun 2020, secara tidak langsung ia mewakili negara ASEAN. Jadi yang penting Tuan Yang di-Pertua ialah kerjasama. Walau bagaimanapun saya hendak bagi tahu di sini iaitu kerjasama promosi dan pengeluaran produk halal dimasukkan di dalam pelan tindakan komuniti ASEAN itu sendiri dalam *post* pelan tindakan komuniti ASEAN yang akan diumumkan dalam Sidang Kemuncak Negara ASEAN Ke-27 pada November 2015 di Kuala Lumpur nanti.

Jadi kita tunggu pengumuman dan kita harap semua negara ASEAN bersetuju. Apa yang penting ialah promosi tersebut dibuat untuk meningkatkan kesedaran tentang industri halal merupakan industri yang berpotensi tinggi untuk memacu pertumbuhan ekonomi di kalangan negara-negara ASEAN itu sendiri. Ini kerana kita tahu di negara ASEAN sedia ada lebih kurang 300 juta penduduk Islam dan di mana penduduk Islam ini telah pun meningkat taraf hidupnya sebagai populasi kelas pertengahan.

Kerajaan akan terus meningkatkan ekosistem industri halal dalam negara selaras dengan objektif asal iaitu sebagai negara Malaysia sebagai hab produk halal dunia menjelang tahun 2020. Dalam konteks ini, dalam konteks ASEAN ia bertepatan dengan salah satu daripada pemegang komuniti ASEAN iaitu ekonomi dan bertepatan dengan temanya dalam bahasa Inggeris dengan izin, "*Our People Our Community, Our Vision*". Sekian terima kasih.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada *preamble* sedikit sebab saya hendak sebut sini bahawa Malaysia merupakan negara pertama mempunyai sistem halal yang *documented and systematic halal assurance system*, dengan izin. Saya juga hendak sebut di sini bahawa pertumbuhan penduduk daripada 1.8 bilion *Muslim population* untuk tahun 2014 akan menjadi 2.2 bilion *by 2030*, dengan izin pertambahan 26.4%.

Apa yang lebih penting ialah tahun lepas Malaysia mengeksport sebanyak RM37 bilion *worth of halal products*. Halal produk ini termasuk bukan makanan sahaja termasuk dengan *service financial service*, sukuk, termasuk dengan *pharmaceutical product*, kosmetik dan sebagainya. Dijangkakan pada tahun 2019, tahun lepas kita punya total produk untuk halal USD2.33 trilion. Pada tahun 2019 dijangkakan akan berkembang menjadi USD3.7 trilion berkembang 9.5% *every year*.

Hari ini produk kita baru RM37 bilion bermakna hanya 1.85%. Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mesti mengambil peluang dengan menjadi *ASEAN Economic Chair* ini untuk membuka lebih banyak pelaburan dan perkembangan. Untuk kita manfaatkan dan inisiatif daripada *ASEAN Economic Community* ini akan menjadi satu lonjakan besar untuk negara pada hujung tahun ini.

Cuma saya hendak cadang kepada kementerian, adakah kita mempunyai kekuatan ataupun perlu memantapkan lagi jentera-jentera, *machinery-machinery* yang ada di bawah kementerian khususnya *Halal Industry Development Corporation* ini. Kalau tidak cukup kuat perlu dikuatkan lagi, perlu dimantapkan lagi. JAKIM kalau ada spesifik kalau kita perlukan SPV ataupun jentera khas mesti dimantapkan sebab kita mesti rebut peluang yang begitu besar yang ada dalam *halal industry* ini. Jadi, apakah kerajaan bercadang untuk memantapkan lagi jentera yang kita ada. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Saya fikir ada dua perkara yang perlu saya sebut di sini. Pertama, inisiatif berjalan terus dari segi mempromosi sebab itu tahun ini kerajaan menganjurkan *World Halal Summit* yang biasanya kita panggil MIHAS yang mengandungi dua komponen. Pertama, komponen *showcase* termasuklah pepadanan perniagaan kita percaya dengan jualan hampir setengah bilion. Kedua ialah forum ataupun dengan izin *conference* yang merangkumi perkara-perkara- ini forum dengan pemimpin-pemimpin negara di peringkat dunia, termasuklah mereka-mereka yang berkepentingan, berkongsi cerita-cerita kerajaan, berkongsi keyakinan potensi masa hadapan industri halal, berkongsi inovasi, berkongsi untuk memudahkan audit dan pensijilan.

Kedua Yang Berhormat Kota Tinggi ialah yang penting bagaimana kita boleh tingkatkan dan boleh memeriahkan lagi ekosistem halal di Malaysia ini. Betul kita perlu perkasakan *so-called* Halal Development Corporation iaitu sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan di bawah MITI. Pada masa yang sama juga agensi perlu mendapat kerjasama daripada semua pihak dan ini semua terlibat dalam ekosistem. Ekosistem dari segi pengeluaran, ekosistem dari segi perkhidmatan, ekosistem dari segi infrastruktur termasuklah tadi saya disebut oleh Yang Berhormat Kota Tinggi sokongan daripada agensi-agensi kerajaan.

Juga yang penting, yang tidak boleh kita lupakan ialah ekosistem dari segi *human capital* khususnya pengetahuan pekerja termasuklah bagaimana kita boleh memudahkan *auditing* untuk tujuan pensijilan. Sudah sampai masanya juga universiti memasukkan *syllabus* halal ini dalam sistem pembelajaran mereka. Jadi, ekosistem ini kalau lengkap semua sekali ia akan

memudahkan tentang hasrat dan tujuan murni seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Tinggi tadi. Sekian terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Naib Presiden duduk depan ya.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Oleh kerana potensi untuk produk halal hab ini peringkat dunia ini begitu meningkat memandangkan bilangan umat Islam di seluruh dunia hari ini sudah meningkat sampai 1.6 bilion. Maka, persoalan saya ialah saya hendak tanya berkenaan Kementerian apakah, berapa peratus ataupun *target* pengeluaran yang dikeluarkan oleh produk halal ini untuk produk dipasarkan kepada dunia. Ini kerana memandangkan Malaysia ini memiliki dari segi GMP nya dan juga IMP nya yang diterima pakai di peringkat seluruh dunia. Jadi persoalan saya ialah berapakah *target* yang diletakkan oleh Kementerian untuk membolehkan produk halal hab di Malaysia ini berada di pasaran dunia.

Ini kerana saya lihat banyak produk minuman yang berlegar di sekitar di Asia Barat, yang peliknya ialah mereka itu dikilangkan di Jeddah dan juga di Qatar dan sebagainya. Kenapa tidak kita sebagai salah sebuah negara pertanian yang sama berada di pinggir dengan Thailand dan juga Indonesia boleh untuk kita menjadikan sebagai *base* kita untuk memasarkan barang produk halal ini ke seluruh dunia. Minta penjelasan terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Naib Presiden yang baru. Tahniah. Beliau juga mempunyai pengetahuan yang boleh tahan juga tentang masa depan industri halal.

■1100

Saya nak sebut di sini ialah kita tidak boleh dalam masa mudahnya terkejar pasaran di dunia ini sekiranya kita tidak buat promosi tentang produk-produk kita, tentang standard sijil halal kita. Bila sebut *target* eksport kita untuk pasaran dunia, saya nak sebut di sini ada berfasa. Fasa pertama menjelang tahun 2020, angkanya kecil. Oleh sebab itu saya agak terperanjat juga apabila semak angkanya kecil iaitu cuma RM20 bilion tetapi pencapaian tahun lepas sahaja telah pun sampai ke tahap hampir RM38 bilion. Maknanya sasaran tersebut tidak lagi *significant*, maknanya tidak lagi relevan dengan situasi semasa.

Jadi saya nak beritahu di sini ialah yang penting, kita ada ekosistem yang lengkap, kita buat promosi dan mereka faham tentang situasi atau ekosistem yang berlaku dalam Malaysia dan saya nak menggunakan satu analogi yang mudah sahajalah. Umpamanya sebuah lebuhraya lengkap dari utara ke selatan yang canggih tetapi jika *traffic volume* nya ataupun jumlah trafiknya tidak cukup, lebuhraya tersebut tidak dapat digunakan sepenuhnya dan mustahil keperluan-keperluan lain seperti R&R, Petronas dan sebagainya dapat jual produk mereka dengan maksimum dan inilah yang kita buat sekarang.

Kerajaan menyediakan segala ekosistem yang lengkap. Apa yang penting ialah penglibatan ataupun partisipasi daripada semua pihak. Kerajaan negeri, swasta, agensi kerajaan,

GLC dan sebagainya. Itu maksud saya. Yang penting ialah kita bergerak bersama. Sekian, terima kasih.

6. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) tentang peranan dan tanggungjawab "*Community Policing*" sejak ia ditubuhkan, adakah ia mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang termasuk tangkapan; dan
- (b) adakah pihak polis telah menapis latar belakang setiap anggotanya dan berapa aduan diterima terhadap sikap dan perbuatan anggota-anggota ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan (a), peranan ahli persatuan kepolisian komuniti adalah sebagai pemangkin untuk menjayakan program *community policing* dan memastikan segala tindakan mereka tidak melanggar perundangan negara. Persatuan kepolisian komuniti akan bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia untuk menjalankan aktiviti pencegahan jenayah secara sukarela, membantu Polis Diraja Malaysia dalam usaha menyedarkan masyarakat mengenai jenayah dan peranan komuniti dalam pencegahan jenayah kepada komuniti setempat.

Daripada segi bidang kuasa, ahli persatuan kepolisian komuniti hanya boleh bertindak mengikut peraturan-peraturan dalam kawasan yang didaftar sahaja dan semua aktiviti adalah berkonsepkan *smart partnership* bersama Polis Diraja Malaysia bagi tujuan mencegah jenayah. Sebarang tangkapan yang dibuat semasa menjalankan aktiviti pencegahan jenayah oleh ahli-ahli persatuan kepolisian komuniti telah disifatkan sebagai *citizen arrest* di bawah peruntukan seksyen 27 Kanun Prosedur Jenayah, dengan seberapa segera diserahkan kepada pihak polis untuk tangkapan semula.

Bagi menjawab soalan (b), semua ahli persatuan kepolisian komuniti telah dibuat tapisan keselamatan dan tidak ada aduan diterima setakat ini berkaitan dengan sikap dan perbuatan ahli-ahli persatuan kepolisian komuniti. Kesemua ahli persatuan kepolisian komuniti juga tertakluk di bawah Akta Kawasan Rukun Tetangga, Pekeliling Rukun Tetangga, Pekeliling Skim Rondaan Sukarela dan Akta Pertubuhan Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, sungguhpun saya tidak begitu yakin tentang keperluan kita mewujudkan persatuan *community policing* ini, ingin saya tanya tentang peranan persatuan ini. Adakah ia juga bercanggah dengan kewujudan RELA yang sedia ada? Bagaimana tugas mereka tidak *overlapping*? Bolehkah Yang Berhormat Menteri bagi penjelasan atas perkara ini?

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. RELA berkonsepkan lain, Tuan Yang di-Pertua. Pada masa sekarang, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum apabila kita menugaskan pihak RELA, dia perlu dibayar secara macam elauln kepada anggota-anggota RELA dan RELA hanya boleh ditugaskan oleh pihak kementerian

sahaja supaya dibayar oleh pihak kerajaan dia punya elaun. Akan tetapi RELA kalau diminta oleh masyarakat setempat maka masyarakat setempat terpaksa membantu dari sudut elaun dan sebagainya.

Jadi maknanya anggota RELA ini jauh berlainan daripada konsep penggunaan *community policing* ataupun persatuan polis komuniti ini. Polis komuniti ini ialah sukarela macam rukun tetangga dan sebagainya, daripada masyarakat setempat yang hendak menubuhkan dan membantu pihak polis untuk membantu dalam sudut pencegahan jenayah di kawasan. Polis pada masa sekarang telah mengeluarkan satu arahan oleh Ketua Polis Negara Bil.104 – Garis Panduan Penyeragaman Persatuan Kepolisian Komuniti di seluruh Malaysia dan dalam garis panduan ini dia tebal Yang Berhormat, ada macam-macam. Apa yang dibolehkan, apa yang tidak dibolehkan dan bahkan logo mereka pun diberi yang tertentu.

Jadi dalam masa yang sama, kerajaan tidak mengeluarkan satu sen pun kewangan untuk membantu mereka daripada aktiviti-aktiviti mereka dan dalam masa yang sama, aktiviti mereka ini dipantau oleh pihak Polis Diraja Malaysia dengan ketat oleh kerana garis panduan ini mesti diikuti. Di samping itu, pihak *Registry of Societies* (ROS), juga memantau keahlian mereka dan ahli jawatankuasa mereka perlu patuh dengan semua kehendak ROS. Jadi, pemantauan itu lebih rapi Yang Berhormat walaupun bukan anggota kerajaan. Terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kewujudan *community policing* ini timbul kerana dikatakan pihak polis tidak begitu berkesan sampai ke sesuatu tempat kejadian jenayah. Jadi, seperti yang berlaku di kawasan saya, memang ada dua *group*, mereka kata *walkie-talkie team*. Maksudnya dalam sepuluh minit hingga lima belas minit, *walkie-talkie team* ini akan tiba ke tempat jenayah sebelum polis sampai. Jadi, saya nak tanya Menteri, kenapa polis tidak boleh mempunyai satu sistem seperti *walkie-talkie* ini yang boleh sampai ke tempat kejadian jenayah dengan begitu cepat seperti yang *community policing* ini?

Kumpulan-kumpulan ini boleh berbuat sedemikian kerana ada masalah dengan *community policing* ini ialah bahayanya kepada anggota-anggota kalau mereka dcederakan atau dibunuh oleh penjenayah-penjenayah kerana mereka tidak bersenjata dan pihak polislah yang lebih *well train and better equip* dengan senjata sama ada pistol atau senapang. Jadi, bolehkan beritahu kenapa pihak polis tidak boleh 'seberkesan' seperti yang kumpulan *community policing* ini, cara mereka bergerak.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya memahami soalan Yang Berhormat ini supaya kita menghapuskan semua penglibatan masyarakat dalam sudut kepolisian ataupun pencegah jenayah. Maknanya, kita letakkan tugas dan tanggungjawab ini 100% kepada polis. Maknanya semua mereka dari kawasan sama ada dia Rukun Tetangga dan sebagainya ataupun tindakan-tindakan rakyat yang mahu membantu polis ini dihapuskan dan kita berkehendakkan supaya polis bergerak cepat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Itu bukan maksud saya. Yang saya nak tanya, kenapa polis tidak boleh seberkesan?

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tiada penjelasan, Yang Berhormat.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, dah berapa penggal dalam Dewan Yang Berhormat? Saya tak pernah berdiri mencelah Yang Berhormat masa bercakap.

■1110

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Memang tidak boleh dalam waktu ini.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dalam peraturan, kena atur sedikitlah. Jadi saya berharap pihak polis mengetahui supaya pihak *community policing* diganggu polis macam Ahli Yang Berhormat mengganggu Menteri bercakap.

Tujuan ialah untuk *compliment* Yang Berhormat sebenarnya, untuk *compliment* pihak polis. Oleh kerana kita tahu pihak polis mempunyai *constrain* yang tertentu dalam sudut kemampuan untuk bergerak cepat sampai ke kawasan yang tertentu di satu-satu kawasan. Mungkin *constrain* ini oleh kerana tidak mencukupi alat kelengkapan kereta-kereta untuk sampai ke tempat yang tertentu. Ataupun oleh kerana *traffic jam* oleh kerana maklumat yang diterima daripada satu sudut dan kereta yang pada ketika itu tidak ada di situ semasa berlakunya sesuatu perkara.

Saya mengetahui mekanisme polis macam mana dia bergerak. Umpamanya kalau *information center* polis menerima maklumat berlakunya satu-satu perkara dan ia akan memberi maklumat itu secara menyeluruh kepada kereta yang terdekat sekali untuk bergegas ke tempat kejadian. Semasa dia melakukan maklumat ini kalau ada kereta polis yang terdekat, dia boleh bergegas dengan cepat yang boleh Yang Berhormat walaupun mempunyai SOP yang tertentu untuk menentukan bahawa dalam masa 15 minit mesti polis sudah berada di kawasan umpamanya, kalau di tempat yang luas.

Namun oleh kerana *constrain* jalan raya, keadaan masa, ataupun kereta pada ketika itu berada di tempat lain, patrol berada di tempat lain, jauh daripada berlakunya tempat itu. Jadi di situlah *role* yang dimainkan oleh pihak *community policing* ini sebagai masyarakat yang peka dengan keadaan keselamatan di kawasan mereka untuk membantu.

Namun saya cukup yakin pada satu ketika nanti apabila masyarakat kita sudah bertukar menjadi masyarakat yang lebih madani, sebagaimana yang berlaku di Barat Yang Berhormat, yang mana tindakan pihak-pihak sukarela dari kampung-kampung ini tidak lagi perlu, masyarakat tidak lagi melakukan perkara-perkara kecil-kecilan, rompakan, kecurian dan sebagainya. Mungkin perkara ini boleh menurun dengan sendiri dan polis akan mengambil alih keseluruhannya dari sudut kepolisan itu sendiri Yang Berhormat. Terima kasih.

7. Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan dengan jumlah rizab kehidupan liar sekarang, terdapat penurunan bilangan harimau liar di negara ini. Adakah keluasan rizab kehidupan liar ini mencukupi. Apakah data dan status harimau terkini dan apakah dasar kerajaan dalam mengeksport harimau untuk zoo di luar negara serta program pembiakan harimau dalam sangkar

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada rakan Yang Berhormat Bagan Serai. Saya tidak boleh jawab pantun itu. Sebab saya bukan orang yang mahir dalam pantun. Walaupun demikian saya anggap ianya sebuah pantun yang baik sekalilah.

Untuk makluman Yang Berhormat Bagan Serai, terdapat 35 kawasan perlindungan hidupan liar di negara kita yang telah pun diwartakan dan jumlah keluasan keseluruhannya ialah 714,267 hektar. Semuanya sudah pun diwartakan, 15 buah kawasan itu diurus oleh PERHILITAN yang melibatkan keluasan 544,449.5 hektar, manakala 20 buah lagi diurus oleh kerajaan negeri yang melibatkan keluasan 169,817.5 hektar.

Selain daripada itu terdapat juga 1.5 juta hektar hutan simpanan kekal yang dikategorikan sebagai hutan perlindungan kerana ianya adalah habitat yang terbaik untuk hidupan liar dan termasuk harimau. Namun, walaupun sebanyak ini seluas ini belum mencukupi lagi Yang Berhormat, oleh itu perlu kawasan yang lebih luas untuk hidupan liar termasuk harimau untuk berkeliaran ataupun *roaming* dan untuk cari makan dan membiak. Ini adalah penting bagi hidupan liar termasuk harimau juga.

Untuk menambahkan habitat-habitat hidupan liar, maka kementerian sememangnya sudah pun membuat satu perancangan melalui pelan tindakan iaitu mewujudkan, menambahkan dengan mengadakan *central forest spine*. Di negara kita ini kawasan hutan tidak bersambung, ianya *fragmented*, terdapat ada satu kawasan yang besar, terdapat satu kawasan yang kecil. Oleh itu mewujudkan *central forest spine* untuk pemuliharaan adalah amatlah penting. Bukan sahaja untuk harimau, tetapi untuk hidupan liar yang lain juga.

Selain daripada itu kementerian sudah pun mewujudkan *National Tiger Conservation Action Plan* untuk menambahkan habitat yang diperlukan. Untuk makluman Yang Berhormat, *survey* terperinci telah pun dibuat iaitu *survey* populasi harimau di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) di tiga kompleks hutan yang utama. Pertamanya di Taman Negara Pahang, Kelantan dan Terengganu.

Kedua, di Taman Negeri Diraja Belum dan di Taman Negara Endau Rompin. Hasil daripada *survey* populasi harimau itu, terdapat di antara 250 hingga 340 ekor harimau. Ini adalah daripada anggaran *survey* yang dibuat di RMKe-10 hinggalah tahun 2014. *Survey* populasi harimau akan diteruskan di RMKe-11 untuk menentukan jumlah bilangan harimau yang sememangnya ada di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dasar eksport harimau di bawah Akta Pemeliharaan Hidupan Liar 2010, harimau adalah hidupan liar yang disenaraikan sebagai dilindungi sepenuhnya ataupun *totally protected animal*. Maka eksport memangnya tidak boleh dibawa akta itu.

Selain daripada itu, di bawah satu badan *International Union for Conservation of Nature* atau IUCN, harimau disenaraikan di bawah *red list* iaitu *threatened species*. Di bawah *Convention on International Trade of Endangered Species* ataupun CITES, harimau juga disenaraikan di *list* pertama sebab ianya adalah *very endangered species*.

■1120

Maka di bawah akta negara kita sendiri dan di bawah peraturan badan-badan yang saya sebut tadi iaitu IUCN dan CITES, harimau memang tidak boleh diperdagangkan. Namun walaupun ia begitu, harimau boleh dihantar ke zoo-zoo di luar negara atas satu syarat sahaja. Syarat itu adalah untuk konservasi supaya populasi harimau terjamin sama ada di negara kita ataupun di negara-negara yang lain.

Jumlah yang telah pun dihantar ke luar negara, di zoo-zoo luar negara ialah 20 ekor sejak tahun 2008 hingga sekarang lah. Selain daripada itu, di zoo-zoo negara kita sendiri 70 ekor sudah pun ditempatkan di zoo-zoo di negara kita. Selain daripada itu, 21 ekor harimau ditempatkan di pusat menyelamat harimau liar di Sungkai. Jadi itulah statistik yang kita memang semua ada dalam rekod kita. Sekian, terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya cerita fasal sayangi anjing, hari ini saya hendak cerita fasal sayangi harimau. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya nampak ada dua 'orang harimau' di sebelah sana. Saya kenal dia daripada *tie* sekolah yang dia pakai itu tapi dua 'orang harimau' itu dah tidak ada dah. Harimau pergi minum. Tuan Yang di-Pertua, dalam proses pemulihan harimau dan hidupan liar yang lain, kajian ekologi dan biologi adalah sangat-sangat penting selain daripada kajian menggunakan *camera trap* atau pun mengesani jejak-jejak, kesan jejak-jejak dalam inventori harimau ini.

Saya hendak tanya Timbalan Menteri, adakah kerajaan menjalankan kajian khusus tentang pembiakan harimau, berkenaan keberkesanan pembiakan, tumbesaran dan juga *survival rate* harimau di hutan kita? Kalau ada penyelidikan, berapakah dana yang telah diberikan dalam lima tahun lepas iaitu RMKe-10 dan apakah agensi yang sebenarnya yang menjalankan kajian ini? Tentang *survival rate*, saya ingin bertanya selain daripada penyakit dan keadaan semula jadi, sejauh manakah pemburuan haram harimau ini terkawal di negara kita? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat atas pertanyaan yang ditimbulkan itu. Saya setuju dengan Yang Berhormat tentang penyelidikan harimau, lebih-lebih lagi untuk menentukan ekologi ataupun ekosistem di dalam habitat-habitat yang diperlukan oleh harimau, sebab yang penting adalah penyelidikan bagaimanakah harimau membiak di mana-mana pun.

Penyelidikan memang telah pun dibuat dan seterusnya dibuat termasuk memasang kamera di dalam hutan untuk melihat sama ada harimau itu membiak di sesuatu habitat yang berlainan daripada yang asal atau yang berlainan. Setakat ini yang membuat penyelidikan adalah PERHILITAN iaitu agensi di bawah kementerian, PERHILITAN. Oleh itu, ia akan diteruskan bagaimanakah kita untuk menggalakkan ataupun menambahkan lagi populasi harimau di negara kita tapi yang penting adalah keluasan habitat yang diperlukan.

Tadi, jumlah ataupun keluasan habitat yang telah pun diwartakan termasuk hutan simpanan kekal di bawah kategori perlindungan belum lagi mencukupi. Kita perlukan sekurang-kurangnya lima juta hektar. Jadi, penyelidikan ini sememangnya terus dibuat dan saya tidak ada

statistik untuk jumlah kewangan selama lima tahun yang lepas untuk penyelidikan ini. Jadi, ini saya boleh beri kepada Yang Berhormat lah jika Yang Berhormat amat memerlukan tentang bantuan kewangan di dalam penyelidikan ini dan juga diperlukan di dalam penyelidikan ini.

Akan tetapi malangnya saya bukannya seorang *zoologist*. Saya seorang *forest ecologist* tapi saya buat habitat kajian sahaja lah untuk apa-apa hidupan liar. Untuk buruan haram, kementerian ini melalui PERHILITAN sememangnya dengan sedaya upaya untuk mengawal tugas ini. Bukan sahaja untuk harimau tetapi untuk hidupan liar yang lain. Pada tahun 2011 hingga April 2015, buruan haram untuk hidupan liar, kes keseluruhannya adalah 26, yang dibawa di mahkamah telah pun dibawa di mahkamah adalah lima dan yang telah dikenakan hukuman adalah empat. Kes harimau buruan haram yang dibawa ke mahkamah dan hukuman tidak ada Yang Berhormat. Tidak ada untuk harimau. Itu sahaja lah, sekian.

8. Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta Menteri Kesihatan menyatakan statistik tentang penyakit tuberculosis (TB) di Malaysia khususnya di kalangan pekerja asing dan keberkesanan sistem pengujian perubatan yang diwajibkan untuk pekerja migran bawah FOMEMA dan skim insurans kesihatan wajib SPIKPA dalam memastikan pekerja-pekerja migran bebas daripada penyakit berjangkit.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Kulai. Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik yang ada berkenaan dengan kes-kes TB, Tuberculosis di Malaysia yang terakhir pada 2013 iaitu jumlah semua sekali 24,071 kes. Yang melibatkan warganegara ialah 20,680 dan melibatkan warga asing 3,391. Bila sebut warga asing ini, ia termasuklah pelancong, pekerja asing, ekspatriat dan keluarga masing-masing yang telah pun dikesan sama ada di hospital kerajaan ataupun swasta.

Akan tetapi bagi pekerja-pekerja asing yang sah, yang telah masuk melalui saluran yang sah, mereka dikawal di bawah skim SPIKPA atau pun Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing, jumlah mereka yang dikesan oleh FOMEMA tak banyak Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah pada tahun 2011 - 36 kes, 2012 - 32 kes, 2013 - 97 kes, 2014 - 119 kes dan 2015 sehingga April 35 kes. Jumlah semua sekali 398 kes yang mengidap yang dikesan berpenyakit TB.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang berusaha melaksanakan langkah-langkah bagi memastikan pekerja asing di Malaysia bebas daripada penyakit berjangkit. Pemeriksaan perubatan pekerja asing mengeluarkan satu program saringan kesihatan ke atas pekerja asing yang hendak bekerja di Malaysia. Program ini merupakan salah satu barisan hadapan dalam memastikan pekerja-pekerja migran bebas daripada penyakit-penyakit yang berjangkit dan keselamatan negara Malaysia dari sudut kesihatan adalah terjamin.

Polisi sedia ada adalah dengan menjalankan pemeriksaan perubatan, fasiliti kesihatan yang diiktiraf oleh pihak berkuasa di negara asal sebelum datang ke Malaysia. Pekerja asing juga dikehendaki menjalani pemeriksaan perubatan di Malaysia iaitu dalam tempoh sebulan ketibaan dalam tahun pertama dan juga tahun kedua. Pekerja-pekerja asing yang gagal dalam pemeriksaan perubatan akan diisytihar sebagai "tidak sesuai" untuk bekerja dan tidak akan diberikan pas lawatan pekerja sementara atau pun PLKS oleh pihak Jabatan Imigresen.

■1130

Keberkesanan sistem pengujian perubatan yang diwajibkan untuk pekerja asing atau pekerja migran di bawah FOMEMA boleh dilihat melalui pencapaian pengesanan kes-kes penyakit berjangkit khususnya saringan untuk penyakit TB. Berdasarkan statistik pemeriksaan perubatan pekerja asing oleh FOMEMA, secara keseluruhannya bilangan kes pekerja asing yang dikesan mempunyai tanda-tanda tidak normal pada filem x-ray dada yang menunjukkan kemungkinan tanda penyakit tuberkulosis, maknanya yang belum sah lagi tapi ada tanda-tanda penyakit dalam x-ray dia.

Tahun	Bilangan Kes
2010	9,255
2011	7,247
2012	18,346
2013	17,303
2014	17,900

Ini kes-kes yang ada *shadow*, dengan izin, dalam x-ray. Akan tetapi yang sah yang saya sebutkan tadi, cuma 398 kes yang disahkan penyakit TB.

Keberkesanan sistem pemeriksaan perubatan tidak akan berkesan, sekiranya kes-kes penyakit berjangkit di kalangan pekerja asing tidak dirawat dengan segera dan tidak dihantar pulang. Penguatkuasaan perlu dijalankan secara berterusan bagi pekerja asing yang diisytihar tidak sesuai untuk bekerja dan tidak diberikan PLKS dan sebagai pekerja asing tanpa izin perlu dihantar pulang ke negara asal. Pekerja asing yang dikesan mempunyai penyakit berjangkit melalui pemeriksaan perubatan di bawah FOMEMA, tidak wajar dibenarkan bekerja di Malaysia dan perlu di hantar pulang oleh majikan ke negara asal bagi mengurangkan risiko jangkitan penyakit berjangkit pada rakyat Malaysia, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Saya nak tanya, dulu kita ada satu isu dengan hutang pekerja asing atau pun warga asing di hospital kerajaan. Jadi sekarang kita ada skim SPIKPA. Jadi saya nak tanya setakat pengetahuan saya di Sabah sahaja pada tahun 2013, hutang oleh warga asing di hospital Sabah sudah mencapai RM41 juta. Jadi saya nak tanya Timbalan Menteri, sejak SPIKPA itu dilaksanakan, sama dah ada hutang warga asing di hospital kerajaan, isu ini ada ditambah baikkah? Soalan tambahan saya, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, masalahnya Tuan Yang di-Pertua adalah hutang yang bukan di bawah SPIKPA ini Tuan Yang di-Pertua, tapi di bawah pekerja asing yang tanpa izin dan sebagainya. Biasanya kita kutip bayaran *fee* dia. Tapi bagi mereka yang datang dengan keadaan kecemasan, nak bersalin dan sebagainya memang kita terpaksa layan dan mereka ini memang kebanyakannya tidak mampu nak bayar. Jadi memang terhutang banyak Tuan Yang di-Pertua, terutama di Sabah, Sarawak, di Selangor dan juga di Johor memang kes banyak. Memang kita usaha Tuan Yang di-Pertua untuk kutip balik hutang ini. Memang kita berusaha hantar notis kepada penghulu di kawasan itu. Cari alamat tidak jumpa alamat itu. Hantar notis kepada kedutaan pun tidak dapat bayaran. Jadi memang peningkatan kutipan kita berkenaan

hal hutang pekerja asing memang tidak dapat ditingkatkan. Bermakna kita tak dapat kurangkan hutang yang telah dikenakan ke atas pekerja asing tadi.

9. Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah proaktif kementerian dalam mengatasi masalah kelemahan *soft skills* dalam kalangan pelajar lepasan universiti dan institut kemahiran.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang atas soalan yang berkaitan dengan kemahiran insaniah. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui lonjakan satu graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 hingga 2025 Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia berhasrat melahirkan graduan mampu menyara kehidupan melalui ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh semasa di pengajian di institusi-institusi milik Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kemahiran insaniah atau pun *soft skills* merupakan penyumbang yang kritikal dalam menjana model insan menyeluruh di samping mampu membawa persaingan di peringkat global. Oleh itu Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan tujuh elemen kemahiran insaniah yang wajar dimiliki oleh graduan seperti berikut:

- (i) kemahiran berkomunikasi;
- (ii) pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah;
- (iii) kemahiran kerja berpasukan;
- (iv) pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat;
- (v) kemahiran keusahawanan;
- (vi) etika dan moral profesional; dan
- (vii) kemahiran kepimpinan.

Langkah bagi memperkukuhkan kemahiran insaniah sebenarnya telah ada dan telah dilaksanakan di institusi-institusi pengajian tinggi iaitu melalui *embedding* dalam sesuatu kurikulum melalui subjek yang diajar terutamanya yang melibatkan seperti kemahiran komunikasi, kepimpinan, berfikir, membuat keputusan, kreatif, inovatif dan pemikiran silang. Yang kedua melalui aktiviti kokurikulum seperti...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, yang lain itu boleh jawab bertulis Yang Berhormat.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat setakat itu dahulu sesi soal jawab untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH P.M. 18(1)**

PERJANJIAN PENSTRUKTURAN AIR DAN PROJEK LOJI RAWATAN AIR LANGAT 2

11.37 pg.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, usul menangguhkan mesyuarat di bawah peraturan mesyuarat perkara 18(1).

Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), dengan ini diberikan notis bahawa saya akan mengusulkan supaya mesyuarat ini ditangguhkan untuk membincangkan usul yang melibatkan perkara tertentu, kepentingan ramai dan perlu disegerakan. Bahawa Dewan yang mulia ini hendaklah ditangguhkan bagi mendesak supaya kerajaan mengambil langkah sewajarnya terhadap perjanjian penstrukturan air dan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 di Selangor yang masih belum dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah penstrukturan air di Selangor sehingga kini masih lagi belum dilaksanakan sepenuhnya. Saya telah menerima jawapan daripada Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air pada 27 Mei dan 9 Jun yang lepas berkenaan dengan dua isu di atas. Jawapan yang diterima jelas menunjukkan bahawa masalah air ini masih tidak nampak kesudahannya. Jawapan daripada Menteri memaklumkan bahawa perjanjian utama masih belum dikuat kuasa kerana terdapat *condition precedent (CP)* yang belum dipenuhi disebabkan beberapa isu yang tidak dapat diselesaikan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Walaupun Kerajaan Persekutuan telah menawarkan lanjutan tempoh *cut off date*, namun pihak Kerajaan Negeri Selangor belum dapat memenuhinya.

Manakala Projek Loji Rawatan Air Langat 2 yang dijangka siap pada 2017, dijangka tidak dapat disiapkan mengikut jadual kerana tidak mendapat kerjasama dan halangan-halangan tertentu kepada Kerajaan Negeri Selangor. Berdasarkan kepada jawapan Menteri dalam sesi penggulungan Rancangan Malaysia Kesebelas baru-baru ini, negeri Selangor akan berhadapan dengan risiko pencatuan air yang kritikal bila-bila masa daripada sekarang. Oleh itu, Dewan yang mulia ini hendaklah mendesak supaya kerajaan mengambil tindakan sewajarnya mengikut lunas undang-undang supaya kedua-dua projek ini dapat dilaksanakan sepenuhnya dalam memastikan rakyat tidak akan menghadapi masalah air yang kritikal di masa akan datang. Terima kasih saya mengusulkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menerima suatu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada ahli Yang Berhormat Tanjong Karang pada hari Isnin, 15 Jun 2015. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat berkenaan sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh majlis mesyuarat hari ini saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

■1140

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu. Syarat yang kedua adalah bagi kepentingan orang ramai. Syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan mendapati bahawa tertentu, perkara ini ialah perkara tertentu. Kepentingan orang ramai, ia adalah kepentingan orang ramai. Berkehendakkan disegerakan, perkara ini juga perlu disegerakan. Oleh yang demikian, saya membenarkan usul ini dibahaskan.

Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3), usul ini hendaklah ditempohkan sehingga jam 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada pukul 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang untuk membahaskan selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan akan menjawab selama 30 minit.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.40 pg.**

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan yang di-pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam dan sehingga selesai ucapan-ucapan penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 18 Jun 2015.”

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG KEBAJIKAN HAIWAN 2015****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[16 Jun 2015]**

11.42 pg.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Tanjong. Selepas Yang Berhormat Tanjong, Yang Berhormat Kuala Kedah. Selepas itu saya rasa Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

11.42 pg.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang memberi saya menyertai perbahasan ke atas Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015 yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Bagi saya, penubuhan Lembaga Kebajikan Haiwan bagi tujuan pelaksanaan dan pemantauan kerja-kerja perlindungan haiwan secara bersistematik amatlah dialu-alukan. Perundangan sedemikian sebenarnya adalah fenomena yang biasa di negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat. Jadi, perundangan baru ke arah perlindungan dan kebajikan haiwan dalam negara kita amatlah tepat pada masanya.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, fokus utama yang sering diberi penekanan dalam rang undang-undang ini adalah seksyen 30(1), "*Tiada seorang pun boleh membunuh dengan menembak dengan senjata api mana-mana anjing, kucing atau mana-mana binatang lain melainkan jika dibenarkan oleh pihak berkuasa veterinar dalam kecemasan atau bagi maksud kawalan sebarang penyakit*".

Sebenarnya ini sudah menjadi amalan biasa bagi sesetengah pihak berkuasa tempatan termasuk di Pulau Pinang oleh MPPP dan MPSP. PBT hanya dibenarkan menggunakan ubat pelali untuk melemahkan atau menidurkan anjing. Akan tetapi, kemungkinan besar masih terdapat PBT-PBT yang lain menggunakan cara menembak yang lama dan amalan sedemikian haruslah diberhentikan serta-merta termasuklah juga sebelum pelaksanaan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berkongsi pengalaman yang diamalkan di Pulau Pinang. Walaupun terdapatnya SPCA seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai dan Yang Berhormat Batu Gajah semalam, namanya elok untuk tujuan perlindungan haiwan, akan tetapi kebanyakan anjing atau haiwan lain yang diserahkan kepada pertubuhan tersebut, jikalau

tidak dapat ditampung oleh pertubuhan, akhirnya juga akan ditidurkan atau dimusnahkan. Saya pernah ditunjukkan statistik oleh pihak berkuasa tempatan di mana terdapat beratus-ratus bangkai anjing atau juga haiwan yang lain yang dihantar setiap kali ke insinerator untuk dibakar bangkai mereka.

Ini sering menimbulkan pertanyaan di kalangan mereka yang cintakan haiwan sehingga wujudnya satu lagi pertubuhan baru yang dikenali juga sebagai *Penang Animal Sanctuary Society*. Pertubuhan tersebut mengamalkan objektif yang lain dengan SPCA iaitu amalan tidak membunuh haiwan-haiwan yang dipelihara olehnya walaupun anjing, kucing dan haiwan yang dipelihara olehnya merupakan haiwan liar yang dijangkiti penyakit dan sebagainya.

Penang Animal Sanctuary Society juga kini dalam usaha pembinaan sebuah rumah penyelamat atau tempat perlindungan yang seluas tiga ekar di mana tanah tersebut adalah disewa dengan MPPP untuk menampung 1,000 ekor anjing dan 1,000 ekor kucing. Pelan merancang telah diluluskan tahun lepas dan kerja-kerja pembinaan itu dijangka dapat disiapkan akhir tahun ini dan melibatkan kos pembinaan fasa pertama melebihi RM600,000.

Maka setelah rang undang-undang ini berkuasa, adalah perlu peranan dan fungsi pertubuhan-pertubuhan tertentu termasuk SPCA dikaji semula oleh Lembaga Kebajikan Haiwan supaya tiada anjing, kucing atau haiwan-haiwan lain yang akan dimusnahkan oleh mereka. Tindakan boleh diambil terhadap SPCA, walaupun pertubuhan ini untuk menyelamatkan haiwan, jikalau terdapat mana-mana binatang yang dibunuh tanpa memenuhi kehendak di bawah seksyen 30 rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pemeliharaan anjing dalam rumah pangsa, apartmen dan kondominium juga perlu diharamkan. Mengikut *house rules*, undang-undang kecil yang dipakai oleh badan pengurusan bersama JMB atau MC, sememangnya pemeliharaan anjing dalam rumah pangsa, apartmen dan kondominium adalah dilarang sama sekali. Walaupun begitu, terdapat banyak pemilih atau penghuni yang cuba memelihara anjing secara senyap-senyap dalam unit kediaman masing-masing.

Untuk mengelakkan timbulnya kacau ganggu terhadap jiran-jiran yang lain, terdapatnya anjing yang kotak suara dibinasakan oleh tuan punya anjing. Ini adalah tindakan kejam yang tidak berperikemanusiaan yang perlu dilarang sama sekali. Untuk memastikan tiada lagi anjing yang dimusnahkan kotak suara atau dikurangkan salakan seperti yang termaktub di bawah seksyen 29(1)(h) rang undang-undang tersebut supaya anjing-anjing dapat dipelihara dalam lingkungan rumah pangsa, saya bercadang supaya undang-undang kecil yang lebih ketat dapat diperkenalkan di bawah rang undang-undang ini supaya tiada anjing dan kucing yang boleh dipelihara di dalam kawasan rumah pangsa.

Undang-undang kecil sedemikian juga dapat diseragamkan di kalangan semua PBT yang ada. Janganlah kita bergantung kepada JMB atau MC untuk mengambil tindakan masing-masing. Jikalau tindakan tidak dikendalikan dengan cara yang betul seperti yang termaktub di bawah rang undang-undang yang baru ini, pihak JMB atau MC pula akan berisiko untuk didakwa atau didenda dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan kebajikan haiwan dapat terus dilindungi dan tidak dikompromi, maka adalah perlu dihadkan bilangan anjing dan kucing yang boleh dipelihara dalam setiap rumah kediaman. Adalah perlu supaya pemeliharaan anjing dan kucing dalam lingkungan rumah pangsa, apartmen dan kondominium dilarang sama sekali supaya tiadanya anjing atau kucing yang akan dcederakan sama ada oleh tuan punya haiwan atau pihak pengurusan demi tujuan untuk mengurangkan kacau ganggu terhadap jiran-jiran di sekitarnya.

Sehingga hari ini, tiadanya undang-undang kecil yang membolehkan PBT mengambil tindakan terhadap pemeliharaan anjing atau kucing dalam kawasan rumah pangsa, apartmen dan kondominium jikalau tiadanya kacau ganggu yang timbul seperti yang termaktub di bawah seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Ini adalah *loophole* dari segi undang-undang yang sedia ada, di mana adalah yang boleh diambil jikalau adanya kacau ganggu yang timbul.

Lebih-lebih lagi, undang-undang kecil yang dilaksanakan di peringkat PBT banyak ketinggalan zaman. Seperti di MPPP, kita masih mengamalkan Undang-undang Kecil (Anjing-anjing) MPPP 1977 yang hanya ada 13 fasa sahaja yang sememangnya telah ketinggalan zaman. Lembaga Kebajikan Haiwan yang bakal ditubuhkan haruslah juga mengambil tindakan proaktif dalam memperkasakan serta menyeragamkan undang-undang kecil di peringkat PBT berkenaan dengan kebajikan haiwan supaya kita dapat sama-sama mengarah ke arah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Kebajikan Haiwan yang ditubuhkan perlulah mengambil inisiatif untuk menyelaraskan dasar-dasar, undang-undang kecil serta prosedur amalan biasa yang sedang terpakai di peringkat PBT. Penglibatan hanya seorang Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan atau wakilnya dalam Lembaga Kebajikan Haiwan adalah tidak mencukupi. Perlu diwujudkan mekanisme-mekanisme yang sama di peringkat setiap negeri dan setiap PBT supaya usaha-usaha yang sama dapat diambil.

■1150

SPCA dan pindaan 5, *sanctuary society* juga mempunyai program pemandulan anjing dan kucing supaya organ pembiakan anjing dan kucing dikeluarkan melalui proses pembedahan supaya haiwan-haiwan tersebut tidak lagi membiak. Kini persoalan yang baru juga akan timbul sama ada pertubuhan-pertubuhan yang tidak bermotifkan keuntungan seperti SPCA ini dapat mereka menjalankan program pemandulan anjing atau tidak kerana aktiviti sedemikian perlulah dilesenkan di bawah seksyen 15(1) rang undang-undang ini.

Atas sebab program pemandulan juga merupakan jenis aktiviti kawalan haiwan terbiar oleh mana-mana individu, organisasi atau badan korporat seperti yang terkandung di dalam jadual ini. Kita bimbang dengan syarat pelesenan sedemikian akan meningkatkan lagi kos dan caj yang dikenakan bagi program pemandulan yang dijalankan oleh SPCA dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, perlindungan kebajikan haiwan juga perlu ada batasannya. Sering terdapat aduan awam bahawa terdapat individu tertentu yang suka membuang sisa-sisa makanan di tepi jalan ataupun dalam perkarangan rumah pangsa, *apartment* atau kondominium bagi tujuan untuk dimakan oleh anjing, kucing, burung gagak, burung merpati dan sebagainya. Cara sedemikian pastinya akan mengotorkan lagi kawasan persekitaran rumah kediaman kita.

Jikalau aduan sedemikian dibuat dengan pihak PBT, pihak PBT boleh mengeluarkan kompaun atau saman terhadap mereka yang membuang sampah di tempat yang tidak dibenarkan. Maka rang undang-undang tersebut tidak haruslah menghalang tindakan saman atau kompaun diambil terhadap individu-individu yang membuang sisa makanan di tepi jalan atau di tempat awam, walaupun tujuannya adalah untuk dimakan oleh anjing atau kucing termasuk juga oleh burung dan sebagainya. Ini sahaja yang saya hendak bangkitkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Selepas Yang Berhormat Kuala Kedah Yang Berhormat Menteri jawab.

11.52 tgh.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk berbahas berkenaan dengan Rang undang-undang Kebajikan Haiwan yang pada saya merupakan satu perkara yang sudah lama kita tangguhkan, yang perlu kita adakan atas sebab-sebab kita ini manusia.

Saya ingin memetik balik apa yang disebut oleh saudara saya Yang Berhormat Padang Serai apa yang dikatakan oleh Mahatma Gandhi. *The greatness of a nation and its moral progress can be charges by the way its animal are treated.* Kehebatan atau kebesaran satu negara atau masyarakat itu boleh dilihat dengan cara dia melayan haiwannya dan untuk menjustifikasikan perkara itu saya ingin berkongsi sedikit anekdot.

Saya pernah ke sebuah negara dalam beberapa tahun lepas, setelah tidak ke negara itu 25 tahun. Kali pertama saya ke sana saya melihat begitu banyak kemiskinan yang meninggalkan kesan yang lama kepada saya. Sekarang negara itu agak maju tapi antara pemandangan yang saya lihat yang tidak saya lupakan ialah bagaimana haiwan diangkut, lembu diangkut daripada satu tempat yang cukup jauh dalam cuaca yang cukup panas, musim panas.

Lembu-lembu itu kelihatan sangat menderita dengan luka-luka dan lain-lain lagi. Itu meninggalkan kepada saya satu trauma ingatan yang agak negatif di negara itu menyebabkan saya rasa tidak ingin ke sana lagi. Sebuah negara ASEAN, saya juga pernah ke sana dan melawat dan melihat bagaimana burung belibis seperti itik yang digantung untuk dijual dan disembelih. Bagaimana burung itu digantung seperti benda tidak bernyawa dan sangat menderita kedahagaan hingga bila kita sampai, ia menghalakan paruhnya meminta air. Begitu sekali dengan kezaliman begitu.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua di negara kita, saya merasa ada pelancong-pelancong dan pelawat dari luar negara yang telah melihat penganiayaan kepada haiwan terutama kucing dan anjing liar di restoran-restoran, di R&R, di pasar kita dan pelbagai tempat. Itu juga meninggalkan satu ingatan yang negatif yang tidak baik tentang negara kita. Untuk kita mengekalkan kemanusiaan kita, kita perlukan selain daripada pendidikan itu paling baik, paling penting. Keduanya undang-undang dan peraturan begini kerana setiap kezaliman yang dilakukan kepada haiwan itu menghakis kemanusiaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, menubuhkan Lembaga Kebajikan Haiwan, Pegawai Kebajikan Haiwan adalah idea yang cukup baik. Cuma kita kena meneliti pelaksanaannya supaya ia jadi berkesan dan dalam konteks ini saya mengesyorkan supaya kementerian mengadakan *engagement* sepenuhnya dengan semua anggota masyarakat dan pertubuhan yang mempunyai minat, *passion*, kesungguhan untuk menjaga kebajikan haiwan supaya kita dapat akhirnya menghasilkan satu cara yang sistematik, yang baik, yang manusiawi dalam kita mengendalikan haiwan.

Kelmarin, kawan-kawan saya menyebut tentang *catch and kill*. Saya mahu menyebut di sini bahawa itu adalah satu tindakan yang zalim dan saya sendiri pernah melihat dan merasa trauma bertahun-tahun dahulu melihat anjing menyembunyikan dirinya meminta nyawa dan ditembak dan mati dengan tergedik-gedik begitu di hadapan mata saya. Saya rasa anak-anak kita yang melihat itu juga akan trauma.

Saya ingin berkongsi satu lagi anekdot. Saya pernah berjumpa dengan seorang pesakit yang *depression* dalam praktis saya dan salah satu trauma yang menyebabkan dia jadi *depression* ialah dia bekerja menghapuskan haiwan liar dan dia menceritakan bagaimana ibu anjing hendak melindungi anaknya ditembak tetapi akhirnya ditembak juga anaknya sehingga berkecai. Itu memberikan trauma kepadanya. Ini harus kita tiadakan benda-benda yang zalim begini kerana ia menghakis kemanusiaan kita.

Sebelum lebih lanjut lagi, saya hendak menyebut tentang anjing yang disebut semalam saudara saya Yang Berhormat Bagan Serai. Pandangan Islam terhadap anjing bukanlah anjing itu perlu dimusuhi. Ada kesilapan mencampuradukkan pegangan agama dengan budaya. Yang tidak disebutkan semalam, disebut pandangan popular di Malaysia. Pandangan daripada mazhab Syafie tetapi ada mazhab dalam Islam iaitu mazhab yang besar, mazhab Maliki, imam Malik r.a. misalnya dia tidak menganggap anjing itu sebagai najis dengan hujah-hujah yang cukup mantap dari Al-Quran dan hadis dan sunah. Oleh itu harus juga dihormati. Walaupun kita menghormati kedudukan mazhab Syafie sebagai mazhab utama.

Dalam konteks ini saya mengucapkan tahniah kepada penganjur apa yang disebut sebagai program "*I want to touch a dog*" yang dilakukan tahun lepas. Walaupun saya bersetuju cara penganjuran itu boleh diperbaiki lagi. Akan tetapi adalah satu yang tidak rasional apabila tindak balas kita yang sentiasa menyebut *wasatiyyah*. Tindak balas kita daripada penguasa sehingga kepada masyarakat dan NGO-NGO prokerajaan yang sampai penganjur itu akhirnya menerima ancaman mati. Sama sekali tidak masuk akal sebab anjing bukanlah persoalan akidah. Ia persoalan fiqah dan adab. Maka harus diatasi sebagai persoalan fiqah dan adab. Itu sahaja. Kata-kata memuji puja...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Sekejap ya. Kata-kata memuji puja pemimpin politik dan bukan politik misalnya itu lebih merupakan ancaman akidah yang lebih besar sedangkan dalam mazhab Maliki, walaupun air liurnya itu tidak dianggap najis sebab kita boleh makan buruannya dan mazhab Maliki bukan mazhab kecil minoriti. Ramai di Timur Tengah, di Turki dan lain-lain lagi misalnya. Silakan Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Yang Berhormat Kuala Kedah, adakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam dua kisah dalam Islam ini menceritakan satu yang kontras di mana dalam satu keadaan seorang yang amat kuat beribadah, wanita yang kuat beribadah yang boleh dikatakan *religious woman*. Tiba-tiba beliau mengurung kucing tidak diberi makan hingga kucing itu mati.

Salahnya ialah kenapa dia tidak biarkan kucing itu mencari makanannya sendiri di luar daripada kurungan itu. Seorang lagi pula, kisah bagaimana seorang yang penuh dengan maksiat, tiba-tiba satu hari dalam keadaan kehausan nampak pula seekor anjing yang kehausan dan dia ambil air, tolong anjing yang kehausan itu dalam keadaan dia yang penuh dengan dosa.

■1200

Jadi di sini saya hendak katakan bahawa *treatment* kita kepada haiwan itu menggambarkan, makna akhlak dalam Islam ini satu benda yang bukan diukur hanya kerana kamu kuat ibadat. Tapi perlakuan kamu ke atas haiwan itu juga diambil kira dari segi kemuliaan seorang insan. Apatah lagi kalau binatang pun kita kena buat begitu, sudah tentulah manusia yang kata. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Yang bermaksud Allah muliakan ini, lagilah kita tidak boleh kita buat dia macam lebih daripada binatang. Binatang pun kita kena hormat.

Jadi kalau ada kes-kes kematian dalam balai polis ini, pukul orang, lepas itu seksa orang, buat demonstrasi ini, pukul, pukul macam orang itu bukan manusia, siram air, siram ini semua, macam bukan manusia. Setuju tidak? Ini macam perangai binatang. Setuju tidak? Bukan ini, lebih teruk daripada binatang. Setuju tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Sepang mula-mula okey, lepas itu jadi... Sila Yang Berhormat Kuala Kedah. Ringkaskan Yang Berhormat Kuala Kedah.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya bersetuju bahawa Islam itu ialah '*rahmatan lilalamin*' yang saya sebut tadi. Bukan itu saja, satu ketika Baginda Rasulullah SAW dan para sahabat dalam perjalanan ke satu peperangan, Tuan Yang di-Pertua, hendak tambah sikit lagi dan dalam perjalanan itu baginda terlihat seekor ibu anjing menyusukan anaknya. Maka baginda perintahkan seorang sahabat memerhatikan keadaan ibu anjing dan anak itu supaya tidak diganggu. Jadi dalam disiplin agama kita ada disiplinnya dengan haiwan, dengan khinzir, dengan babi, dengan anjing semua tapi itu bukanlah menjustifikasikan pandangan negatif, penzaliman dan lain-lain lagi. Itu ringkasnya lah.

Berkenaan dengan apa yang kita sebutkan tadi, anjing dan kucing yang terbiar banyak. Saya ingin menyebut sebagai contoh bagaimana kita patut *engage* dengan orang-orang yang mempunyai *passion*, mempunyai kesungguhan untuk kebajikan haiwan ini. Di Alor Setar misalnya kita sebut tadi, semalam disebut Pak Mi dan isterinya Mak Intan, di mana mereka menjaga kucing dan anjing jalanan. Saya berharap selepas kita mempunyai *resources* dan akta ini, maka kita sekurang-kurangnya dapat membantu mereka, orang yang sedemikian supaya mereka dapat melakukan apa yang mereka lakukan itu dengan cara yang lebih sistematik dan lebih baik.

Saya juga ingin menyebut kalau di Langkawi, di Langkawi misalannya ada sekumpulan doktor haiwan, klinik haiwan yang apabila dibawa kepada mereka *street cat*, kucing-kucing di jalanan, mereka akan melakukan pemandulan dengan prosedurnya dengan cukup baik, dengan percuma. Itu satu usaha yang baik. Walaupun kita ada pendapat-pendapat yang agak negatif mengenai pemandulan haiwan ini, tapi berbanding dengan membunuhnya yang cukup traumatik kepada haiwan dan juga kepada orang yang melakukannya, maka itu saya rasakan adalah satu langkah yang lebih baik lagi yang harus kita lihat sebagai satu contoh.

Tuan Yang di-Pertua, jadi proses selain daripada undang-undang ini, proses pendidikan itu kena diteruskan dengan lebih baik dan dengan lebih gigih. Tadi saya mencontohkan daripada contoh-contoh Islam kerana saya beragama Islam tapi setiap agama saya percaya mengajar kita supaya hidup dengan tenteram dan aman dengan alam sekitar dan dengan haiwan dan tidak menzalimi haiwan. Itu sebagai contoh saja.

Seterusnya kita juga semalam, Yang Berhormat dan pagi ini juga saudara saya Yang Berhormat Bagan Serai menyebut tentang haiwan di zoo misalannya. Haiwan di zoo, harimau disebut. Saya ingin menambahkan bahawa saya rasa keadaan ini mungkin lebih baik sedikit dari dulu tapi dalam 10 tahun dulu saya pernah ke zoo, satu zoo swasta di Malaysia dan juga saya melihat haiwan dalam keadaan trauma. Badak sumbu dikurung dalam keadaan yang cukup sempit dan bila orang, manusia menghampirinya, dengan *natural instinct* nya, badak sumbu dia menyerbu, cuba melepaskan dirinya daripada kurungan, maka dia mencederakan dirinya. Sepanjang masa dia berpusing-pusing mencari jalan keluar daripada kurungan.

Itu suatu yang cukup bagi saya tidak manusiawi, cukup zalim. Kita datang untuk melihat dia dan dia cukup terseksa. Begitu juga gajah, diikat dengan rantai yang pendek dan anaknya juga diikat dengan keadaan yang cukup menyeksakan. Di Thailand misalnya, dekat dengan Kedah, di Songkhla, ada zoo yang luas dan teratur dan cukup menyenangkan perasaan kita masuk kerana haiwannya tidak dikurung dalam sangkar. Haiwannya dilepaskan dan dikepung dalam kawasan yang agak luas, yang munasabah. Maka haiwannya tidak akan *distress*.

Kita bercakap tentang kebajikan haiwan tapi kita menangkap haiwan, mengurungnya dalam keadaan *distress*. Itu juga tidak baik dan itu malahan memberikan gambaran yang buruk terhadap zoo kita. Zoo-zoo kita yang ada. Saya tidak ke zoo kita selepas pengalaman saya juga yang agak traumatik Tuan Yang di-Pertua, banyak trauma dengan haiwan, melihat haiwan terseksa begitu tapi di luar negara, di Thailand misalnya itu cukup baik. Mereka juga punya kumpulan-kumpulan pencinta haiwan yang cukup aktif di bawah naungan salah seorang daripada puteri Thailand. Itu saya rasa boleh kita tiru dan kita jadikan amalan di sini. Saya harap keadaan telah berubah dengan 10 tahun lepas.

Untuk haiwan-haiwan yang dizalimi di kawasan-kawasan perumahan yang disebut oleh ramai Ahli Yang Berhormat kelmarin, kita perlukan satu *hotline*. Selain daripada pendidikan, kita perlukan *hotline* supaya masyarakat mudah mengadu. Di kawasan perumahan yang kerap dilihat ialah keadaan anjing ditambat di luar misalannya. Ditambat dari pagi sampai malam. Tidak ada

air, tidak ada makanan kadang-kadang, hujan atau panas terik, dalam keadaan yang cukup terseksa.

Itu juga kena kita jelaskan sebagai satu penganiayaan dan saya rasa itu dijelaskan dengan baik dalam rang undang-undang ini. Cumanya bagaimana masyarakat hendak mengadu? Itu kena ada dan kena ada pegawai kebajikan haiwan tadi, kita kena punya tenaga kerja yang cukup baik, cukup banyak supaya ini boleh diimplementasikan dengan keadaan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, diharapkan setelah rang undang-undang ini diluluskan, kita berharap keadaan ini akan jadi lebih baik. Tapi kita kenalah memikirkan sama-sama penyelesaian terakhir bagaimana haiwan-haiwan yang terbiar, *street cats* dan *street dogs* ini dapat diatasi. Selain daripada pendidikan, undang-undang, penguatkuasaan undang-undang dan seterusnya kita perlu memikirkan kaedah, mungkin kaedah pemandulan tadi perlu dilakukan dan kita juga memikirkan dan melaksanakan alternatif yang lebih baik kepada *catch and kill* tadi. Itu perlu pelaksanaan. Saya cuma kluatir bahawa kita punya undang-undang yang baik seperti juga undang-undang yang lain tapi pelaksanaannya sangat lemah. Itu kekhuatiran saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Menteri.

12.07 tgh.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015 ini. Saya amat menghargai pandangan serta cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat sekalian. Saya amat bangga dan berterima kasih kepada semua Yang Berhormat yang sangat prihatin dan mempunyai kasih sayang yang tinggi terhadap haiwan. Biasanya di Dewan ini, berhari-hari kita berbahas dengan pendapat yang berbeza di antara kedua pihak tetapi dalam hal kebajikan haiwan ini, dua hari kita berbahas, kita bersependapat sama ada di peringkat sebelah sini ataupun di sebelah sana. Jadi perkara ini amat saya alu-alukan.

Saya sendiri sangat sentimental sebenarnya dengan Akta Kebajikan Haiwan ini, Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan ini. Saya sendiri misalnya di rumah mempunyai 15 ekor kucing, seekor ular sawa iaitu *boa python* dan juga ikan dan sebagainya. Saya sendiri secara peribadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini Yang Berhormat Menteri ada lesen kah?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: *[Ketawa]* Ada lesen, ada lesen. Ular sawa ada lesen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Dideclare* dalam Dewan ini.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: *Boa python* ada lesen Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Menteri jangan bagi terlepas ular sawa itu, takut Yang Berhormat Menteri tidak datang sini pula.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih dan saya sendiri, peribadi empat ekor kucing, dalam 15 itu, empat itu kucing saya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pengerang membangkitkan isu mengenai perbezaan antara *animal rights* dengan *animal welfare*. Sebenarnya *animal rights* bagi aktivis ya haiwan ini, pandangan mereka amat ekstrem sekali iaitu jika kita ikutkan *animal rights*, *animal* ini ataupun haiwan ini tidak boleh ditenak, tidak boleh disembelih, tidak boleh dikurung dan sebagainya. Itu *animal rights*, terlalu ekstrem.

■ 1210

Jadi kita mengambil jalan tengah iaitu memperkenalkan *animal welfare* ataupun kebajikan haiwan yang mana prinsipnya ada lima prinsipnya iaitu:

- (i) keperluan kepada persekitaran yang sesuai;
- (ii) diet yang sesuai;
- (iii) membolehkan mereka mempamerkan corak perlakuan semula jadi; Tadi ada dibangkitkan tentang membuang kerongkong anjing tadi. Ini bertentangan dengan *animal welfare* sebab untuk prinsip ketiga tadi, mempamerkan kebolehan corak perlakuan semula jadi. Makna anjing dia mesti menyalak. Tidak boleh kita tukar kerongkong dia menjadi mengembek misalnya. Jadi ini bertentangan dengan prinsip.
- (iv) keperluan ditempatkan bersama ataupun berasingan dengan haiwan lain; Ini dari segi perumahan haiwan tersebut.
- (v) keperluan dilindungi dari segi kesakitan, penyakit dan sebagainya.

Jadi kita beranggapan dari segi kebajikan ini lebih sesuai berbanding dengan *animal rights* itu yang langsung tidak membenarkan *animal* ataupun haiwan disembelih dan sebagainya.

Yang Berhormat Pengerang juga membangkitkan isu mengenai sistem aduan melalui *hotline*. Untuk makluman Yang Berhormat, ketika ini Jabatan Perkhidmatan Veterinar ataupun JPV ataupun DBS telah mempunyai sistem *online* iaitu aduan dengan menaip *dbshqaduan* dan SMS kepada 15888. Bermakna jika ada aduan tentang haiwan yang diseksa dan sebagainya boleh dihantar kepada bahagian aduan tersebut.

Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Kuala Selangor telah menyentuh isu penjualan haiwan secara *online*. Untuk makluman Yang Berhormat, urusan penjualan secara *online* adalah tertakluk di bawah *e-commerce*, di bawah KPDNKK. Jadi kita tidak melihat kepada *mode of* jualan tersebut atau dengan izin ataupun cara penjualan. Yang kita kawal adalah bagaimana pengendalian haiwan tersebut, sama ada sebelum ataupun proses selepas jualan. Misalnya dari segi proses penyimpanannya, pengurungannya, bagaimana haiwan itu dikurung atau disimpan sebelum dijual. Sama ada di *pet shop* ataupun kedai-kedai haiwan belaan ataupun dari segi *online* pun. Yang kita pentingkan ialah bagaimana haiwan itu disimpan.

Yang keduanya selepas dibeli sama ada secara *online* ataupun dibeli secara terus, bagaimana haiwan itu di *transport* kan ataupun dibawa, dihantar ke rumah dan sebagainya. Itu yang menjadi *concern* kepada kita ataupun kepada Akta Kebajikan Haiwan ini. Soal bagaimana urusan pembelian dan sebagainya adalah di bawah perkara-perkara lain. Misalnya *online* adalah di bawah *e-commerce* dan sebagainya. Jadi itu yang dijaga oleh kita iaitu cara pengendalian sebelum dan juga sewaktu penghantaran.

Seterusnya Yang Berhormat Pengerang juga membangkitkan isu sama ada mengasi haiwan adalah satu kesalahan. Untuk makluman Yang Berhormat, mengasi haiwan adalah tidak menjadi kesalahan di bawah Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan. Pengasian haiwan juga adalah di antara aktiviti yang digalakkan untuk mengawal populasi haiwan. Walau bagaimanapun, prosedur mengasi haiwan tersebut perlu dilakukan oleh doktor veterinar.

Yang Berhormat Pengerang juga membangkitkan isu tentang pembelian haiwan kesayangan oleh kanak-kanak di bawah umur 12 tahun dan rasional, kenapa kita menetapkan 12 tahun ke bawah tidak boleh membeli haiwan peliharaan secara bersendirian.

Saya hendak maklumkan di United Kingdom, di Australia, walaupun umur majoriti adalah 18 tahun tetapi di UK dan Australia, mereka menetapkan 16 tahun untuk pembelian haiwan ini, tidak dibenarkan 16 tahun ke bawah. Untuk kita mencapai, mendapatkan 12 tahun di Malaysia ini, kita telah membuat *engagement* dengan awam, kita mendapat 6 ribu *respondents* daripada orang awam dan akhirnya selepas *engagement* tersebut dijalankan, rata-rata bersetuju memberi pandangan bahawa di Malaysia kita perlu meletakkan umur 12 tahun ke bawah tidak dibenarkan. Jadi sebelum kita capai 12 tahun untuk kita masukkan di dalam akta ini, kita telah pun membuat *engagement* dengan pihak awam dan luar.

Yang Berhormat Kuala Selangor menyentuh isu sama ada lima kebebasan haiwan diterapkan ke dalam Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan. Untuk makluman Yang Berhormat, lima kebebasan haiwan tersebut sudah diperuntukkan dalam Fasal 24(1)(a).

Yang Berhormat Kuala Selangor dan Yang Berhormat Kuala Kedah baru sebentar tadi telah membangkitkan isu pendidikan berkaitan dengan kebajikan haiwan di kalangan masyarakat. Untuk makluman Yang Berhormat, Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan telah memperuntukkan fungsi Lembaga di Fasal 4(1)(d) iaitu untuk memberikan pendidikan berhubung dengan layanan berperikemanusiaan kepada haiwan dan untuk menggalakkan pembentukan pendapat umum berhubung dengan tindakan mengakibatkan trauma, kesakitan atau penderitaan kepada haiwan.

Di samping itu, Lembaga juga turut akan dianggotai oleh seorang pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan dan seorang Dekan Fakulti Veterinar. Adalah diharapkan wakil kedua-dua pihak yang berkenaan dapat menyumbang kepada penerapan dan pendedahan nilai kesejahteraan dan kebajikan haiwan di kalangan murid-murid sekolah dan juga pelajar IPTA serta IPTS dan kita juga berterima kasih jika pihak Kementerian Pendidikan ingin menjadikan kebajikan ataupun penjagaan haiwan ini sebagai salah satu subjek di dalam mata pelajaran di sekolah.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Selangor yang menyokong penuh Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan ini. Sukacita saya ingin menjelaskan bahawa Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan ini tidak akan menggantikan Akta Binatang 1953 sebaliknya memperuntukkan secara khusus segala aspek kesejahteraan dan kebajikan haiwan yang tidak dilindungi di bawah akta tersebut. Saya akan jawab dengan lebih jelas sewaktu menjawab Yang Berhormat Padang Serai nanti tentang Akta Binatang ini.

Yang Berhormat Ipoh Timur dan Yang Berhormat Sibu membangkitkan mengapa pemakaian rang undang-undang ini hanya di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan dan tidak terpakai di Sabah dan Sarawak. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, hal perkara kebajikan haiwan secara khususnya penganiayaan haiwan adalah di bawah Senarai Bersama, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan dan berdasarkan Perkara 79, Perlembagaan Persekutuan, penggubalan rang undang-undang ini boleh diadakan dengan rundingan bersama pihak berkuasa negeri. Di dalam konteks ini, pihak berkuasa negeri Sabah dan Sarawak telah dirundingi bagi pemakaian rang undang-undang ini. Walau bagaimanapun, pihak berkuasa negeri Sabah dan Sarawak berpandangan bahawa perundangan domestik mereka yang sedia ada adalah memadai dan mereka boleh memindanya sekiranya perlu diselaraskan dengan Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan ini.

Saya ingin memaklumkan kepada Dewan bahawa Sabah mempunyai tiga undang-undang yang berkaitan dengan haiwan iaitu yang pertamanya *Animal Ordinance Sabah 1962*, *Dog Ordinance 1960* dan *Cruelty to Animal Preparation Ordinance Chapter 31*. Ini untuk Sabah dan untuk Sarawak, Sarawak mempunyai *Veterinary Public Health Ordinance 1999, Chapter 32*.

■1220

Jadi mereka berpandangan bahawa undang-undang yang ada di negeri mereka telah pun mencukupi untuk melindungi perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan haiwan

Walaupun bagaimanapun, mereka berpandangan jika ada perkara-perkara yang perlu dipinda, mereka akan membuat pindaan selaras dengan Akta Kebajikan Haiwan. Kita juga sebenarnya dalam lembaga, ini juga ditanya oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Kita juga melantik wakil daripada Sabah dan Sarawak untuk berada di dalam lembaga sebagai anggota lembaga menjadi *ex-officio* supaya mereka boleh mempelajari dan memahami tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan haiwan di bawah Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan ini supaya mereka boleh mengguna pakai perkara-perkara yang berada dalam rang undang-undang ini untuk diguna pakai di Sabah dan Sarawak. Jika mereka ingin mengadakan pindaan mereka lebih memahami rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Sibu telah membangkitkan tentang keanggotaan Pengarah Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Sabah dan Ketua Penolong Pengarah Jabatan Pertanian Sarawak. Ini sudah pun saya jelaskan sebentar tadi kenapa rasionalnya kita melantik mereka sebagai *ex-officio* dalam lembaga ini.

Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Bagan Serai dan Yang Berhormat Sekijang juga telah membangkitkan isu NGO. Kenapa NGO tidak dilantik

sebagai ahli lembaga pengarah? Saya ingin memaklumkan bahawa di bawah fasal 6(2), "*Menteri boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota lembaga*". Saya ingin memperjelaskan kepada semua Ahli bahawa di setiap akta di bawah akta yang ada di dalam negara kita biasanya ia akan menyebutkan tentang keanggotaan tetap yang biasanya diwakili oleh wakil-wakil kementerian dan jabatan dan biasanya akan ada satu lagi *clause* yang umum iaitu Menteri boleh melantik mana-mana orang yang difikirkan sesuai untuk dilantik sebagai ahli dan sebagainya.

Jadi begitu juga dengan akta ataupun Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan ini fasal 6(2) membolehkan Menteri melantik dan saya beri jaminan di sini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa saya akan melantik wakil NGO untuk berada dalam lembaga ini. Lebih-lebih lagi bagi tujuan ini, lembaga juga di bawah fasal 12(6), "*Lembaga boleh bila-bila masa untuk mengundang mana-mana orang menghadiri mesyuarat*". Maka mereka juga boleh mengundang NGO-NGO untuk menghadiri mesyuarat dan sebagainya. Malah di bawah fasal 13(1) lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkan perlu dan di bawah jawatankuasa juga boleh dilantik NGO-NGO sama ada untuk menjadi ahli ataupun mungkin boleh dilantik sebagai pengerusi jawatankuasa yang berkaitan.

Jadi, pandangan Yang Berhormat saya akan – pasti saya beri jaminan di sini, kita akan pastikan bahawa NGO akan berada di sini. Sebenarnya dalam kepala saya sudah ada beberapa nama untuk saya lantik kerana seperti Ahli-ahli Yang Berhormat tahu salah seorang yang paling aktif terlibat ini misalnya Tan Sri Lee Lam Thye, dia seorang yang *very committed* sejak awal lagi. Tidak mungkin saya boleh lupa nama beliau untuk lantikan di dalam ahli lembaga ini.

Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Kuantan dan Yang Berhormat Padang Serai selanjutnya telah membangkitkan isu tentang tindakan PBT ataupun pihak berkuasa tempatan di dalam mengawal populasi misalnya menembak anjing dan sebagainya. Seterusnya mencadangkan supaya fasal 30(2)(a) iaitu tentang membunuh haiwan untuk dimakan dan juga fasal 30(2)(e) membunuh untuk populasi oleh pihak berkuasa digugurkan. Ada pandangan supaya digugurkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, fasal 30(2)(a) mengenai pembunuhan haiwan untuk dimakan, ini ialah mengenai penyembelihan haiwan untuk dimakan seperti kita sembelih lembu, sembelih ayam dan sebagainya. Jadi, saya rasa itu tidak menjadi kesalahan sebagai penyeksaan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh sedikit?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Menteri, saya tertarik tadi apabila Menteri kata Menteri ada bela ular sawa. Saya hendak tanya dan beri pandangan sahajalah. Adakah Menteri setuju dengan saya, ular sawa ini habitat bukan dekat rumah. Ia ini adalah haiwan yang bukan untuk dibela, haiwan yang sepatutnya kita biarkan di tempat yang sesuai. Jadi kalau Menteri bela ular sawa ini, Menteri tidak berlaku adil kepada ular sawa. [Ketawa] Makna Menteri telah menjauhkannya daripada habitatnya. Jadi Menteri gagal menunjukkan contoh dalam hal haiwan ini walaupun Menteri berniat baik tetapi ular

sawa ini bukan untuk dibela, ia bukan *pet*. Jadi, saya rasa kembalikanlah ular sawa itu ke dunia sebenarnya. Jangan seksa dia. Takut nanti Menteri pula kena dakwa.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey terima kasih. Ini sudah awal tadi. Ini sudah masuk bab lain. Ular sawa ada dua jenis Yang Berhormat, satu ular sawa yang liar, satu ular sawa *pets* yang panggil *boa pythons* itu. Ia tidak akan besar, ia kecil sahaja, ia maksimum sudah ada. Kalau ular sawa besar saya pun takut hendak bela. Ular sawa besar mungkin saya boleh beri kepada Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Jadi pertamanya, fasal 30(2)(a) tadi adalah yang kita sembelih untuk dimakan. Saya rasa itu tidak ada isu. Isunya yang kedua tadi, isu Yang Berhormat bangkitkan mengenai tembakan anjing tadi.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Nak yang pertama itu.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: ...Yang pertama.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Terima kasih Menteri. Itulah kekhuatiran kami sebab dengan adanya 30(2)(a) ini ia akan memberi satu alasan ataupun *defense* untuk pesalah yang dituduh seperti pembunuhan haiwan. Dia akan kata saya bunuh untuk makan. Kami faham situasi di mana penyembelihan untuk makanan manusia itu memang kita perlu pertimbangkan tetapi kita jangan ada satu seksyen yang begitu luas di sini.

Seseorang pesalah kata "*Saya bunuh untuk makan. Jadi bukan salah*". Ini yang saya khuatir. Jadi itulah saya mengatakan kita harus ambil keluar ini dan mungkin kita ubah dengan satu klausa yang lain untuk menjaga hak untuk membunuh untuk makanan manusia. Itu penting.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat, kita akan lihat daripada segi norma, makanan apa yang kita makan dan mungkin berbeza dengan makanan yang dimakan oleh pihak lain. Sebagai contoh, di sesetengah tempat masyarakat kaum Asli misalnya, mereka mungkin makan makanan yang tidak kita makan. Mereka mungkin makan kura-kura misalnya. Di tempat saya ramai masyarakat kaum Asli dan mereka makan kura-kura.

Sebagai contoh, kalau kita tidak benarkan mereka makan dan menjadi kesalahan di bawah akta ini, ramai Orang Asli yang akan kita tangkap dan didenda sehingga RM100,000 atau penjara tiga tahun. Jadi oleh sebab itu kita lihat bahawa norma kaum itu makan apa. Bagi kaum India misalnya beragama Hindu makan lembu adalah salah bagi mereka. Jadi, kalau kita ikutkan agama Hindu, orang yang makan lembu mungkin dianggap menyeksa lembu salah dan boleh dihukum.

Jadi oleh sebab itu, saya kata makanan ini adalah mengikut norma, itu yang pertama. Keduanya, penyembelihan adalah mengikut peraturan yang dibenarkan. Sebagai contoh monyet, mungkin ada kaum Orang Asli yang makan monyet tetapi makan monyet dengan potong kepalanya dan menggunakan straw untuk hisap otaknya mungkin itu bertentangan dengan norma. Jadi, ini juga salah mengikut akta ini. Akan tetapi kalau mereka sembelih elok dan sebagainya untuk makan kerana itu makanan mereka, tidak menjadi kesalahan.

Mengenai rang undang-undang tentang pembunuhan, menembak anjing dan sebagainya. Untuk kita *repeal* atau buang fasal 62(2)(g) itu juga saya rasa tidak boleh dilakukan kerana ada sebab-sebab tertentu maka kita perlu gunakan fasal ini. Misalnya untuk membunuh gagak

misalnya kita perlukan fasal ini, untuk membunuh tikus yang membawa penyakit, kita perlu menggunakan fasal ini.

■1230

Walau bagaimanapun, saya sangat bersetuju dengan pandangan semua Ahli Yang Berhormat bahawa membunuh anjing adalah tidak dibenarkan. Sebenarnya, di bawah fasal 30, jelas mengatakan bahawa tidak seorang pun boleh membunuh dengan menembak dengan senjata api mana-mana anjing dan sebagainya. Itu kita tidak akan benarkan. Walaupun ada pengecualian di bawah fasal 30(2) tetapi fasal 14 misalnya memberi kuasa Menteri untuk memberi arahan tertentu kepada lembaga di dalam menjalankan akta ini di bawah rang undang-undang ini dan Menteri akan menetapkan apa sahaja perkara-perkara yang dibolehkan dan tidak dibolehkan untuk dibunuh melalui tembakan dan sebagainya.

Saya beri jaminan di sini bahawa kita akan senaraikan anjing tidak dibenarkan ditembak di bawah kuasa PBT dan sebagainya. Jikalau PBT meneruskan tembakan dan sebagainya, PBT juga boleh didakwa di bawah rang undang-undang ini iaitu mereka juga boleh didenda sehingga RM100,000 untuk kesalahan di bawah rang undang-undang ini. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memang saya setuju dalam Seksyen 30 ada disebut dengan nyata anjing dan kucing ini tidak boleh ditembak. Akan tetapi apa yang berlaku selepas itu dalam seksyen 30(2), itu adalah satu *proviso*, dengan izin. *Acceptation. Acceptation to the offends under 30.* Jadi seperti dalam perenggan 30(2)(e) ini, ia menjadi satu *legalize. Legalize shooting to kill.* Itulah yang saya katakan ini adalah tidak betul.

Pihak berkuasa tempatan akan diberi satu kuasa di bawah seksyen ini untuk *trap and kill* di mana semua Ahli Parlimen di dalam Dewan ini setuju ia adalah satu perbuatan yang kejam. Jadi mungkin kita boleh buat dengan lebih teliti bahawa pembunuhan dilakukan bukan untuk anjing dan kucing dalam *proviso* tersebut. *Proviso* ini terlalu luas. Itulah kekhawatiran kami.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ya, itu yang saya sebutkan tadi bahawa walaupun ada *proviso* (e) tadi tetapi itu merangkumi binatang-binatang lain dan seperti saya sebut tadi bahawa di bawah fasal 14 nanti, Menteri akan menyenaraikan apa yang boleh ditembak dan apa yang tidak boleh ditembak. Saya sudah beri jaminan tadi bahawa anjing tidak boleh ditembak kecuali ada penyakit dan sebagainya.

Jadi kita akan perjelaskan kerana kita akan ada peraturan-peraturan nanti. Banyak lagi di bawah rang undang-undang ini, peraturan-peraturan yang akan kita perjelaskan. Misalnya dari segi pengangkutan haiwan yang diangkut. Kita akan jelaskan dari segi pengangkutan. Apa *spaceny*, berapa luas, berapa ekor. Katakan lembu hendak diangkut dengan lori. Berapa ekor. Dari segi keluasan, dari segi densiti dan sebagainya. Semuanya akan kita perjelaskan melalui peraturan-peraturan yang akan diwujudkan selepas akta ini diluluskan.

Yang Berhormat Ipoh Timur sekali lagi. Seterusnya membangkitkan kriteria pelantikan Pegawai Kebajikan Haiwan (AWO). Fasal 62(2)(m) telah memperuntukkan penetapan semua perkara yang berhubung dengan kelayakan, pengalaman, kelakuan dan tugas dan pembantu

sukarela kebajikan haiwan. Jadi sebelum kita melantik Pegawai Kebajikan Haiwan, kita akan tetapkan kriteria-kriteria pelantikan tersebut. Jadi kita akan pastikan mereka yang mempunyai pengalaman dengan haiwan termasuklah kalau NGO haiwan yang terlibat misalnya, Menteri boleh melantik mana-mana pihak untuk menjadi pegawai kebajikan ini.

Yang Berhormat Ipoh Timur seterusnya telah mengutarakan persoalan kenapa di bawah fasal 29(1)(h), pihak berkuasa veterinar atau doktor veterinar berdaftar dibenarkan untuk memotong telinga, memendekkan ekor, mencabut gigi taring dan sebagainya. Sebenarnya Yang Berhormat, prosedur begini dihadkan ke atas alasan haiwan tersebut menghadapi masalah kesihatan. Contohnya telinganya telah terkoyak, gusinya bernanah dan kukunya tercabut misalnya dan bukan tujuan untuk kosmetik.

Ini untuk membantu haiwan itu tetapi kalau untuk tujuan kosmetik, jika didapati ada doktor veterinar melakukannya, kita boleh mengambil tindakan terhadap mereka di bawah Akta Doktor Veterinar 1974. Bermakna mereka juga boleh dihukum kalau untuk tujuan kosmetik. Akan tetapi ini tujuan kerana dia sakit jadi kita terpaksa membantu haiwan tersebut.

Selanjutnya Yang Berhormat Ipoh Timur menyatakan sekiranya kesalahan di bawah Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan boleh dikompaun, tentu sahaja ia akan memberi kesan negatif kepada tujuan sebenar akta ini yang bertujuan mengenakan hukuman yang berat seperti penalti dan penjara. Jadi ada *contradiction*. Kita hendak wujudkan rang undang-undang ini supaya menjadi diteral. Supaya tidak memberi signal kepada orang ramai bahawa hukuman paling berat, penjara tiga tahun, hukuman sehingga RM100,000 tetapi kenapa ada boleh dikompaun.

Jadi sebenarnya Yang Berhormat, undang-undang ini memang tujuan kita untuk memberi signal kepada orang ramai tetapi ada kesalahan-kesalahan di bawah akta ini yang kita anggap boleh di kompaun kerana kesalahan kecil. Sebagai contoh, kesalahan tidak mempamerkan lesen. Di bawah rang undang-undang ini, pemegang lesen mesti mempamerkan lesen. Jadi kalau mereka tidak mempamerkan lesen, tidak mungkin kita akan denda mereka RM100,000 ataupun hukum mereka penjara tiga tahun.

Jadi, perkara inilah yang akan kita jadikan sebagai kompaun *the ball offenses* dan di bawah fasal 62(2)(k), Menteri akan menyenaraikan segala kesalahan yang boleh di kompaun iaitu kesalahan kecil seperti tidak menggunakan lesen, tidak mempamerkan lesen, memindahkan lesen tanpa kebenaran dan sebagainya.

Yang Berhormat Bagan Serai dan Yang Berhormat Parit Sulong telah mengutarakan masalah membiakkan haiwan di mana berlaku kacukan yang tidak terkawal dan hasil kacukan boleh menimbulkan masalah kepada kesihatan dan kebajikan haiwan tersebut. Sukacita hendak maklumkan bahawa setakat ini, tiada lagi laporan mengenai hasil kacukan yang menimbulkan masalah kepada kesihatan dan kecacatan kepada anak yang dilahirkan. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh dikawal secara peraturan melalui fasal 62(2)(h) yang meletakkan semua perkara berhubung dengan pembiakan haiwan.

Yang Berhormat Bagan Serai juga telah membangkitkan tentang sangkar haiwan. Contoh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Kacukan?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Kacukan juga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Trend sekarang ini ialah di mana ada orang yang lahir sahaja binatang seperti kucing, ayam, dikecilkan saiz itu. Dia bubuh dalam kaca supaya binatang itu tidak *grow*. Jadi kadang-kadang sebab itu dia tengok ada kucing yang macam kucing kecil. Dia jalan macam dia mencacatkan kucing itu. Ada trend yang berlaku dan saya tengok banyak di Thailand sekarang ini berlaku dan dia jual kepada Malaysia kucing yang berjalan agak pelik sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua.

Saya pun tidak tahu dia berjalan macam mana tetapi dia tidak boleh *grow* sebab dia bubuh dalam acuan. So, kalau ini berlaku, apa klausa yang kita hendak gunakan? Dia tidak mengacukkan tetapi dia *re-design* badan kucing itu jadi begitu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Kalau kita lihat di bawah fasal 29(1)(h) iaitu mencacatkan mana-mana haiwan. Itu salah di bawah akta ini dan boleh dihukum denda sehingga RM100,000 dan penjara tiga tahun. Memang kita ada.

Yang Berhormat Bagan Serai membangkitkan tentang sangkar haiwan contohnya kucing yang dipelihara dalam kurungan sangkar yang kecil dan tidak selesa. Perkara ini kita akan tentukan melalui peraturan di bawah fasal 62(2)(a). Yang Berhormat Bagan Serai dan Yang Berhormat Kuantan. Ada dekat sini, Yang Berhormat Kuantan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebelum itu Yang Berhormat Kuala Kedah bangun.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat Kuala Kedah? Okey.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum pergi ke selanjutnya, disebut oleh Yang Berhormat Kuantan dan saya juga hendak menyebut tetapi tidak sempat tadi tentang industri penternakan di mana lembu diberi makanan yang bukan makanan alamiahnya iaitu rumput tetapi diberi makan dedak dan juga ayam dan diberikan suntikan hormon dan suntikan pelbagai kimia telah dibuktikan secara saintifik bahawa ini menyeksa haiwan.

■1240

Apakah ini juga merupakan satu kesalahan, satu. Nombor duanya apakah pandangan Kementerian Pertanian terhadap praktik ini yang akhirnya akan menghasilkan penyakit seperti lembu gila, *mad cow disease* seperti yang berlaku di Eropah. Akhirnya juga membahayakan kesihatan awam seperti H1N1 dan lain-lain lagi disebabkan ini. Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Menteri, Yang Berhormat Bagan Serai sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya semalam sebut tentang

saiz sangkar itu kerana memang jelas nampak macam kita di *highway* saya sebutkan. Kalau ditengok lori-lori yang bawa ayam, yang bawa itik dan bawa apa pun ternakan memang saiz sangkarnya saya ingat sampai itu Kuala Lumpur 20% pun boleh mati juga, seksanya bintang ini berjam-jam. Saya juga terfikir Tuan Yang di-Pertua perlu tidak kita ada satu standard sangkar untuk setiap spesies. Spesies ini lain, kalau macam panda lain, tapir lain, harimau lain. Juga macam mana kita hendak kawal dan *check* orang-orang yang bela kucing di rumah, sangkar dia macam mana atau ada cadangan. Terima kasih Menteri.

Dato' Sri Ismail bin Yaakob: Okey saya sudah beritahu tadi bahawa memang kita akan menetapkan peraturan-peraturan yang khusus mengenai sangkar dan sebagainya. Kalau sangkar tadi saya sebutkan tentang apabila kita membawa lembu misalnya untuk dibawa dalam lori dan sebagainya. Kalau sekarang mungkin satu lori sampai dekat 10 ekor, 15 ekor lembu dan dia terhimpit dan sebagainya dengan keadaan yang tidak selesa dan sebagainya. Ataupun kita bawa ayam di dalam raga itu dalam keadaan yang tidak selesa dan sebagainya.

Selepas ini kita akan menetapkan peraturan misalnya di dalam untuk lembu dalam satu lori yang kecil, berapa ekor yang boleh dibenarkan. Untuk kucing tadi, sangkar dia berapa luas untuk kita letakkan kucing. Ini juga berlaku bukan setakat penghantaran tetapi juga di kedai-kedai *pets*, di kedai-kedai jualan haiwan peliharaan ini. Kadang-kadang kita nampak kucing peliharaan itu dalam satu sangkar yang kecil, berpuluh-puluh ekor kucing ada di situ. Ataupun satu ekor pun dalam keadaan sangkar yang amat kecil. Jadi, kita akan menentukan berapa saiz yang dibenarkan untuk seekor kucing dan sebagainya. Kalau 10 ekor kucing berapa saiz yang dibenarkan. Jadi ini kita akan tentukan dari segi peraturan.

Mengenai Yang Berhormat Kuala Kedah tadi, apa sahaja yang melibatkan penyeksaan kepada binatang tersebut kita boleh dianggap kesalahan di bawah akta ini sama ada dia mencacatkan dan sebagainya. Begitu juga tadi kita sebutkan bahawa dari segi prinsip di bawah akta ini ialah untuk diet yang sesuai. Kalau diet yang tidak sesuai dipaksakan kepada binatang, haiwan ini untuk makan, ianya bertentangan dengan prinsip di bawah akta ini. Ianya dianggap sebagai satu kesalahan di bawah fasal di bawah akta ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Menteri, saya hendak tanya Menteri tentang seksyen 27 itu, "*Seorang pemunya atau pengendali mana-mana pengangkut hendaklah mempunyai kewajipan untuk menyediakan kemudahan yang bersih, mencukupi untuk sanitasi kepada haiwan yang diangkut dengan pengangkutan*". Kita tahu haiwan ini memang Allah jadikan memang ada tabiatnya tertentu. Saya hendak beritahu contoh bukan saya hendak menghina dan sebagainya, contohnya haiwan khinzir ya. Memang dia punya- dia bukan suka tempat bersih tabiat khinzir itu sendiri dia, Allah jadikan untuk dia makan benda-benda kotor. Jadi kalau seorang yang bawa, katakan bawa khinzir untuk pengangkutan dia letak tempat bersih.

Jadi macam mana itu, dalam seksyen 27 ini dia satu kesalahan. Tabiat itu haiwan itu kita kena ambil kira jadi macam mana kita hendak, kalau katakan memang tabiat binatang tertentu

Allah jadikan memang untuk dia makan benda kotor. Tiba-tiba kita suruh sediakan tempat yang bersih jadi tak sesuai dengan tabiat dia. Jadi macam mana itu, adakah juga akan dikenakan hukuman? Bukanlah saya hendak menghina orang yang makan khinzir dan sebagainya. Saya hendak katakan tabiat haiwan itu. Adakah kita mengambil semua haiwan sama? Mesti haiwan ini tempat bersih. Saya tidak tahulah saya hendak tanya Menteri, macam mana?

Dato' Sri Ismail bin Yaakob: Apa yang disebut tadi tentang pengangkutan ya. Pengangkutan itu bagi kita semua mesti disesuaikan. Maknanya semua mesti di tempat yang bersih. Kalau dia hidup di dalam lumpur tidak bermakna sewaktu kita mengangkut haiwan itu dia juga mesti masuk lumpur dalam lori tersebut. Jadi dia mesti juga diberi makanan yang sesuai dengan haiwan tersebut, di persekitaran yang sesuai. Saya rasa khinzir kalau di negara Barat ianya di tempat yang bersih. Kita sahaja yang menganggap khinzir itu patut duduk dalam lumpur kotor dan sebagainya. Itu kita yang memberi persepsi seperti itu.

Kalau di negara Barat di dalam keadaan yang terkurung bilik *aircond* dan sebagainya. Tidak ada isu sebenarnya jadi kita sahaja, itu persepsi kita. Persepsi ini dan norma ini boleh diubah menjadi kawasan lebih bersih sebab itulah sekarang ini di bawah kementerian kita, kita sudah ada peraturan baru memelihara khinzir ini supaya tidak lagi seperti dahulu kotor dan sebagainya. Akan tetapi dalam keadaan yang terkurung dan sebagainya. Dengan lebih bersih *modern farming, modern pig farming* ini adalah kawasan yang lebih bersih dan sebagainya. Jadi, anggapan sahaja itu.

Yang Berhormat Bagan Serai dan Yang Berhormat Kuantan. Saya sudah sebut tadi. Seterusnya mengutarakan masalah pemilik haiwan yang melepaskan haiwan peliharaan mereka ke persekitaran setelah tidak berminat untuk memeliharanya. Yang Berhormat, perkara ini kita kawal di bawah fasal 33 iaitu menjadi kesalahan bagi kegagalan menjalankan jagaan dan pengawasan yang munasabah terhadap binatang peliharaan. Maknanya kalau dia lepaskan, hantar dekat pasar dan sebagainya, kalau kita tangkap dia, itu menjadi kesalahan di bawah akta ini. Ini kerana dia gagal untuk menjaga haiwan peliharaan. Yang Berhormat Bagan Serai selanjutnya mencadangkan...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail bin Yaakob: Okey.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih. Saya juga menyarankan supaya berkenaan dengan kasi binatang itu supaya tidak membiak di luar kawalan. Kalau pihak kementerian ada buat macam program mencegah ya, kalau boleh adakan program kasi percuma dilakukan oleh Jabatan Veterinar. Jadi supaya mereka yang memelihara haiwan peliharaan ini boleh menghantar dan kasi binatang mereka kucing kesayangan mereka itu supaya tidak membiak. Jadi saya rasa mengawal itu harus juga dilihat, diberikan penekanan selain daripada mendenda tadi. Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Menteri sedikit. Saya tekankan tentang kesan biodiversiti semalam sebenarnya kerana contoh yang saya bagi ialah siput gondang emas, *golden snail*. Ini kerana sesetengah binatang ini bila kita lepaskan, selama ini orang tidak tahu kita

lepaskan. Kedua, kesannya *very destructive*, dengan izin. Dia boleh makan padi dan contohnya burung yang saya sebut semalam dia boleh membiak dengan cepat. *Very destructive economically*, jadi ini yang menjadi satu benda masalah yang besar yang mungkin tidak nampak sangat. Hari ini yang kita nampak anjing kena pukul, kucing kena pukul tetapi yang ini yang tidak disedari contohnya *flower horn* satu lagi, ikan ini yang menyebabkan *destruction*. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail bin Yaakob: Tentang kasi percuma ini memang kita sudah ada program sebegini. Mungkin secara tidak besar-besaran saya pun tidak pasti. Akan tetapi kita akan teruskan dari semasa ke semasa kita akan pertimbangkan. Walau bagaimanapun, di klinik-klinik veterinar kerajaan memang harga bayaran untuk kasi ini tidak semahal di klinik swasta. Walau bagaimanapun, untuk percuma program-program kasi ini mungkin kita akan banyakkkan untuk membantu mengurangkan populasi setengah-setengah haiwan tersebut. Memang benar Yang Berhormat, tidak semua haiwan yang dilepaskan itu tidak mendatangkan kesan buruk kepada masyarakat, kepada industri kita.

Misalnya siput gondang tadi satu contoh yang baik. Dahulunya dibawa ke dalam negara dari luar untuk makan eksotik akhirnya bila lepas menjadi musuh utama kepada tanaman padi.

Oleh sebab itulah pihak kementerian mengawal kemasukan haiwan-haiwan dari luar ini. Begitu juga dengan keli Afrika misalnya, akhirnya memakan semua keli-keli kita dan tidak ada lagi keli kita hampir pupus kerana diganti dengan keli Afrika. Jadi dengan perkara-perkara ini, kita dari segi kawalannya adalah cara berbeza. Itu di bawah jabatan lain.

■1250

Yang Berhormat Bagan Serai juga mencadangkan supaya kerajaan dapat menyediakan dana untuk NGO yang terlibat di dalam menjaga kebajikan haiwan yang terbiar kerana pihak NGO mempunyai kekangan kewangan. Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat tersebut. Bagi tujuan ini di bawah Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan, kementerian telah memohon daripada Kementerian Kewangan untuk peruntukan kepada NGO bagi tujuan tersebut.

Yang Berhormat Jerantut telah mengutarakan isu kemampuan haiwan untuk menarik muatan. Contoh kerbau, menarik muatan kelapa sawit dan sebagainya. Begitu juga dengan monyet dan sebagainya. Beruk untuk cari kelapa. Beruk bawah PERHILITAN. Walau bagaimanapun, untuk lembu, untuk kerbau dan sebagainya seperti yang saya sebut, kita akan tentukan secara *detailnya*, peraturan di bawah fasal 62(2)(e).

Yang Berhormat Sekijang, seterusnya mengutarakan isu berkenaan dengan kewujudan *Malaysian Animal Welfare Committee* yang sedia ada dan soalan sama ada ianya akan dibubarkan selepas rang undang-undang ini dikuatkuasakan. Sukacita saya maklumkan jawatankuasa ini akan diteruskan walaupun selepas rang undang-undang ini diluluskan. Oleh kerana *committee* ini, jawatankuasa ini akan melihat kepada dasar dan memantau Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan.

Yang Berhormat Sekijang juga membangkitkan sama ada haiwan liar dan eksotik seperti ular dan kucing hutan yang dijadikan haiwan kesayangan dan peliharaan yang dijual atau

sebaliknya dikawal selia oleh Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015. Bagi perkara ini, kesemua haiwan liar yang tersenarai di bawah Akta Perlindungan Pemuliharaan Hidupan Liar.

Yang Berhormat Kapar mengutarakan persoalan sama ada pertunjukan haiwan perlu dilesenkan. Pertunjukan haiwan dibenarkan dengan lesen di bawah fasal 15, bagi aktiviti yang melibatkan haiwan seperti yang disenaraikan di jadual Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015.

Yang Berhormat Kuantan membangkitkan sama ada ternakan dikawal selia di bawah Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015. Yang Berhormat, dari segi definisi di bawah fasal 2, haiwan ternakan termasuk di bawah rang undang-undang ini. Yang Berhormat Kuantan juga membangkitkan tentang keperluan peralatan dan garis panduan untuk menangkap haiwan terbiar. Peralatan dan garis panduan untuk menangkap haiwan terbiar sudah dibangunkan dan akan dikuatkuasakan melalui fasal 6(2)(b) ataupun (d), ada. Seterusnya, Yang Berhormat Kuantan mengutarakan sama ada Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015 mengawal selia pembiakan anjing dan kucing serta kedai haiwan kesayangan. Bagi pembiakan anjing dan kucing serta kedai haiwan kesayangan, dikawal selia melalui lesen yang akan kita keluarkan seperti yang diperuntukkan di bawah fasal 15 di dalam jadual.

Yang Berhormat Kuantan juga mengutarakan pendapatnya bahawa fasal 27 yang memperuntukkan tentang pengangkutan haiwan adalah terlalu ringkas dan tidak menyeluruh. Peraturan di bawah fasal 62(2)(f) akan memperincikan dan menetapkan perkara-perkara yang berhubung dengan langkah-langkah yang harus diambil di dalam mengangkut haiwan seperti yang saya telah maklumkan sebentar tadi.

Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Bagan Serai juga membangkitkan isu penguatkuasaan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri, berkenaan haiwan ternakan tadi ada pohon penjelasan sedikit. Saya menyebut berkenaan dengan haiwan ternakan yang di*inject* dengan hormon, yang di*inject* dengan *antibiotic* dan sebagainya untuk cepatnya mereka besar dan sebagainya. Adakah ini juga merupakan sebahagian daripada kebajikan haiwan yang harus kita lihat dalam akta ini?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: *Inject* dengan antibiotik dan sebagainya, kita tengok dari segi sama ada ianya untuk tujuan kebajikan dari segi menjaga penyakit, mengelakkan daripada penyakit dan sebagainya. Kalau itu dilakukan kita tengok dari segi niat dia, apa tujuan dia. Kalau tujuan untuk boleh menyebabkan lari daripada norma-norma biasa dan dianggap sebagai penyiksaan, ianya boleh dikategorikan kesalahan di bawah rang undang-undang ini. Akan tetapi kalau untuk membantu haiwan tersebut, jadi itu tidak dianggap sebagai penyiksaan.

Tentang penguatkuasaan, saya tahu ramai yang bimbang, saya tahu ramai yang meragui, yang waswas. Kita ada undang-undang tetapi bagaimana dengan penguatkuasaan? Adakah boleh kita laksanakan, terutamanya dari segi kemampuan tenaga kerja, Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Sama ada ianya mencukupi atau tidak untuk menguatkuasakan rang undang-undang ini? Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini terdapat seramai 160 pegawai penguat kuasa

dan 2,500 orang pegawai teknikal Jabatan Perkhidmatan Veterinar di Semenanjung dan Labuan yang boleh dilantik sebagai pegawai kebajikan haiwan.

Pegawai awam dari agensi kerajaan lain yang terlibat dalam pengendalian haiwan juga boleh dilantik sebagai Pegawai Kebajikan Haiwan. Latihan kepakaran berkenaan kebajikan haiwan akan diberikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar kepada semua pegawai kebajikan haiwan yang akan dilantik.

Saya hendak memberikan sedikit statistik mengenai tindakan-tindakan di bawah penguatkuasaan Jabatan Veterinar setakat ini. Misalnya, tindakan operasi terhadap haiwan-haiwan ini yang kita kawal dari segi penyeksaan dan sebagainya. Pada tahun 2013, sebanyak 4,942 operasi dijalankan. Pada tahun 2014 - 5,183 operasi dan pada tahun ini 2015 sehingga Mac sebanyak 1,398 operasi telah pun dilaksanakan.

Berhubung peranan NGO untuk turut sama memainkan peranan dalam membantu penguatkuasaan rang undang-undang ini yang turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat, pihak kerajaan amat menghargai sebenarnya sumbangan pihak NGO dalam kebajikan haiwan selama ini. Sehubungan dengan itu, rang undang-undang ini telah memperuntukkan secara khusus untuk NGO terlibat sebagai pembantu sukarela kebajikan haiwan di bawah fasal 37 RUU ini.

Yang Berhormat Padang Serai dan juga Yang Berhormat Bagan Serai telah membangkitkan isu kurangnya pendakwaan bagi kes penderaan di bawah Akta Binatang 1953. Untuk makluman Yang Berhormat Padang Serai, terutamanya sebagai seorang peguam, pendakwaan hanya boleh dibuat bagi kes yang mempunyai bukti untuk kita membawa pertuduhan. Jadi, rang undang-undang ini saya percaya tentu sahaja akan meningkatkan kesedaran orang awam tentang pentingnya menjaga kebajikan haiwan. Oleh yang demikian adalah diharapkan orang awam bersedia untuk tampil membuat aduan dengan bukti-bukti yang lengkap atau menjadi saksi supaya pertuduhan dapat kita laksanakan.

Yang Berhormat Padang Serai mengutarakan isu tempoh lesen menjalankan aktiviti yang melibatkan haiwan selama lima tahun adalah terlalu lama. Kita bersetuju memang betul, lama. Walau bagaimanapun, suka saya maklumkan bahawa rang undang-undang ini menetapkan iaitu di bawah fasal 18, kita boleh memendekkan tempoh lesen tersebut, kita boleh menggantung lesen tersebut ataupun menghalang lesen daripada pemegang lesen, malah menghilangkan kelayakan pemegang lesen tersebut di bawah fasal 52. Walaupun lama Yang Berhormat tetapi jika ada perkara-perkara yang boleh kita fikirkan untuk batalkan lesen tersebut, kita boleh batalkan sebelum tempoh lima tahun tersebut.

Yang Berhormat Padang Serai juga menyentuh isu penggunaan haiwan dalam penyelidikan ujian dan pengajaran yang boleh menjejaskan kebajikan haiwan yang digunakan. Pada masa yang sama, Yang Berhormat turut mencadangkan agar penggunaan penyelidikan alternatif bagi menggantikan haiwan dalam penyelidikan. Ingin saya maklumkan bahawa langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan keperluan fizikal, kesihatan dan kelakuan haiwan itu perlu diambil perhatian dalam kerja-kerja penyelidikan tersebut seperti yang dinyatakan dalam fasal 26.

Manakala fasal 62(2)(c) pula memperuntukkan kuasa untuk kita membuat peraturan tentang penetapan semua perkara yang berhubung dengan haiwan yang digunakan dalam penyelidikan, ujian dan pengajaran dan sebagainya. Jadi, segala *detail* tentang apa yang kita akan buat uji kaji, tentang haiwan dan sebagainya boleh kita masukkan dalam peraturan yang akan kita keluarkan nanti.

Jawatankuasa Etika Penyelidikan Haiwan yang sedia ada di institusi penyelidikan akan diselaraskan peranannya di bawah peraturan fasal 62(2)(c) ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri, panjang lagi kah? Kita sambung jam 2.30 petang.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Boleh saya habiskan satu untuk Yang Berhormat Padang Serai.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, kalau bolehlah, sedikit. Saya hendak tanya begini. Yang Berhormat sedar atau tidak? Oleh sebab Yang Berhormat tidak sebut buaya-buaya di sungai Pahang sekarang sudah kurang, sebab apa? Tidak payah jawab sini, kita jawab di luar ke atau bertulis tidak apa. Saya difahamkan buaya di sungai-sungai banyak dah keluar kerana banyak lari ke darat, jadi buaya darat. Betul tidak?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Salah seorang ada sebelah sana. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, kita sambung...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya hendak habiskan sedikit Yang Berhormat Padang Serai, sebab yang lain Yang Berhormat lain. Yang Berhormat Padang Serai telah membangkitkan tentang pertindihan kesalahan penganiayaan haiwan di antara Akta Binatang 1953 dengan rang undang-undang ini. Untuk makluman Yang Berhormat, seksyen 43, Akta Binatang 1953 mendefinisikan haiwan meliputi kesemua jenis haiwan, termasuklah hidupan liar. Manakala, rang undang-undang ini mendefinisikan haiwan di bawah fasal 2, meliputi kesemua haiwan tetapi tidak termasuk hidupan liar. Ini bermakna, jika berlaku kesalahan penganiayaan haiwan yang tidak terjatuh di bawah definisi haiwan dalam rang undang-undang ini dan juga di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar, maka kesalahan tersebut boleh kita ambil dan dakwa di bawah Akta Binatang.

Tambahan pula penalti berkenaan dengan haiwan ini di bawah Akta Binatang akan kita pinda Yang Berhormat. Kita pinda dan kita setarakan penaltinya sama seperti di bawah rang undang-undang yang ada pada hari ini. Yang Berhormat, saya sambung sebenarnya sedikit lagi tetapi tidak apalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebab tengah hari saya tidak ada kuasa untuk menambah walaupun satu minit. Yang Berhormat, kita tangguh persidangan kita sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

2.32 ptg.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Pasir Puteh, saya ucapkan terima kasih kerana menyatakan sokongan penuh terhadap rang undang-undang ini yang akan memberikan manfaat kepada hubungan haiwan dan manusia.

Yang Berhormat Tanjong menyarankan supaya pemeliharaan anjing di dalam rumah pangsa adalah diharamkan, dihadkan bilangan pemeliharaan kucing serta anjing dan mengawal keselamatan haiwan di rumah pangsa dan kondو. Berkenaan pengawalan bilangan haiwan dipelihara iaitu kucing dan anjing di rumah pangsa dan kondو, perkara ini adalah di bawah kawal selia undang-undang kecil kerajaan tempatan. Namun, di bawah Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan, pihak lembaga boleh mengawal selia keselamatan dan kesejahteraan haiwan tersebut melalui peraturan di bawah fasal 62(2)(a).

Berkenaan merosakkan peti suara anjing bagi tujuan mengawal kacau ganggu persekitaran, perbuatan ini adalah satu kesalahan dan boleh dihukum di bawah fasal 29(1)(h).

Bagi isu perbezaan undang-undang kecil tempatan mengenai pengendalian haiwan terbiar, perkara ini boleh diselaraskan melalui pewujudan lembaga di bawah Rang Undang-undang Haiwan yang turut dianggotai oleh wakil kerajaan tempatan.

Selanjutnya berkenaan sama ada untuk mengecualikan keperluan untuk melesenkan pihak NGO seperti SPCA kerana ianya akan meningkatkan kos pentadbiran dan pengurusan NGO tersebut, kesemua keperluan lesen diperuntukkan di bawah fasal 62(2)(j) dan apa-apa pengecualian bayaran fi akan dipertimbangkan oleh lembaga jika perlu dan wajar.

Berkenaan mengadakan mekanisme di peringkat negeri-negeri dan bukan sahaja di peringkat lembaga untuk menjaga kebajikan haiwan, untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri turut akan memainkan peranan dalam melaksanakan rang undang-undang ini. Pegawai-pegawai penguat kuasa dan pegawai teknikal di negeri boleh dilantik sebagai pegawai kebajikan haiwan bagi tujuan tersebut.

Bagi cadangan untuk diadakan kawalan terhadap *animal sanctuary* ataupun tempat perlindungan haiwan yang dikendalikan oleh orang awam atau persatuan, bagi perkara ini, saya amat bersetuju kerana keperluan untuk melesenkan tempat perlindungan haiwan telah diperuntukkan di bawah fasal 15 dan Jadual Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan.

Yang Berhormat Kuala Kedah mengutarakan keperluan untuk mengadakan *public engagement* bagi memantapkan Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan. Saya juga bersetuju dengan cadangan ini. Malah untuk makluman Ahli Dewan, di dalam merangka rang undang-undang ini pun *public engagement* telah pun dijalankan.

Bagi isu pengendalian dan pengurusan kebajikan haiwan di zoo, saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat, perkara ini adalah di bawah kawal selia Jabatan PERHILITAN di bawah Akta Pemuliharaan dan Perlindungan Hidupan Liar 2010.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, itu sahajalah jawapan yang boleh saya berikan kepada semua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya bagi pihak kementerian mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas kerjasama dan juga pandangan daripada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian sama ada di dalam perbincangan ataupun pencelahan. *Insyah-Allah*, kita akan mengambil serius terhadap segala pandangan dan apa yang perlu kita tambah baik, kita akan tambah baik demi kebajikan haiwan di seluruh negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal 6 - Pindaan:

2.37 ptg.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa fasal 6 rang undang-undang dipinda dalam subfasal 3 dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan "*Penolong Pengarah Kanan Veterinar Jabatan Pertanian Sarawak*" dengan perkataan "*Ketua Penolong Pengarah Veterinar Jabatan Pertanian Sarawak*".

Pindaan yang dicadangkan kepada subfasal 6(3) rang undang-undang dalam teks bahasa kebangsaan bertujuan untuk memperbetulkan gelaran jawatan bagi anggota ex-officio Lembaga Kebajikan Haiwan dari Jabatan Pertanian Sarawak.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Fasal 6 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Fasal-fasal 7 hingga 39 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal 40 - Pindaan:

2.39 ptg.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa fasal 40 rang undang-undang ini dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan "*pegawai penguat kuasa*" dengan perkataan "*pegawai kebajikan haiwan*".

Pindaan yang dicadangkan kepada fasal 40 rang undang-undang dalam teks bahasa kebangsaan bertujuan untuk memperuntukkan sebutan mengenai pegawai kebajikan haiwan yang mempunyai kuasa penguatkuasaan di bawah rang undang-undang ini supaya selaras dengan sebutan mengenainya dalam peruntukan penguatkuasaan yang lain di dalam rang undang-undang ini.

■1440

Tuan Pengerusi: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujui.

[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Fasal 40 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Fasal-fasal 41 hingga 64 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015 dilaporkan dengan pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

**RANG UNDANG-UNDANG
INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN (PINDAAN) 2015**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.42 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) (Pindaan) 2015 untuk meminda Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk terus mengukuhkan institusi kewangan pembangunan (IKP) bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan institusi tersebut dalam memberi perkhidmatan kewangan kepada sektor strategik yang dikenal pasti oleh kerajaan. Ini dapat memastikan IKP berada di dalam kedudukan yang lebih kukuh bagi menangani cabaran semasa dan di masa hadapan di samping memastikan peruntukan rang undang-undang ini selari dengan perubahan semasa.

Pindaan ini sejajar dengan perubahan terkini landskap industri kewangan dalam meningkatkan lagi sumbangan IKP terhadap pertumbuhan ekonomi, menyediakan akses kepada pembiayaan bagi isi rumah dan perniagaan, di samping menepati agenda sistem kewangan yang lebih kukuh, progresif dan inklusif. Berdasarkan perkembangan ini, peruntukan undang-undang memberi fleksibiliti kepada Bank Negara Malaysia dalam menentukan keperluan berhemat yang wajar berdasarkan profil risiko IKP yang berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dicadangkan akan melibatkan penambahbaikan ke atas perundangan sedia ada melalui pengukuhan dasar semasa, serta kemasukan peruntukan baharu seperti yang berikut;

Pertama, rang undang-undang ini akan mengukuhkan secara menyeluruh tadbir urus korporat IKP. Ini dicapai melalui peruntukan yang:

- (i) memberi penekanan terhadap pematuhan kehendak 'layak dan sesuai' sebelum kelulusan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah dikemukakan kepada Menteri;
- (ii) kriteria 'layak dan sesuai' akan diguna pakai ke atas pegawai kanan dan perlu dipatuhi pada setiap masa; dan
- (iii) memperkukuhkan akauntabiliti lembaga pengarah melalui peruntukan baharu mengenai fungsi lembaga pengarah dan kewajipan pengarah secara individu dalam melindungi kepentingan pendeposit dan pihak-pihak berkepentingan serta memastikan pelaksanaan strategi adalah selaras dengan mandat, keupayaan dan kebolehan IKP tersebut.

Kedua, rang undang-undang ini akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi IKP dalam melaksanakan mandat yang ditetapkan. Ini adalah dengan:

- (i) memperkukuhkan peruntukan sedia ada di mana IKP dikehendaki untuk mendapat kelulusan Bank Negara Malaysia bagi pemerolehan kepentingan material di dalam mana-mana entiti bagi memastikan pelaburan tersebut selaras dengan mandat IKP; dan
- (ii) memberi fleksibiliti kepada IKP untuk memberi kemudahan kredit kepada pihak yang berkaitan bagi menyokong sektor-sektor strategik.

Ketiga, rang undang-undang ini turut meliputi pengukuhan pengawasan pengawalseliaan bagi keselamatan dan kukuhan IKP. Ini dicapai dengan:

- (i) menghendaki IKP mematuhi piawaian berhemat serta memastikan tadbir urus dalaman selaras dengan standard yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. IKP juga perlu menguruskan aktiviti perniagaan dengan berpandukan pengurusan risiko yang kukuh dan amalan tadbir urus yang berkesan;
- (ii) menambah baik peruntukan berkaitan juruaudit dan akaun bagi meningkatkan ketelusan penyata kewangan IKP. Skop kewajipan bagi juruaudit untuk membuat pelaporan kepada Bank Negara Malaysia turut diperluaskan bagi memperkukuhkan bidang penyeliaan; dan
- (iii) memperluaskan skop pemeriksaan dan penyiasatan termasuk subsidiari IKP, serta memasukkan pencetus awalan, dengan izin, *pre-emptive triggers*, yang membolehkan tindakan awal diambil sebelum daya maju sesebuah IKP terancam.

Keempat, rang undang-undang ini menyediakan rangka kerja yang kukuh bagi memastikan pengawalseliaan yang berkesan bagi melindungi kepentingan dan hak pengguna. Ini dicapai melalui peruntukan rangka kerja yang menyeluruh merangkumi perlindungan ke atas pengguna, perlakuan perniagaan, perlindungan ke atas kerahsiaan maklumat, serta resolusi pertikaian di antara IKP dan pelanggan dalam memastikan IKP bersikap adil, bertanggungjawab serta profesional semasa berurusan dengan pengguna kewangan.

Kelima, rang undang-undang ini menyediakan rangka kerja perundangan yang komprehensif merangkumi pematuhan dan tadbir urus Syariah bagi perniagaan kewangan Islam IKP. Ini dicapai dengan memasukkan peruntukan-peruntukan khusus berkenaan dengan pematuhan syariah bagi IKP yang menjalankan perniagaan kewangan Islam secara keseluruhan atau di samping perniagaan konvensional. Ini merangkumi peruntukan mengenai tadbir urus syariah, penubuhan jawatankuasa syariah dan audit atas pematuhan syariah.

Akhir sekali yang keenam, rang undang-undang ini memperkenalkan rangka kerja penguatkuasaan dan penalti yang lebih komprehensif ke atas IKP, selari dengan undang-undang kawal selia institusi kewangan yang lain. Oleh yang demikian, akta yang dipinda akan mengandungi peruntukan rangka kerja penguatkuasaan yang merangkumi tindakan pentadbiran, tindakan sivil dan kesalahan jenayah selaras dengan tahap keseriusan kesalahan yang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini merangkumi 114 fasal dan 3 Jadual. Peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini diringkaskan seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan itu dan fasal 2 dan 3 memperuntukkan pindaan-pindaan am.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 4 untuk memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia bagi penubuhan suatu jawatankuasa untuk menjalankan fungsinya di bawah Akta 618.

Fasal 5 dan 6 bertujuan untuk menggantikan seksyen 5 dan memperkenalkan seksyen 5A yang baru untuk menyatakan fungsi dan kewajipan lembaga pengarah dan pengarah sesuatu IKP.

Fasal 7 bertujuan untuk menggantikan seksyen 6, Akta 618 untuk melarang mana-mana IKP daripada melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif atau pengarah tanpa keizinan bertulis Menteri terlebih dahulu. IKP hendaklah mendapat pengesahan Bank Negara Malaysia bahawa calon yang dicadangkan telah mematuhi kriteria minimum bagi pelantikan sebelum meminta keizinan bertulis Menteri.

Fasal 8 dan 10 bertujuan untuk memperkenalkan seksyen 6A dan meminda seksyen 8, Akta 618 untuk menghendaki pengerusi, pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan sesuatu IKP untuk mematuhi kriteria 'layak dan sesuai'. Mana-mana pegawai tersebut yang hilang kelayakan di bawah subseksyen 7(1) atau tidak lagi mematuhi mana-mana kriteria 'layak dan sesuai' hendaklah dengan serta-merta berhenti daripada memegang jawatan.

Beberapa fasal yang baru dari fasal 9 hingga 105 bertujuan untuk memotong dan meminda beberapa subseksyen di bawah Akta 618 untuk mengeluarkan penalti jenayah bagi seksyen-seksyen tersebut kerana peruntukan mengenai tindakan pentadbiran dan tindakan sivil yang boleh diambil ke atas IKP yang melanggar peruntukan akta.

■1450

Fasal-fasal ini juga menaikkan liabiliti maksimum, kesalahan sejajar dengan undang-undang bertulis yang lain ke atas institusi kewangan yang lain.

Fasal 24 bertujuan meminda seksyen 26 Akta 618 untuk memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia bagi mengarah IKP untuk melupuskan subsidiarinya atau kepentingan materialnya dalam sesuatu entiti.

Fasal 27 bertujuan untuk meminda seksyen 29 Akta 618 bagi menggantikan kawalan ke atas kredit kepada orang tunggal, dengan izin, *credit to single person* dengan kawalan ke atas pendedahan kepada pihak balas tunggal, dengan izin, *exposure to single counterparty*.

Fasal 31 bertujuan untuk menggantikan seksyen 129 dengan suatu Bahagian IIIA Akta 618 berkenaan perniagaan kewangan Islam yang memperuntukkan IKP menjalankan perniagaan atau aktiviti mengikut syariah dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu. Bahagian ini juga memperuntukkan suatu IKP hendaklah pada setiap masa memastikan bahawa perniagaannya, hal ehwalnya dan aktivitiinya adalah mematuhi syariah dan keputusan Majlis Penasihat Syariah Bahagian 3A baru ini menghendaki IKP untuk menubuhkan suatu Jawatankuasa Penasihat Syariah untuk memastikan perniagaannya, hal ehwalnya dan aktivitiinya berada dalam kepatuhan syariah.

Fasal 32 bertujuan untuk memotong subseksyen 34(3) hingga 34(6) akta 618 yang membolehkan pengubahsuaian pernyataan niat korporat, dengan izin *statement of corporate intent*. Walau bagaimanapun IKP hendaklah melaksanakan pernyataan niat korporat yang diluluskan oleh Menteri.

Fasal 33 bertujuan untuk meminda seksyen 35 Akta 618 yang menghendaki IKP untuk mengemukakan kepada Bank Negara Malaysia suatu kehendak pendanaan tahunan, dengan izin *annual funding* atau tambahan sebagaimana yang telah diluluskan oleh Menteri.

Fasal 39 bertujuan untuk menggantikan seksyen 41 Akta 618 dengan suatu seksyen 41 yang baru untuk membolehkan penentuan kehendak berhemat seperti tadbir urus korporat, pengurusan risiko dan pencegahan IKP itu daripada digunakan secara sengaja atau tidak sengaja untuk aktiviti jenayah.

Fasal 41 bertujuan untuk memperkenalkan suatu Bahagian IVA yang baru ke dalam Akta 618 bagi penentuan standard untuk memastikan perlakuan perniagaan IKP adalah saksama, bertanggungjawab dan profesional apabila berurusan dengan pengguna kewangan. Bahagian ini juga memperuntukkan peraturan bagi membolehkan penganggotaan IKP dalam skim kewangan ombudsman.

Fasal 50 bertujuan meminda subseksyen 54(1) Akta 618 dengan perluasan bidang kuasa bagi pengambilan tindakan terhadap IKP apabila institusi tersebut melakukan atau hampir melakukan suatu tindakan yang tidak sepatutnya dilakukan bagi mengekalkan keselamatan dan kekukuhan IKP itu.

Fasal 60 bertujuan untuk meminda subseksyen 71 Akta 618 untuk menghendaki juruaudit melaporkan kepada Bank Negara Malaysia sekiranya terdapat apa-apa kelemahan dalam pengawalan dalaman IKP berkaitan dengan proses laporan kewangan.

Fasal 70 dan 71 bertujuan untuk meminda seksyen 82 dan 83 Akta 618 untuk memperluaskan bidang kuasa pemeriksaan ke atas perniagaan dan hal ehwal IKP termasuk subsidiarinya.

Fasal 75 bertujuan untuk memperkenalkan suatu seksyen 86A ke dalam Akta 618 untuk melindungi apa-apa dokumen atau maklumat yang dihasilkan dari pengawalseliaan ke atas suatu IKP sebagai contoh, perkadaran atau penilaian, dengan izin, *supervisory rating or assessment*.

Fasal 88 ke 90 bertujuan untuk memperkenalkan seksyen-seksyen baru untuk memberikan kuasa kepada pegawai penyiasat untuk menghendaki mana-mana orang yang disiasat untuk menyerah balik dokumen perjalanannya dan memperuntukkan kebolehpercayaan keterangan dan kebolehterimaan keterangan dengan izin, *agent provocateur*.

Fasal 93 bertujuan untuk memperkenalkan suatu Bahagian VIIIA dan VIIIB yang baru ke dalam Akta 618. Bahagian VIIIA memberi kuasa untuk pengambilan tindakan pentadbiran terhadap pelanggaran peruntukan dan sebagainya di bawah Akta 618. Mana-mana orang yang terkilan dengan penganan suatu penalti monetari atau arahan untuk remedi pelanggaran boleh membuat rayuan kepada Jawatankuasa Kajian Semula Penalti Monetari. Bahagian VIIIB memberikan kuasa

untuk memulakan prosiding sivil bagi maksud mendapatkan ganti rugi yang berpunca daripada suatu kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang.

Fasal 95 bertujuan untuk memperkenalkan seksyen 107A yang baru ke dalam Akta 618 untuk memberikan kuasa kepada Menteri atau Bank Negara Malaysia untuk menerima akujanji bertulis daripada mana-mana orang dan untuk memohon kepada Mahkamah Tinggi bagi suatu perintah berkenaan dengan kemungkiran akujanji.

Fasal 99 bertujuan untuk memperkenalkan seksyen baru 114A hingga 114D ke dalam Akta 618 di antaranya bagi memperuntukkan pendakwaan boleh dimulakan dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, perlindungan kepada seseorang yang mendedahkan dengan suci hati suatu kemungkinan atau pelanggaran kepada Bank Negara Malaysia dan untuk memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia bagi menyiarkan maklumat berhubung dengan tindakan penguatkuasaan dan akibat daripada tindakan sedemikian.

Fasal 102 bertujuan untuk meminda seksyen 119 dengan memperuntukkan bahawa tiada apa-apa dalam Akta 618 yang memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia atau Menteri untuk menyiasat secara khusus hal ehwal mana-mana pelanggan individu IKP, selain jika pelanggan itu disiasat bagi menjalankan kuasa di bawah Akta 618 dan undang-undang Bank Negara Malaysia bertulis yang lain. Fasal ini juga melarang pendedahan berhubung dengan hal ehwal atau akaun pelanggan suatu IKP melainkan jika ia dibenarkan dalam senarai Jadual Keempat.

Fasal 105 bertujuan untuk memperkenalkan beberapa seksyen ke dalam Akta 618 termasuklah seksyen baru 123B untuk memperuntukkan bahawa tindakan tidak boleh diambil terhadap mana-mana orang tanpa memberikan suatu peluang munasabah untuk membuat representasi melainkan jika apa-apa kelengahan dalam mengambil tindakan akan memudaratkan kepentingan IKP, pihak-pihak berkepentingan, sistem kewangan atau orang ramai secara amnya.

Fasal 114 bertujuan untuk memperkenalkan tiga jadual yang baru ke dalam Akta 618 untuk menyediakan senarai pelakuan perniagaan dilarang, senarai peruntukan bagi mengenakan suatu penalti monetari dan keadaan di mana penzahiran dokumen dan maklumat pelanggan adalah dibenarkan.

Akhir kata, rang undang-undang ini akan memperbaharui dan mengukuhkan rangka kerja perundangan IKP sedia ada bagi menyokong agenda transformasi ekonomi Malaysia dengan memudahkan inovasi, pertumbuhan dan sektor kewangan yang lebih berdaya saing. Di samping itu rang undang-undang ini turut mencerminkan pendekatan semasa di mana rangka pengawalan dan penyeliaan yang lebih bersifat pencegahan awal bagi memastikan kestabilan kewangan.

Pada masa yang sama, rang undang-undang ini bertujuan untuk menyediakan rangka kerja perundangan yang lebih komprehensif bagi mengawal selia IKP yang juga akan meningkatkan tahap pematuhan Malaysia kepada standard antarabangsa bagi penyeliaan perbankan yang efektif yang dikenal pasti di bawah Program Penilaian Sektor Kewangan. Ia juga akan memelihara kepentingan Malaysia dalam landskap sektor kewangan yang lebih kompetitif melalui peruntukan kriteria yang jelas dan telus bagi membolehkan IKP terus melaksanakan mandat bagi menyokong sektor strategik yang telah dikenal pasti dengan lebih efektif.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada Ahli yang menyokong?

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

2.58 ptg.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri kerana membentangkan pindaan yang saya alu-alukan kepada Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 iaitu untuk maklumat Akta khusus yang mengawal selia bank-bank berikut:

- (i) Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia;
- (ii) Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad;
- (iii) Malaysia Export Credit Insurance Berhad;
- (iv) EXIM Bank Malaysia Berhad;
- (v) Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad; dan
- (vi) Bank Simpanan Nasional.

Jika kita imbas kembali institusi-institusi ini ditubuhkan oleh kerajaan dan sebahagian besarnya dibiayai oleh kerajaan bagi tujuan dan mandat yang khusus iaitu untuk menggalakkan sektor-sektor utama negara dan juga berbeza dengan kebanyakan bank-bank komersial yang lain. Bank-bank ini mempunyai matlamat-matlamat sosial negara. Sebab itu kita biasa tahu bahawa Bank Pembangunan contohnya diketahui sebagai *lenders of last resort*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua kerana memang ada institusi-institusi yang sebegini yang membiayai projek-projek infrastruktur atau pun sektor strategik negara yang mungkin sukar untuk mendapat pembiayaan pada kadar komersial daripada bank-bank komersial.

Malangnya Tuan Yang di-Pertua pada pengamatan saya, ada beberapa pembiayaan-pembiayaan yang dibuat oleh institusi-institusi di bawah akta ini yang menimbulkan kebimbangan atau keraguan bahawa institusi-institusi ini telah disalahgunakan untuk membiayai projek-projek tertentu yang dikaitkan dengan orang tertentu yang menyalahi mandat penubuhan institusi-institusi seperti yang saya imbas tadi.

■1500

Kalau Tuan Yang di-Pertua ingat dalam mesyuarat pertama antara ucapan saya yang pertama di Dewan yang mulia ini, saya telah menimbulkan isu pinjaman RM450 juta oleh Bank Pembangunan Malaysia kepada sebuah syarikat milik seorang yang bernama Tan Sri Kenneth Eswaran. Syarikat itu dan maklumat yang saya akan bacakan ini saya petik bulat-bulat daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Pontian sendiri dalam jawapan pada ucapan saya itu. Syarikat milik Tan Sri tersebut bernama *Asian Broadcasting Network (ABN)*. Yang Berhormat

Menteri mengesahkan bahawa pinjaman berjumlah RM450 juta telah diluluskan. Itu disahkan Julai 2013 hampir dua tahun yang lepas.

Semasa Yang Berhormat Pontian mengesahkan perkara itu beliau menyebut di dalam Dewan ini bahawa hanya RM50 juta sahaja yang baru dikeluarkan pada ketika itu. Saya telah semak kenyataan terbaru ABM bertarikh 8 April 2015 oleh CEO nya Sreedhar Subramaniam yang mengesahkan bahawa hampir separuh daripada jumlah pembiayaan itu telah pun dikeluarkan. Bila saya bandingkan dengan jawapan Yang Berhormat Pontian dua tahun lepas, beliau menyebut bahawa RM50 juta telah dikeluarkan ketika itu. RM150 juta akan diberikan selepas syarikat ABM mendapat pelanggan seramai 855,000 rumah dan baki RM250 juta adalah apabila syarikat itu mencapai sasaran 1,575,000 pelanggan. Apabila saya gabungkan jawapan Yang Berhormat Pontian dengan kenyataan media CEO ABN itu bermakna mengesahkan setakat ini RM200 juta daripada RM450 juta yang diluluskan oleh Bank Pembangunan itu telah pun diberikan kepada syarikat ABM ini.

Baik Tuan Yang di-Pertua. Masalahnya ialah apabila kita bandingkan kelulusan dan pembiayaan itu dengan prestasi serta kontroversi yang telah timbul oleh syarikat ini ia menimbulkan banyak persoalan kenapa pinjaman dan pembiayaan itu diluluskan. Saya ambil contoh. Laporan dan siasatan yang dibuat oleh akhbar perniagaan *The Edge* baru-baru ini. Akaun bagi tahun kewangan bertarikh 30 Jun 2014, akaun setahun lepas sampai sekarang belum difailkan. Sejak mula ditubuhkan tahun kewangan 2009 sehingga akaun terakhir yang ada tahun kewangan 2013 syarikat ini mempunyai kerugian terkumpul RM36.2 juta.

Apa yang paling membimbangkan saya Tuan Yang di-Pertua, sejak ditubuhkan tahun 2009, 2010, 2011, 2012, 2013, lima tahun, syarikat ini tidak ada satu sen pun perolehan. Maknanya tidak ada pelanggan yang bayar dia satu sen pun. Kalau syarikat ini tidak ada pendapatan satu sen pun selama lima tahun, macam mana dia hendak bayar balik hutang RM450 juta yang diluluskan oleh Bank Pembangunan tadi. Mengikut laporan kewangan syarikat itu sendiri, sehingga sekarang hutang itu belum lagi dibayar balik faedah-faedahnya.

Tambah pula akhir-akhir ini kita tahu syarikat itu mengalami masalah yang melibatkan kebajikan rakyat. Kita tahu contohnya satu seksyen unit berita di ABN telah ditutup dan ramai pekerja-pekerjanya yang tertunggak gajinya. Kita juga tahu bahawa pekerja-pekerja dalam seksyen lain juga tidak mendapat gaji. Saya sendiri dua minggu yang lepas telah berjumpa dengan 10 syarikat yang menjadi kontraktor di ABN ini, pada hari Jumaat ini Tuan Yang di-Pertua saya akan jumpa dengan 10 lagi kerana mereka datang kepada saya menunjukkan bukti bagaimana ABM tidak bayar segala kontrak yang telah mereka laksanakan.

Kebanyakan mereka ini syarikat bumiputera. mereka melaksanakan kerja-kerja kejuruteraan sivil yang mudah. Pasang tiang, korek lubang, letak kabel dan lain-lain dan mereka ini sekarang tidak dibayar oleh syarikat yang dipilih oleh Bank Pembangunan untuk diberi pinjaman RM450 juta ini. Oleh sebab itu kalau semak balik *Hansard* dalam mesyuarat pertama, isu yang bukan sahaja saya timbulkan. Bekas Ketua Pembangkang Permatang Pauh timbulkan panjang lebar dalam ucapan dia. Malah saya ingat Yang Berhormat Kinabatangan pun bangun minta

supaya Menteri tolong beri penjelasan kenapa syarikat ini yang tidak ada *track record* dengan izin, telah diberikan pinjaman.

Jadi saya minta supaya Yang Berhormat Menteri beri jawapan yang berbalik kepada keyakinan Yang Berhormat Menteri dalam Julai 2013. Bukan sahaja Yang Berhormat Pontian, malah Yang Berhormat Tambun sekali bagi kenyataan yang cukup yakin bahawa semua ini telah melalui proses penilaian kredit yang baik. Kenapa pihak pembangkang cuba mempersoalkan dan menimbulkan rasa jahat terhadap pinjaman ini. Selepas dua tahun kita tahu sekarang bahawa pinjaman ini bermasalah. Besar kemungkinan tidak boleh dibayar dan ia menimbulkan persoalan paling utama yang ditimbulkan oleh bekas Yang Berhormat Permatang Pauh iaitu adakah pinjaman ini diberikan kerana Tan Sri Kenneth Eswaran itu rapat dengan orang-orang tertentu di Putrajaya. Baik.

Maklumat terkini yang saya dapat juga mengesahkan bahawa pengurusan Bank Pembangunan sekarang ini sedang berada dalam tekanan oleh sebab masalah kewangan yang di alami oleh ABN, dia tidak boleh bayar hutang, dia tidak boleh bayar gaji. Sekarang ini dia cuba untuk mendapatkan baki RM250 juta pembiayaan itu. Sedangkan kita tahu ini syarikat yang tidak bayar gaji, ini syarikat yang bermasalah. Kita tahu bukan sahaja syarat yang disebut oleh Menteri dahulu iaitu perlu mencapai sasaran 1,575,000 pelanggan, baru boleh bagi RM250 juta itu . Kalau Menteri semak sendiri khidmat yang diberi oleh syarikat ini kepada pelanggan-pelanggan sedia ada ini memang cukup tidak memuaskan.

ABM ini kononnya mahu menjadi pesaing kepada Astro untuk mengambil alih pasaran Astro. Akan tetapi kalaulah ada Ahli-ahli Dewan yang melanggan ABN kita tahu bahawa kebanyakan daripada saluran-saluran itu ialah saluran percuma daripada China ataupun India. Bukannya aneka rancangan yang ditawarkan seperti rangkaian-rangkaian yang lain. Lebih daripada itu kalau Yang Berhormat Menteri buat *homework*, telefon sendiri *hotline* khidmat pelanggan, *customer service* ABM ini, maka Yang Berhormat Menteri boleh tahu bahawa sebenarnya ia selalunya tidak dapat diselesaikan dan selalunya menyebut ada gangguan, masalah siaran di situ dan lain-lain.

Jadi akhir sekali, oleh kerana keputusan yang saya tidak tahu siapa yang beri arahnya yang keputusan pada tahun 2013 dahulu, rakyat juga menjadi mangsa. Pelanggan kabel yang melanggan ABN ini rugi tidak dapat perkhidmatan yang baik. Kemudian rakyat yang menjadi kontraktor atau pekerja kepada ABN tidak dibayar, tidak dapat gaji. Apa yang paling teruk sekali rakyat yang menjadi pembayar cukai akhir sekali, besar kemungkinan kita kena menanggung RM450 juta hutang yang kita bagi buta-butanya sahaja kepada syarikat yang memang kita telah persoalkan dahulu.

Perkara kedua yang saya hendak sentuh Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai satu lagi urusan niaga juga bank yang di bawah akta ini iaitu Bank Rakyat.

■1510

Pada pertengahan tahun 2014, kita dikejutkan dengan pendedahan bekas Pengerusi Bank Rakyat, Tan Sri Sabbaruddin Chik iaitu ada Menteri yang bertanggungjawab mengarahkan Bank

Rakyat untuk memberi layanan istimewa dan menyelamatkan seorang tokoh kontroversi daripada diambil tindakan mahkamah kerana tidak bayar hutang.

Tokoh kontroversi itu sudah tentu kita semua kenal namanya Deepak Jaikishan. Saya ada 13 dokumen yang diberikan dan diserahkan. Dokumen asal yang saya masih ada pada hari ini Tuan Yang di-Pertua iaitu bukti-bukti bagaimana ada campur tangan yang memberi tekanan kepada pengurusan Bank Rakyat untuk beri layanan istimewa itu. Saya hendak petik salah satu daripada 13 dokumen rasmi itu iaitu surat daripada Yang Berhormat Kuala Pilah, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang ada bidang kuasa ke atas Bank Rakyat yang dialamatkan kepada Datuk Mustafha Razak, Pengarah Urusan Bank Rakyat, bertarikh 30 Januari 2014.

Saya baca di sini Tuan Yang di-Pertua. Arahan-arahan menteri dalam surat itu begitu jelas, ini yang pertama. Dia sebut supaya pihak bank mengambil langkah-langkah berikut. Pertama, pihak Bank Rakyat akan menangguhkan tindakan undang-undang ke atas Deepak dengan sertamerta. Kedua, baki pinjaman Deepak berjumlah RM32,269,273.43 akan diselesaikan melalui bayaran bulanan untuk tempoh 10 tahun. Ketiga, arahan menteri supaya bayaran bulanan itu bolehlah dibuat oleh Deepak Jaikishan melalui 120 keping cek *post dated* sebanyak RM270,000 tiap-tiap bulan.

Saya tidak tahu sama ada Tuan Yang di-Pertua pernah cuba pergi ke bank, cuba bayar hutang Tuan Yang di-Pertua dengan bagi *post dated cheque*. Tengok ada bank yang terima ataupun tidak. Akibat daripada pendedahan itu, Tan Sri Sabbaruddin Chik, kontraknya tidak disambung sebagai pengerusi bank seperti yang kita ketahui.

Saya lebih malang daripada Tan Sri Sabbaruddin Chik oleh kerana saya timbulkan isu ini, saya disiasat di bawah Akta Hasutan. Oleh kerana kononnya menghasut rakyat hilang keyakinan kepada sektor kewangan di negara ini dan kes itu sampai sekarang belum lagi ditutup.

Saya hendak tanya balik soalan yang sama saya tanya kepada menteri mengenai Tan Sri Datuk Kenneth Eswaran dan pinjaman RM450 juta tadi. Mengenai Deepak ini, apa istimewanya Deepak sehingga ada satu surat dan wahyu untuk diselamatkan dan diberikan layanan istimewa? Kalau ada Ahli Dewan ini sendiri, apatah lagi rakyat biasa di luar, kalau kita tertunggak dan lambat bayar hutang, sudah tentu kita akan diambil tindakan mahkamah oleh bank ataupun diisytiharkan mufliis. Kenapa seorang yang bernama Deepak ini mendapat layanan yang begitu istimewa? Adakah kerana Deepak ini dilaporkan begitu rapat dengan keluarga Perdana Menteri?

Perkara yang ketiga saya hendak timbulkan sebelum saya gulung dan rumuskan Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai pengesahan timbalan menteri, Yang Berhormat Labis pada hari Isnin baru-baru ini. Bahawa satu lagi institusi kewangan yang dikawal di bawah akta ini iaitu EXIM Bank telah memberi pinjaman sebanyak RM540 juta kepada 1MDB setelah mendapat satu surat sokongan daripada kerajaan baru-baru ini.

Saya tidak perlu hurai panjang lebarlah apa yang kontroversinya apabila EXIM Bank memberikan pinjaman RM540 juta kepada 1MDB. Oleh kerana kita semua sedia maklum dan kita sudah habiskan berbulan-bulan membincangkan masalah kewangan 1MDB ini. Jadi, sudah tentu

apabila satu institusi kewangan yang sebahagian besarnya dibiayai oleh kerajaan, memberi pinjaman kepada satu syarikat yang bermasalah seperti ini, sudah tentu ia menimbulkan tanda tanya tentang campur tangan dan bagaimana kukuhnya tata kelola yang ada di institusi-institusi kewangan ini.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Baik, Yang Berhormat Sungai Petani hendak tanya atau apa?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, mungkin perbalahan perbincangan yang sedang berlaku sekarang didengar oleh rakyat di luar melalui media. Rakyat juga tidak faham Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ia bank-bank. Pandangan mereka ini tidak melibatkan rakyat. Ini ialah duit bank. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Pandan. Yang Berhormat Pandan sebut tadi sama ada Bank Pembangunan yang memberikan pinjaman ratusan juta kepada Kenneth ataupun Bank Rakyat yang memberikan pinjaman dan tidak dapat dibayar oleh Deepak.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Pandan, adakah kedua-dua bank ini melibatkan duit rakyat? Ada atau tidak duit rakyat terlibat dalam bank ini? Kalau bank ini gagal mengambil balik ataupun mendapatkan balik pinjaman yang telah pun mereka keluarkan, adakah rakyat tidak masuk campur? Makna, tidak sangkut pun kepada rakyat dan yang menderita ialah akibat orang yang jadi *shareholder* dalam bank tersebut.

Jadi, apa sebenarnya yang berlaku? Duit mana yang datang untuk membolehkan kedua-dua bank ini berfungsi? Terima kasih Yang Berhormat Pandan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Itu buka ruang untuk saya terangkan sedikit latar belakang dan ulang balik kenapa kita membahaskan pindaan akta pada hari ini. Sektor kewangan ada dua bank, institusi kewangan. Satu ialah institusi kewangan komersial yang ditadbir oleh satu akta yang lain, dengan izin, *Financial Services Act*. Akan tetapi kerajaan juga mempunyai satu lagi akta iaitu akta yang kita bahaskan ini, khusus untuk institusi-institusi kewangan. Sebahagian besarnya bukan sahaja ditubuhkan oleh kerajaan tetapi dibiayai oleh kerajaan.

Maknanya, enam buah institusi yang saya sebut tadi termasuklah Bank Pembangunan, EXIM Bank, kredit gerenti dan lain-lain, semua ini ditubuhkan dan dibiayai oleh kerajaan untuk mempunyai tugas dan fungsi utama dalam matlamat sosial dan ekonomi negara.

Jadi, untuk menjawab apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Sungai Petani. Pertama, adakah ini ada kena-mengena dengan rakyat? Sudah tentu kerana ia dibiayai oleh rakyat melalui peruntukan yang diluluskan oleh Dewan ini. Dana ini apabila dimasukkan ke dalam institusi-institusi ini, boleh sahaja juga dibelanjakan untuk perkara-perkara lain seperti subsidi minyak dan lain-lain tetapi dimasukkan bagi tujuan-tujuan dan mandat khusus.

Oleh sebab itu apabila ia diberikan bagi pinjaman-pinjaman yang tidak memenuhi mandat tadi yang ruginya bermakna samalah seperti mengambil dana rakyat dan diberikan terus kepada ahli-ahli perniagaan kroni tadi. Itu yang pertama, Yang Berhormat Sungai Petani.

Kedua, mereka institusi-institusi kewangan ini mempunyai mandat yang khusus dalam bidang yang khusus, termasuklah infrastruktur, termasuklah sektor strategik. Kalau pembiayaan ini diberikan secara mudah kepada pinjaman-pinjaman yang tidak berkualiti dan rugi begini, maknanya pembiayaan yang sepatutnya pergi kepada Pusat Nuklear contohnya, pembiayaan yang mungkin perlu untuk satu pembangunan teknologi pengangkutan baru contohnya, pembiayaan yang sepatutnya diberikan kepada institusi pendidikan tinggi untuk R&D, semua ini tidak dapat diberikan kerana telah dialih kepada pinjaman-pinjaman sebegini. Maka, rakyat rugi lagi kerana ekonomi dan juga matlamat sosial yang sepatutnya dipenuhi oleh mandat-mandat khusus itu tidak dapat dipenuhi.

Saya hendak sambung dengan kesimpulan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya hendak ulang balik ketiga-tiga pinjaman tadi. Kalau kita tengok, ada persamaan utama yang menunjukkan bahawa mandat bank-bank ini melalui pinjaman-pinjaman ini telah pun tidak dipatuhi. Pertama, ambil contoh daripada aspek pinjaman ini diberikan bagi tujuan yang tidak mematuhi mandatnya. Ambil contoh, Bank Pembangunan. Bank Pembangunan bagi pinjaman RM450 juta kepada Tan Sri Datuk Kenneth Eswaran untuk buat syarikat kabel TV.

■1520

Bank Rakyat bagi pinjaman puluh-puluh juta kepada Deepak Jaikishan. Saya pun tidak ingat tadi. Saya tidak tahu dia buat apa dengan duit itu selain daripada berniaga karpit. Yang ketiga, *EXIM Bank*. Diberikan kepada 1MDB yang kita tidak tahu sampai sekarang, masih lagi membincangkan ke mana wang 1MDB itu. Meniaga apa pun kita kurang pasti. Jadi Bank Pembangunan, kabel TV, Bank Rakyat kepada Deepak Jaikishan kita tidak tahu untuk apa. *EXIM Bank* kepada 1MDB kita tidak tahu apa.

Sedangkan, mandat kepada Bank Pembangunan cukup jelas dan Yang Berhormat Pontian jawab semasa saya timbulkan perkara ini bahawa Bank Pembangunan dibolehkan memberikan pinjaman kepada syarikat swasta dengan syarat pinjaman itu adalah untuk projek teknologi. Apa projek teknologi buat kabel TV yang bankrap ini? Bahagian mana yang teknologinya, sedangkan dia tidak boleh bersaing pun dengan Astro. Jadi mandat yang kononnya Bank Pembangunan boleh bagi pinjaman untuk teknologi sudah tentu dilanggar dalam hal pinjaman kepada ABN dan Tan Sri Kenneth Eswaran.

Ambil contoh Bank Rakyat. Bank Rakyat mandatnya ialah koperasi rakyat, bagi pinjaman kepada pinjaman peribadi, kepada perniagaan kecil. Kenapa bagi pinjaman yang besar sebegitu kepada Deepak Jaikishan yang kita tidak tahu buat *business* apa?

Dan yang ketiga, *EXIM Bank* ini ditubuhkan untuk pembiayaan eksport, import. Apa yang eksport, importnya dengan 1MDB? Kita tidak tahu pun lagi dia eksport, import apa. Yang kita tahu wang saja berkisar-kitar dari Kuala Lumpur ke Singapura, kemudian ke Cayman, balik ke Singapura. Itu pun kita tidak tahu wang ataupun unit. Jadi mandat mana yang *EXIM Bank* bagi RM540 juta kepada 1MDB ini sedangkan penubuhan *EXIM Bank* dibiayai oleh kerajaan jelas untuk membiayai aktiviti import dan eksport.

Kemudian kita tengok pula aspek kedua iaitu kepada individu dan syarikat mana yang diberikan pinjaman-pinjaman ini ya. Semuanya ini yang ada kaitan dengan ataupun diuar-uarkan, Tuan Yang di-Pertua, diuar-uarkan ada kaitan dan kenalan kepada Yang Amat Berhormat Pekan dan keluarga dia. Tan Sri Kenneth Eswaran dilaporkan ada kaitan dan kenalan kepada keluarga Yang Amat Berhormat Pekan. Deepak Jaikishan terlibat dalam kes saman menyaman dan SD dan sebagainya juga kena mengena dengan Yang Amat Berhormat Pekan sendiri, isteri Yang Amat Berhormat Pekan dan adik Yang Amat Berhormat Pekan dan 1MDB ialah syarikat kesayangan Yang Amat Berhormat Pekan.

Perkara ketiga, aspek ketiga ialah ketiga-tiga pinjaman syarikat ini mempunyai rekod kewangan yang buruk. Kenneth Eswaran rugi, satu sen tidak pernah ada pendapatan sejak ditubuhkan. Deepak Jaikishan, kita tidak tahu dia buat apa. 1MDB satu dunia sudah cakap tentang 1MDB. Dan sebab itu, kesemua pinjaman ini kini diragui sama ada boleh dibayar balik ataupun tidak. Kalau tidak boleh dibayar balik, maknanya sudah tentu ia akan ditanggung oleh pembayar-pembayar cukai dan rakyat keseluruhannya.

Sebab itu Yang Berhormat Pontian jangan marah kalau rakyat kata kutip GST untuk bayar hutang, sebab perkara-perkara inilah yang menyebabkan rakyat kata, hutang 1MDB sana rakyat tanggung, hutang Deepak rakyat tanggung, hutang Kenneth Eswaran rakyat tanggung. Sebab itu rakyat kata ini kerajaan kutip GST untuk bayar hutang kepada kawan-kawan, kenalan kepada Yang Amat Berhormat Pekan.

Jadi sebab itu, sedang saya mengalu-alukan sepenuhnya pindaan ini kerana saya yakin pindaan ini memberi kuasa yang lebih kepada Bank Negara Malaysia untuk mengawal selia dan mengetatkan tata kelola kawalan kewangan di institusi-institusi ini, saya hendak bagi sedikit amaran kepada Yang Berhormat Menteri. Boleh saja ketatkan dan pinda undang-undang tetapi selagi ada campur tangan daripada atas, selagi ada wahyu, selagi ada Menteri dari Kuala Pilah dan lain-lain yang hantar surat bagi arahan kepada pengurusan bank, selagi itulah kita tidak boleh memastikan institusi-institusi kewangan ini berfungsi mengikut mandat seperti yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Sebab itu, akhir sekali, ia berbalik kepada perkara yang paling penting sekali, ini soal amanah dan soal integriti kerajaan. Saya tidak yakin pindaan-pindaan ini akan mengubah keadaan selagi mereka yang memegang amanah itu memandang rendah dan mengambil enteng soal kredibiliti, soal ketelusan, soal akauntabiliti, selagi mereka dengan mudah menandatangani surat menghantar untuk mengarahkan pegawai-pegawai di bawah membuat keputusan yang bertentangan dengan mandat serta tata kelola yang ada di bank-bank tersebut.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Sungai Petani hendak mencelah lagi. *Last* sekali.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Setelah mendengar hujah-hujah Yang Berhormat Pandan tadi dan setelah mendapat kepastian bahawa duit yang hilang dan bakal hilang Tuan Yang di-Pertua ialah duit rakyat, jadi ada

pemimpin-pemimpin termasuk di sebelah sana dan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bercakap bagi pihak rakyat sama ada di dalam Dewan ataupun di luar Dewan. Ini kerana kita amat sedih, jumlah yang hilang bukan RM200 atau RM300 tapi jutaan. Kita dengar sekarang ini Bank Pembangunan, lepas itu Bank Rakyat, sebelum ini ialah *National Feedlot Corporation*.

Isunya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Pandan, adakah adil apabila pemimpin di sebelah sini ataupun wakil rakyat di sana, Yang Berhormat Semporna kah, Yang Berhormat Pagoh kah, mana-mana juga, bercakap tentang soal ini, adakah adil untuk kita dikenakan tindakan di bawah Akta Hasutan? Apa pandangan Yang Berhormat Pandan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya yang jadi mangsa siasatan Akta Hasutan tiga kali, sudah tentu saya kata tidak adillah. Saya rasa kita kena bersimpati dan faham tentang keraguan dan juga hilangnya keyakinan rakyat kepada ahli politik baik di sebelah Barisan Nasional ataupun Pakatan Rakyat. Kalau kita tidak boleh menyelesaikan isu-isu yang begitu terang begini, mereka boleh membezakan. Kalau kami atau rakyat biasa tidak bayar PTPTN, disenaraikan hitam semuanya, digam tidak boleh pergi umrah tetapi kalau...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Tanjong Karang hendak mencelah? Boleh Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Pandan. Saya hendak dapat penjelasan ya. Yang Berhormat kata pasal Akta Hasutan, Yang Berhormat kena tahan tiga dakwaanlah di bawah itu Akta Hasutan. Saya tidak tahu Akta Hasutan yang di bawah kesalahan mana. Akan tetapi saya hendak ingatkan Yang Berhormat, merujuk daripada Yang Berhormat Sungai Petani, sebab itu baru-baru ini kita ubah Akta Hasutan. Akta Hasutan yang baru kita pinda ini, kalau kita berada di pihak yang mengkritik dasar-dasar kerajaan, ini bukan merupakan satu kesalahan. Jadi adakah sebab Yang Berhormat memberikan hujah-hujah seperti dalam Dewan inikah Yang Berhormat kena dakwa? Atau Akta Hasutan daripada segi mana Yang Berhormat kena dakwa sampai banyak kali ini?

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Akta Hasutan saya ketiga-tiganya ialah mengkritik dasar kerajaanlah ya, termasuklah satu siasatan ini mengenai layanan istimewa yang diberikan kepada Deepak Jaikishan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Shah Alam tunggu kejap. Kemudian yang kedua ialah siasatan mengenai komen saya terhadap keputusan mahkamah terhadap kes Datuk Seri Anwar Ibrahim dan siasatan yang ketiga ialah kerana saya menulis satu buku mengenai institusi kehakiman di negara ini. Maknanya, itu semuanya mengenai pandangan saya tentang perjalanan kerajaan dan saya tidak mahu masukkan sangat Yang Berhormat Tanjong Karang kerana saya hendak tumpu kepada perbincangan mengenai akta ini. Yang itu mungkin kita boleh bincangkan dalam sidang-sidang yang lain.

Baik, saya hendak kembali kerana saya hendak menyambung apa yang saya kata tadi. Kita kena faham macam mana rakyat boleh rasa mual dengan ahli politik kerana kita di Dewan ini meluluskan pelbagai akta... *[Disampuk]* Ha? Ada *standing order*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Sorry* ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengangkat satu *point of order* iaitu pada satu jam yang lalu, sekumpulan wanita yang mendakwa...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan, sebut dulu peraturan mesyuarat mana.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingin merujuk kepada Ahli Parlimen Ampang.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan mesyuarat mana, Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Merujuk Yang Berhormat Ampang kepada Jawatankuasa Tatatertib Khas, P.M.36(12), sebab dia telah melakukan sesuatu yang tidak baik. Ya.

■1530

Saya ingin memaklumkan sekumpulan wanita Ampang telah dihantar oleh Ahli Parlimen Ampang menceroboh rumah saya, membawa sepanduk dengan berbagai-bagai tohmahan dengan jeritan reformasi dan sebagainya. Laporan polis sudah dibuat tetapi Dewan ini apa-apa kita selesai di sini. Jangan biadab. Nasib saya tidak ada, kalau saya ada mungkin ada yang mati di situ. *[Disampuk]* Jangan cabar saya, jangan 'oo, oo', jangan temberang. Kalau ini sahaja jangan temberang. Cuba kalau mahu. Apa 'ha ha'? Jangan cabar saya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau mahu kamu tiga orang pun kalau mahu, jangan main-main dengan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan, terima kasih. Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Apa masalah? Apa masalah ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa masalah, masalah penceroboh! Yang Berhormat campur apa fasal? *You shut up!*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Bastard! You come out, If you are men come out! Single with me.* Kalau kau laki-laki, jantan keluar kau! Biadab!

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini melibatkan maruah, melibatkan nyawa keluarga saya. Ancaman ini tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini perbuatan biadab oleh Ahli Parlimen Ampang.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu, duduk Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Akan tetapi bahasa yang kurang sopan dan tidak sesuai.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini Yang Berhormat Batu pun bahasa apa? Melibatkan penceroboh, peribahasa bodoh!

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat Kinabatangan duduk.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya marah, terus-terang. Rumah tangga saya dikacau saya marah. Satu kali lagi, cuba Yang Berhormat Batu kalau berani ceroboh. Tengok siapa hidup.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun] [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat. Yang Berhormat Kinabatangan duduk. Sudah, sudah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan kacau saya. *You shut up!*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat..

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You shut up!* Kalauini, kalau di Kinabatangan siap! *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Kasar betul bahasa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu. Ahli Yang Berhormat yang lain, Ahli Yang Berhormat..

[Beberapa Ahli Yang Berhormat bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Yang di-Pertua: Sudah-sudah Ahli Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, itu sebab sering kali saya ingatkan, apabila berhujah...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, apabila hal dalam Dewan ini selesai dalam Dewan. Kenapa dibawa pergi ke rumah. Ini perbuatan biadab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya belum siap bercakap. Biar saya bercakap dahulu. Itu sebab sering kali saya ingatkan. Boleh berhujah berapi-api macam Yang Berhormat Pandan, boleh. Semua saya benarkan. Akan tetapi apabila hujah itu melanggar peraturan mesyuarat, itu sebab kita ada peraturan mesyuarat. Kenapa bila hujah melanggar peraturan mesyuarat yang akan terjadi seperti yang, Yang Berhormat Kinabatangan bangkitkan.

Ahli Yang Berhormat yang lain tengok keadaan. Kalau seseorang Ahli Yang Berhormat itu sedang berhujah mengenai dengan sesuatu, jangan berdiri. Berdiri untuk apa? Kalau yang panas disiram lagi dengan minyak adakah itu sifat sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat. Tengok di sekeliling siapa yang memerhatikan. Sebelah kanan tiada orang, sebelah kiri di galeri di belakang saya ini, tengok. Baru juga Yang Berhormat Pandan mengatakan bahawa itu sebab kenapa rakyat sekarang ini, kalau itulah betul atau tidak sudah kurang kepercayaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada sebelah sana atau sebelah sini.

Saya cuma mendengar. Tujuh tahun saya seolah-olah dalam kuliah yang bermacam-macam rupa bentuk ajaran profesor-profesor. Sama ada saya suka atau tidak saya dengar, sama ada saya bosan atau tidak saya dengar. Sama ada itu istilah Yang Berhormat Bintulu - 'kongkalikung' terpaksa saya dengar. Betapa bosannya saya kadang-kadang tetapi saya masih dengar.

Akan tetapi bila saya dengar hujah seperti Yang Berhormat Pandan, 10 jam saya duduk pun saya tidak apa-apa. [*Tepuk*] Itu disorak, tetapi apabila pula setiap kali saya nampak ada begitu daripada Yang Berhormat Kinabatangan, berdiri Yang Berhormat Batu, apa itu. So, jangan, lain kali tolong. Saya sering kali ingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kerja, kerja baik-baik. Kita pun semua kerja baik-baik. Kita bantu-membantu semua tugas kita untuk rakyat. Jadi sudahlah di situ.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu tidak lagi apa-apa. *I don't accept any comment.*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya hendak puji Tuan Yang di-Pertua punya kesabaran. Kita terima kasih atas kesabaran dan tertib Dewan ini dapat dijaga kerana Tuan Yang di-Pertua. Cuma bila kalau seorang Ahli Parlimen sebutkan kalau kita berhimpun di luar ini akan menyebabkan kematian itu satu perkara yang sangat serius.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya harap Tuan Yang di-Pertua ambil pendirian yang tegas. [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Batu. Sudahlah Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bukan saya hendak...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu duduklah, sudahlah Yang Berhormat Batu. [*Dewan riuh*] Kadang-kadang yang menghairankan saya, apa yang berlaku di dalam Dewan sewaktu berbahas tidak berlaku waktu kamu minum di luar sana. Fasal apa? Ada siapa yang boleh jawab saya? Kenapa harus di dalam Dewan, kenapa tidak bincang luar sana. Kalau kamu bergelut di dalam sana pun tidak apa, saya tidak nampak. Tidak melibatkan peraturan mesyuarat. Buatlah di luar Dewan kerana kalau buat di luar ada polis.

Jadi jangan buat dalam Dewan. Apabila saya halau keluar, Ahli-ahli Yang Berhormat terus berhujah di luar sana kata Speaker emosi, Speaker yang tidak adil. Sejak bila saya tidak adil ini. Kalau mendengar ucapan macam Yang Berhormat Pandan, sejak bila?

Sudah, isu Yang Berhormat Kinabatangan dan isu daripada Yang Berhormat Ampang saya anggap selesai, kerana saya tahu punca yang sebenar. Jangan lagi timbulkan perkara begini, jangan lagi buat seperti yang dibuat oleh Yang Berhormat Kinabatangan dan seperti yang dibuat Yang Berhormat Ampang. Selesai di sini, tidak ada lagi perkara sebegini daripada Ahli Yang Berhormat yang lain. Sila Yang Berhormat Pandan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tarik semula perhatian Dewan kepada perbahasan saya. Juga untuk perhatian Yang Berhormat Kinabatangan juga isu ini pernah dibawa oleh Yang Berhormat Kinabatangan dahulu iaitu pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh Bank Pembangunan kepada Tan Sri Kenneth Eswaran.

Saya ingat tadi Yang Berhormat Shah Alam kalau ada celahan, tidak adalah langsung tidak ada celahan. Langsung tidak ada celahan. Baik saya tutup ini Tuan Yang di-Pertua sebab itu saya hargai kita bentangkan dan kita luluskan *insya-Allah* pindaan untuk mengetatkan lagi kuasa Bank Negara tetapi saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri ke atas beberapa perkara ini apabila digulung nanti.

Pertama, apakah tindakan yang telah dan bakal diambil terhadap pegawai-pegawai yang bertanggungjawab terlibat di dalam meluluskan pinjaman-pinjaman yang sekarang ini kita tahu bermasalah. Daripada pegawai di peringkat pengurusan sampailah kepada Menteri yang mengeluarkan surat yang memberikan arahan khusus yang bertentangan dengan tata kelola kewangan bank.

Soalan yang kedua adakah Bank Negara Malaysia akan mengambil tindakan terhadap ketiga-tiga pinjaman yang saya sebutkan tadi. Pinjaman pertama Bank Pembangunan kepada ABN milik Tan Sri Kenneth Eswaran. Kedua, Bank Rakyat kepada Deepak Jaikishan dan yang ketiga EXIM Bank kepada 1MDB.

Soalan saya ketiga yang saya mohon Yang Berhormat Pontian jawab ialah apakah Yang Berhormat Pontian akan memastikan bahawa pembiayaan RM250 juta lagi yang kini sedang dipohon oleh ABN milik Tan Sri Kenneth Eswaran ini tidak akan diluluskan oleh Bank Pembangunan bagi memastikan ia tidak menjadi bebanan kewangan yang akhir sekali akan ditanggung oleh rakyat.

Jadi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan dan Tuan Yang di-Pertua termasuklah juga dengan iklan sebentar tadi. Saya harap supaya saya dapat jawapan-jawapan yang jelas daripada Menteri selepas ini. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Rompin.

Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua: Ini pertama kali Yang Berhormat Rompin berhujah ya.

Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]: Tidak, sudah pernah berhujah.

Tuan Yang di-Pertua: Okey sila, sila.

Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya untuk sama-sama turut membahaskan pindaan Rang Undang-undang Institusi Kewangan Pembangunan dalam takrif akta ibunya iaitu Akta 618.

■1540

Tidak syak lagi Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengambil langkah-langkah yang lebih proaktif dalam menentukan instrumen kewangan yang berasaskan kepada institusi kewangan yang dikawal penuh oleh kerajaan bagi menentukan peranan masing-masing dalam membantu sektor-sektor dalam pembangunan negara iaitu sektor pertanian, sektor pembangunan, pembuatan dan sebagainya. Tidak dinafikan dalam sejarah penubuhan, institusi-institusi kewangan ini banyak memainkan peranan penting dalam membangunkan sektor-sektor tersebut.

Umpamanya pada akhir tahun 2014 jumlah pembiayaan terkumpul oleh institusi kewangan pembangunan ini meningkat kepada RM126.1 bilion. Manakala kredit pembangunan oleh Bank Rakyat dan BSN telah merekodkan peningkatan 5.9% kepada RM64.4 bilion. Manakala pinjaman kepada sektor-sektor pembinaan bertambah 43% kepada RM13.3 bilion pada akhir tahun 2014 terutamanya dimainkan peranan oleh Bank Pembangunan.

Di samping itu, juga dalam industri kecil pinjaman yang terkumpul yang diberikan oleh bank-bank ini berjumlah RM13.6 bilion. Kalau kita perhatikan dahulu bank-bank ini dikawal selia oleh kementerian-kementerian tertentu umpamanya Bank Pertanian hanya dikawal selia oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Bank Pembangunan dikawal selia oleh Kementerian Dalam Negeri. Akan tetapi dengan campur tangan serta proaktif kerajaan melibatkan Bank Negara dalam mengawal selia bank-bank ini kita berharap ia dapat diperketatkan lagi urusan niaga bank-bank tersebut.

Walau bagaimanapun, kita jangan lupa bahawa peranan yang dimainkan oleh bank-bank ini dalam membantu usahawan-usahawan kecil dan sederhana bagi meningkatkan ekonomi penduduk luar bandar khususnya. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kepada bank-bank ini juga, jangan lari daripada tanggungjawab asal penubuhan bank-bank ini untuk menolong serta membantu industri-industri kecil dan sederhana dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu enakmen penting yang diunjurkan oleh kerajaan ialah mengambil fasal 31 yang dimasukkan bahagian baru iaitu IIIA seksyen 33A hingga seksyen 33N yang membenarkan Institut Kewangan Pembangunan (IKP) menjalankan perniagaan dan aktiviti kewangan Islam mengikut syariah dan penubuhan Jawatankuasa Syariah sendiri untuk menasihati mengenai perniagaan atau aktiviti kewangan Islamnya. Pada hemat saya, ini adalah hala tuju yang berada dalam landasan yang betul kerana salah satu kepakaran dan juga kekuatan Malaysia

adalah sebagai pusat atau hab kewangan Islam antarabangsa. Inisiatif-inisiatif yang lebih banyak perlu ditubuhkan untuk mengukuhkan kekuatan Malaysia dalam organisasi penerbitan dan jual beli instrumen pasaran modal dan perbendaharaan Islam, pengurusan dana dan kekayaan Islam, pasaran perkhidmatan kewangan Islam seperti sukuk umpamanya serta aktiviti-aktiviti takaful dan takaful semula.

Terbitan sukuk global USD1.5 bilion yang dilancarkan oleh Perdana Menteri umpamanya telah memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa. Hakikatnya ialah sukuk global 2015 itu berjaya menarik minat pelabur dengan langganan melebihi USD9 bilion daripada jumlah keseluruhan pelabur. Ini jelas menunjukkan keyakinan pelabur antarabangsa terhadap Malaysia yang menggambarkan Malaysia sebagai peminjam yang amat dipercayai. Suka saya menambahkan fakta yang menunjukkan bahawa sukuk global yang bertempoh matang 10 tahun ini melebihi langganan tujuh kali dan sukuk bertempoh matang 30 tahun pula melebihi langganan hampir enam kali.

Sebelum itu pada 18 Mei 2015 Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri melancarkan sukuk pelaburan mampan dan bertanggungjawab mendominasi ringgit dikenali sebagai sukuk ringgit iaitu sukuk pelaburan di bawah Khazanah Nasional Berhad menerusi sebuah syarikat tajaan khas yang diperbadankan di Malaysia iaitu Ikhsan Sukuk Berhad. Sukuk SRI ini adalah program sukuk yang diluluskan di bawah rangka kerja sukuk pelaburan mampan dan bertanggungjawab kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Hasil pendapatan sukuk ini disalurkan kepada Yayasan AMIR iaitu sebuah pertubuhan bukan berasaskan kepada keuntungan bagi membolehkan yayasan tersebut menguruskan aliran tunai bagi pelaksanaan program sekolah amanah untuk sekolah-sekolah yang dikenal pasti pada tahun 2015. Ini adalah satu contoh instrumen kewangan Islam yang inovatif dan berdaya maju yang membantu mewujudkan kaedah pembiayaan sosial di pasaran masa depan.

Di samping itu juga kita berharap institusi kewangan pembangunan di Malaysia ini akan mengembangkan usaha-usahanya ke rantau Asia Tenggara. Oleh kerana adalah mudah untuk kita mengembangkan produk kewangan ini di rantau Asia Tenggara ini oleh kerana pada keseluruhannya di Asia Tenggara ini mazhabnya adalah sama dan tidak ada takrif lain bila kita melancarkan sukuk dan mempergiatkan lagi pasaran sukuk kewangan di rantau Asia.

Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah wujud konsep keusahawanan sosial yang telah dipraktikkan di banyak negara di dunia. Keusahawanan sosial adalah satu bentuk perniagaan yang berusaha menangani masalah sosial yang kronik. Menambahkan baik masyarakat, peluang hidup rakyat dan perlindungan alam sekitar dalam rangka model perniagaan untuk keuntungan. Dengan kata lain, mereka membuat laba daripada aktiviti menjual barangan atau perkhidmatan dalam pasaran terbuka tetapi mereka melabur semula keuntungan mereka kembali ke dalam perniagaan atau masyarakat tempatan.

Buat makluman Dewan yang mulia ini, keusahawanan sosial ini menjadi semakin penting di kebanyakan negara kerana ia memupuk dan mewujudkan ekosistem yang kondusif perkongsian sosial dan awam. Selain itu, ia penting kerana ia menjadi model aspirasi perniagaan dan badan

amal seluruh negara. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini juga telah melancarkan Pelan Tindakan Usahawan Sosial Malaysia dengan harapan untuk melahirkan sekurang-kurangnya 1,000 usahawan sosial dalam tempoh masa tiga tahun.

Saya ingin minta penjelasan mengenai peranan institusi kewangan pembangunan dalam keusahawanan sosial ini. Berapa banyak kah yang diperuntukkan oleh bank-bank tersebut dalam sektor ini? Apatah lagi apakah strategi Bank Negara Malaysia sebagai institusi yang mengawal selia aktiviti dan prestasi IKP dalam meningkatkan penglibatan institusi kewangan pembangunan dalam melahirkan usahawan-usahawan sosial seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Perlu diingat bahawa perusahaan sosial dianggap sebagai pemacu penting dalam pertumbuhan dan kestabilan sebuah ekonomi masa depan.

Saya meneliti Laporan Bank Negara tahun 2014 yang menunjukkan jumlah pembayaran institusi kewangan pembangunan yang rendah kepada pusat perniagaan jika dibandingkan dengan pembiayaan kepada isi rumah.

■1550

Pada tahun 2013 misalnya, pembiayaan kepada perusahaan perniagaan adalah berjumlah RM34 bilion yang mana RM1.3 bilion adalah kepada sektor perusahaan kecil dan sederhana jika dibandingkan dengan kepada pembiayaan sektor-sektor yang lain. Saya juga mohon memaklumkan mengenai *non-performing loan* yang kini dihadapi oleh AKP sama ada lebih daripada sektor perusahaan, perniagaan ataupun lebih kepada sektor isi rumah ada apakah strategi yang diguna pakai oleh IKP.

Tuan Yang di-Pertua, institusi kewangan pembangunan adalah institusi kewangan yang boleh membantu memacu ekonomi negara. Saya ingin dengan kemampuan IKP yang ada yang telah membantu sektor PKS seperti SME Bank dan Agrobank yang membantu sektor berkenaan. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan sama ada bercadang untuk mewujudkan satu institusi kewangan pembangunan yang khusus untuk membantu sektor pendidikan. Ini adalah kerana sektor pendidikan ini juga merupakan menjadi sumber kepada pendapatan negara dan membantu ekonomi negara.

Kita sudah ada PTPTN yang membantu ramai anak-anak kita melanjutkan pelajaran di pelbagai bidang. Ini adalah satu usaha program kerajaan yang amat baik kerana tahap pendidikan dan kemahiran rakyat kita dapat teruskan, dipertingkatkan dan ini akan membantu menarik pelabur-pelabur asing jika negara kita mempunyai ramai tenaga kerja pendidikan tinggi dan berkemahiran tinggi.

Namun kita juga harus berusaha untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan di rantau ini. Peranan ini boleh dimainkan oleh institut kewangan pembangunan yang khusus untuk membangun sektor pendidikan dan melonjakkan keupayaan kita menjadi hab pendidikan serantau, jika tidak menjadi hab pendidikan dunia. Pada pandangan saya, kita harus memikirkan secara serius bagaimana institusi kewangan pembangunan boleh digunakan untuk membangun sektor pendidikan selain daripada perindustrian, pertanian dan komersial.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja perkara-perkara yang saya ingin bangkitkan dalam perbahasan Rang Undang-undang Institusi Kewangan Pembangunan dan saya berharap mendapat penjelasan atas isu-isu yang saya bangkitkan. Dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila.

3.52 ptg.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahar rang undang-undang untuk meminda Akta Institusi Kewangan Pembangunan. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa pindaan ini yang terkandung dalam rang undang-undang ini sudah lama dikaji sejak September tahun lalu. Setelah membaca rang undang-undang ini, saya mendapati bahawa terdapat banyak pindaan yang baik dan penting bagi tujuan untuk menjadi kredibiliti syarikat-syarikat institusi kewangan pembangunan ataupun *development financial institution* (DFI).

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan peranan Bank Negara dalam memperluaskan pemantauannya ke atas syarikat-syarikat DFI di Malaysia. Dalam perbahasan ini Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh empat perkara. Pertama, adalah tentang skop syarikat-syarikat DFI di bawah akta ini. Saya dapati bahawa terdapat banyak lagi syarikat-syarikat DFI yang perlu diletak di bawah pemantauan Bank Negara. Kedua, saya akan menyentuh tentang isu pelantikan CEO syarikat-syarikat DFI. Ketiga, saya ingin menyentuh tentang isu senarai perlakuan perniagaan dilarang ataupun dengan izin *list of prohibited business conduct*. Keempat, saya ingin menyentuh tentang isu pelaksanaan sistem perbankan Islam kepada DFI.

Baiklah Tuan Yang di-Pertua. Saya mulakan perbahasan saya dengan isu pertama iaitu skop akta ini. Institusi-institusi DFI mempunyai peranan yang penting dalam pembangunan negara kita ini. Tidak diragui. Secara ringkas institusi kewangan pembangunan merupakan sebuah institusi kewangan ataupun bank yang memberi pinjaman yang berfokus kepada pembinaan industri-industri strategik. Bank-bank tersebut termasuk Bank Pembangunan, Bank SME, EXIM Bank, Bank Rakyat, Bank Simpanan Nasional dan Agrobank. Semua ini adalah bank-bank strategik. Apabila saya dengar perkataan strategik, saya selalu teringat kepada apa yang dikatakan oleh CEO 1MDB bahawa kononnya syarikat 1MDB ini berfungsi strategik. Apakah strategi 1MDB melabur di Mongolia, menjadi pemaju tanah yang besar sekali dan membeli jana kuasa yang buruk?

Bagi DFI, bila kita cakap strategi, memang kita bermakna strategi. Strategi bagi Agrobank ialah memberi pinjaman kepada industri pertanian. Strategi EXIM Bank memberi pinjaman kepada import dan eksport dan ini merupakan strategi yang baik. Begitu juga dengan Bank SME yang memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat perusahaan dengan izin *small and medium enterprises*. Jadi saya mintalah CEO 1MDB iaitu Arul Kanda cuba belajar sedikit daripada CEO-CEO institusi DFI ini sebab sepatutnya Parlimen ataupun Menteri kerana *recommend* kepada Arul Kanda untuk jumpa CEO-CEO DFI dan tanya apakah maknanya sebenarnya strategi.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itulah sahajalah saya hendak cakap sedikit tentang 1MDB seperti mantan Perdana Menteri, Dr. Mahathir, banyak kita yang di Dewan ini, kalau tidak komen tentang 1MDB, maaf ya kita rasa tidak betullah untuk hari itu. Jadi isu pertama Tuan Yang di-Pertua ialah saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri mengapakah rang undang-undang ini tidak merangkumi syarikat-syarikat DFI yang lain. Syarikat tersebut adalah Malaysian Industrial Development Finance bukan DFI, bukan di bawah pemantauan Bank Negara, Lembaga Tabung Haji bukan, syarikat Development Bank Berhad bukan, Credit Guarantee Corporation bukan, Sabah Credit Corporation bukan, Borneo Development untuk Sabah bukan, Borneo Development Sarawak, MBSB, TEKUN Nasional, Amanah Ikhtiar Malaysia, Majlis Amanah Rakyat, Perbadanan Usahawan Negara Nasional Berhad, semua bukan. Walaupun dianggap sebagai satu *development financial institution* tetapi tidak di bawah pemantauan akta ini ataupun di bawah pemantauan Bank Negara.

Sekiranya kira masuk semua syarikat DFI tersebut dalam rang undang-undang ini, ini akan menjadikan akta ibu ini lebih baik pada pendapat saya. Oleh itu saya minta Menteri memberi penjelasan sama ada dia bersetuju atau tidak sama ada syarikat-syarikat DFI yang lain patut dimasukkan ke dalam senarai DFI yang berada di dalam bidang kuasa akta ibu ini terutamanya kenapakah TEKUN, Tabung Haji, MBSB tidak dimasukkan senarai DFI akta ini sebab mereka adalah institut yang besar sekali.

Tabung Haji, TEKUN dan juga MBSB. Adakah ia dikecualikan oleh kerana saiz modal institusi tersebut? Adakah ia atas sebab institusi tersebut berada dalam pemerintahan kementerian yang lain daripada Kementerian Kewangan? Pokoknya dalam pindaan ini, semua DFI sepatutnya diletakkan di bawah pemantauan Bank Negara. Jadi saya hendak mintalah apakah pandangan Yang Berhormat Menteri dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin timbulkan ialah tentang pelantikan CEO ataupun pengarah kepada syarikat DFI. Saya ingin merujuk secara ringkas Fasal 7 dan Fasal 10 rang undang-undang ini di mana fasal 7 adalah mengenai pelantikan CEO dan Fasal 10 adalah mengenai pemecatan CEO. Peranan Menteri dalam kedua-dua proses ini diberi kepentingan. Yang ini hairan sekali Tuan Yang di-Pertua sebab pemantauan aktiviti-aktiviti bank DFI diletak di bawah Bank Negara tetapi apabila seseorang CEO dilantik ataupun dipecat, tiba-tiba Menteri Kewangan diberi kuasa pula dan kuasa ini kuasa mutlak. Mengikut pindaan ini, apabila CEO dilantik, kelulusan bertulis, *written authority*, *written approval* daripada Menteri Kewangan diperlukan terlebih dahulu. Apabila CEO dipecat, persetujuan Menteri diwajibkan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, bukankah pemecatan seseorang CEO perlu dilakukan apabila terdapat salah laku ataupun dengan izin *poor or non performance of fiduciary duties*. Kenapa pula termasuk campur tangan Yang Amat Berhormat Pekan diperlukan? Oleh itu saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, mengapakah pelantikan dan pemecatan CEO diberi kuasa kepada Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Pekan. Pada pendapat saya, ini adalah satu *unnecessary requirement* dengan izin, yang hanya akan memperluaskan kuasa Menteri dan boleh menimbulkan *conflict of interest* di mana Yang Amat Berhormat Pekan, kalau dia hendak, dia boleh

memberi jawatan yang tinggi kepada rakan-rakannya ataupun kawan-kawannya. Sepatutnya pelantikan CEO diberi kuasa kepada Pengarah lembaga. *It's standard*. Menteri yang buat pelantikan, tidak patut. Sepatutnya kalau ada *Board of Directors*, dia yang pilih CEO. Oleh itu saya minta Menteri menjelaskan rasional sebenarnya di bawah pindaan ini.

Dari sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung sedikit perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pandan tadi mengenai ABNxcess. Tuan Yang di-Pertua, pada 7 April 2015 baru-baru ini, laporan *The Edge* menimbulkan satu isu skandal kewangan yang besar sekali melibatkan Bank Pembangunan dan juga melibatkan syarikat ABNxcess.

■1600

Tadi Yang Berhormat Pandan telah banyak panjang lebar menceritakan tentang isu pinjaman RM450 juta yang diberi kepada Tan Sri Kenneth Eswaran pada tahun 2013. Setahu saya, satu isu yang penting Tuan Yang di-Pertua ialah pinjaman itu menjadi isu besar sebab jumlah wang yang diberi sampai kepada *limit* ataupun *siling*, *the maximum ceiling* of Bank Pembangunan. Pada masa itu, syarikat ABNxcess tidak ada apa-apa *track record* langsung untuk memulakan satu stesen kabel TV yang baru. Jadi, semua orang tahu ini adalah satu pinjaman yang mempunyai risiko yang besar sekali.

Pada masa itu banyak orang minta penjelasan daripada Bank Negara tetapi jawapan itu nampaknya lebih *something to hide*. Sekarang selepas dua tahun, pada tahun 2015 seperti apa yang diceritakan oleh Yang Berhormat Pandan, wang sudah banyak diguna, ABNxcess nampaknya dekat hendak tenggelam. Pekerja ABNxcess Yang Berhormat Pandan, menunjukkan bahawa tidak dibayar gaji dia, bukan sahaja itu, saya hendak tambah sedikit. Bukan sahaja gaji tidak bayar, EPF pun tidak bayar.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak bayar EPF, lembaga syarikat itu, Kenneth Eswaran itu patutnya boleh dimasukkan dalam penjara. Jadi, soalan saya, apakah terjadi kepada pinjaman itu? Tuan Yang di-Pertua, siapakah Kenneth Eswaran? Kita kalau baca cerita-cerita, kita tahulah apa jawabannya. Akan tetapi kita tengok dalam *Facebook* Kenneth Eswaran sendiri terdapat banyak sekali gambar dia bersama dengan Yang Berhormat Pekan dan juga *the First Lady of Malaysia*, Rosmah.

Tidak boleh dipertikaikan lagi melalui *Facebook* Kenneth Eswaran sendiri bahawa Yang Berhormat Pekan dan dia adalah kawan baik. Apa pula orang kata Kenneth Eswaran itu bukan sahaja seorang peniaga tetapi dia pun berilmu *possibly* sebagai seorang guru "G". Tuan Yang di-Pertua, soalan yang perlu dijawab di Parlimen adalah senang. Adakah sama ada apa-apa, dengan izin, *undue influence* dalam pinjaman RM450 juta ini yang sekarang nampaknya memang tidak terbayar.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih pada isu ketiga sekarang. Di sini saya berasa amat gembira untuk membaca senarai perlakuan peniagaan dilarang ataupun *list of prohibited business conduct*. Saya ingin ucap tahniah kepada Bank Negara kerana memasukkan pindaan ini. Di antara perlakuan yang dilarang ataupun perlakuan yang cuba mengelirukan atau memperdaya, perlakuan yang mendorong pengguna kewangan untuk melakukan perkara yang tidak jujur dan

palsu, perlakuan yang menggunakan tekanan yang tidak wajar ataupun, dengan izin, *undue influence*, semua ini dilarang. Perlakuan untuk menutup rasuah juga dilarang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tadi Tuan Yang di-Pertua, sebelum Tuan Yang di-Pertua masuk, saya sudah beritahu Tuan Yang di-Pertua, saya berjanji tidak akan komen lagi tentang 1MDB. Akan tetapi selepas membaca senarai ini saya hendak buat *recommendation* satu lagi pada 1MDB. Alangkah baiknya kalau senarai perlakuan yang dilarang ini, *prohibited activities* di dalam pindaan ini juga diberi satu salinan kepada 1MDB dan minta 1MDB masukkan dalam SOP dia. Mungkin Menteri boleh bawa cadangan ini.

Saya juga hendak beri sedikit nasihat kepada Bank Negara sebab ini akta *involving* Bank Negara iaitu untuk terus memperbaiki imej mereka. Mereka memang ada imej yang baik dan pindaan ini akan menambah imej dia. Akan tetapi saya hendak minta nasihat mereka untuk memperbaiki lagi ialah untuk menarik balik kes mereka terhadap kawan saya, Yang Berhormat Pandan. Sekiranya mereka benar-benar percaya kepada kepentingan menjaga kewibawaan sistem kewangan di negara Malaysia. Dimanakah keadilan apabila seorang Ahli Parlimen dicaj kerana memberi kebenaran dan memberi maklumat untuk memastikan kes-kes seperti NFC tidak timbul dan tidak berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir saya iaitu isu keempat yang saya ingin bahaskan ialah tentang sistem perbankan Islam. Selepas membaca beberapa jurnal akademik, khasnya yang ditulis oleh tiga orang akademik yang masyhur iaitu *Beck, Demircuc-Kunt dan Merrouche*. Mereka adalah pakar akademik memerhati isu *Islamic banking*. Saya mendapati daripada jurnal mereka bahawa sistem perbankan Islam sememangnya beroperasi dengan kos yang lebih tinggi dan memperoleh pula pendapatan kurang berbanding dengan sistem perbankan konvensional. Ini kerana sistem perbankan Islam melarang mengutip faedah.

Satu-satu caranya untuk memperoleh pendapatan adalah melalui pengutipan bayaran ataupun caj yang tinggi untuk *service* dan produk mereka. Oleh itu, pelanggan perbankan Islam terpaksa membuat bayaran terdahulu yang tinggi berbanding dengan perbankan konvensional. Sebelum pelanggan dapat apa-apa *service*, dia punya fi yang tinggi sudah dibayar, dengan izin, *Islamic banking charges a lot more upfront fees than conventional banking*.

Sistem ini merupakan satu kebimbangan kerana pada pendapat saya ia memberi insentif kepada bank-bank untuk meluluskan permohonan yang kurang kukuh dan juga mengambil risiko yang tidak perlu semata-mata untuk meningkatkan untung semasa dia. Dengan izin, kalau bolehlah sebab perkara *banking* ini teknikal sedikit, saya hendak guna bahasa Inggeris lebih. Dengan izin, *there is a great incentive for bankers to approve Islamic loans for immediate upfront gains taking on unnecessary risk*.

Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Rompin.

Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]: Yang Berhormat Kelana Jaya mengambil dari satu aspek sahaja daripada perbankan Islam. Kita harus melihat secara keseluruhan sistem perbankan Islam. Kalau kita melihat dari segi *strict* aspek sahaja, maka ia kelihatan seperti satu sistem yang tidak baik. Akan tetapi dari segi aspek-aspek lain, *interest rate* yang rendah, mudharabah dan beberapa aspek lain, pada keseluruhan saya menjangkakan *Islamic banking system* sebagai satu alternatif yang lebih adil kepada peminjam dan kepada bank. *Islamic* prinsip ialah prinsip yang lebih adil kepada peminjam.

Maaf, forum ini kita boleh buat dalam masa yang lain oleh kerana ia adalah satu forum yang masa yang singkat. Akan tetapi kalau Yang Berhormat melihat satu aspek sahaja nampaknya begitu. Akan tetapi kita harus melihat keseluruhan sistem perbankan Islam. Sistem perbankan Islam adalah sistem yang dilihat sebagai alternatif yang lebih baik dalam menghadapi ekonomi yang merudum umpamanya, adalah lebih baik.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih kawan baik saya Yang Berhormat Rompin. Saya tahu Yang Berhormat Rompin ini adalah seorang *economist* dan memang saya gembiralah tiap-tiap pagi boleh berbincang dengan dia isu-isu semasa. Pertama Yang Berhormat Rompin, dalam sistem *Islamic banking* memang tidak ada *interest*lah. Jadi, isu *interest* tidak terpakai. Apa yang saya hendak katakan bukan memaki ataupun merendahkan isu *Islamic banking*. *Islamic banking* memang ada baiknya tetapi apa yang kita tahu ialah *upfront payment* adalah tinggi berbanding *conventional banking*.

Bila kita kaji dengan keseluruhannya, isunya Tuan Yang di-Pertua ialah zaman perbankan moden ini tidak serupa dengan zaman lalu. Zaman lalu, kalau kita kata kita seorang *banker* iaitu adalah satu *boring job* ataupun satu konservatif, kerja yang konservatif. Seorang *banker* zaman dahulu, zaman 50-an, 60-an, 70-an, 80-an, memang dia tidak risiko. Akan tetapi zaman moden ini sejak tahun 1990-an dengan *hyper capitalism* yang kita ada pada hari ini, setiap *banker* mengambil risiko yang tinggi.

Mereka ambil risiko tinggi sebab hidup mereka, mati mereka itu mengejar bonus. Bonus ini dibayar setiap akhir tahun. Demi mengejar bonus, maka *banker* mengambil lebih risiko untuk mencapai *loan target* dia. Jadi Tuan Yang di-Pertua, bila kita ada sistem dan saya bukan hendak kritik tentang *Islamic banking*. Kita dalam perbincangan tentang isu DFI. Patutkah DFI ada *Islamic banking* atau tidak. *Islamic bank, they run Islamic banking system*. Dalam sistem perbankan Islam yang mengikut jurnal-jurnal akademik. Ini bukan saya punya *opinion*, mengambil *upfront fee* yang besar, ini memang disukai oleh *banker-banker* moden.

Every banker, dengan izin, they want to make upfront fee, big upfront fee. They take a lot of risks. Jadi, isunya ialah bukan satu kritik tentang Bank Islam ataupun *Islamic banking*. Kritiknya, bolehkah kita bagi kepada DFI? DFI bank yang sepatutnya buat kerja strategik ataupun *boring banking*. Bolehkah kita bagi cawangan *Islamic banking* kepada mereka? Di mana *upfront fee* boleh dikejar sebanyak mereka. Kita sudah dengar daripada Yang Berhormat Pandan tadi tiga isu EXIM Bank, Bank Pembangunan. *All these are problems*, jadi saya takut.

Jadi bagi saya, yang paling adil pada Dewan ini ialah sama ada faedah sistem perbankan Islam ini terpakai untuk DFI, sebaiknya Menteri buat satu *cost benefit study* tunjukkan kepada kita semua. Kita boleh bahas dan luluskan pindaan ini, *no issue*. Akan tetapi selepas itu, *whether we want to roll it out or not to enable the banks to practice Islamic Banking in the DFI Institution*. Ini kerana kalau boleh, buat satu *cost benefit study* dan kita boleh kaji. Itu sahaja cadangan saya, bukan sebagai kritik *Islamic banking*.

Saya tahu negara kita adalah *pioneer Islamic banking*. Untuk *Islamic Bank*, bagus, sebab dia menjana ekonomi negara kita. Akan tetapi untuk DFI membuka satu cawangan *Islamic banking* di mana operasi besar di mana *modern bankers* mengambil risiko yang banyak seperti apa yang telah berlaku, Deepak punya *loan*, Kenneth Eswaran punya *loan*, saya rasa *we have to be a bit more careful*. Itu sahaja.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja perbahasaan saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tuaran.

4.11 ptg.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut berbahas rang undang-undang meminda Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.

Antara justifikasi pindaan-pindaan yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah untuk mempertingkatkan lagi akses terhadap kredit selain daripada memperkukuhkan lagi urus tadbir korporat institusi kewangan khususnya Institusi Kewangan Pembangunan. Satu lagi, memberi fleksibiliti kepada urus tadbir institusi kewangan oleh Bank Negara.

Dalam perbahasaan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menumpukan perbahasaan terhadap soal akses kepada kredit. Institusi kewangan yang terlibat yang telah disebut dalam pindaan ini, saya tidak menyentuh satu persatu dalam hal ini tetapi saya ingin melihat akses terhadap kredit dalam konteks di mana kita hanya mempunyai lima tahun lagi untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi. Pada ketika di mana bilangan apa yang dikatakan 40% masih lagi begitu tinggi khususnya di wilayah-wilayah yang kurang maju seperti Sabah dan Sarawak.

Dalam hal ini apabila kita melihat institusi kewangan yang terlibat dalam pemberian kredit ini memang selama ini telah banyak memainkan peranan dan memberi banyak manfaat terhadap peminjam terutama sekali Agrobank. Dalam hal ini, akses kepada kredit, saya ingin melihat kepada *fund* ataupun dana-dana kerajaan yang disalurkan melalui Agrobank pada satu ketika dahulu iaitu *Fund for Food* sebagai contoh. Apabila diperkenalkan, kadang-kadang dalam bajet tahunan lebih kurang setengah bilion, RM500 juta dan sebagainya.

Biasanya bila diperkenalkan dalam bajet itu, tempat-tempat seperti Sabah dan Sarawak setelah diperkenalkan kita cuba memohon dan sebagainya, *fund* itu sudah habis. Saya tidak tahu bagaimana dalam keadaan di mana urus tadbir bank-bank ini seperti Agrobank ini akan dikawal selia oleh Bank Negara walaupun ada fleksibiliti? Apakah kedudukan dana-dana sedemikian rupa?

Fund to Food satu dana yang begitu penting untuk bukan sahaja mempertingkatkan lagi kemampuan negara kita mengeluarkan makanan, tetapi dia berkemampuan untuk memberi pinjaman kepada pengusaha-pengusaha khususnya dalam pengeluaran makanan.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya soal pemberian dana ini, pinjaman dana ini yang berbentuk geran sebenarnya, kalau boleh, oleh kerana ada fleksibiliti ini, saya ingin mencadangkan supaya geran ini dikhususkan kepada kumpulan-kumpulan sasaran tertentu. Antara kumpulan-kumpulan sasaran tertentu yang berdaya maju ialah koperasi-koperasi yang terlibat secara langsung dalam hal-hal pengeluaran makanan, sebagai contoh.

Pada ketika ini, memang ada sumber-sumber lain untuk pinjaman untuk koperasi tetapi kalau kita melihat pengalaman di beberapa buah negara yang sudah jauh maju seperti Australia dan sebagainya, yang dapat mengeluarkan padi dengan produktiviti yang begitu tinggi sampai 10,000 metrik tan per hektar pengeluaran dan sebagainya kerana peningkatan teknologi dan sebagainya, akibat daripada pemberian dana oleh kerajaan melalui institusi-institusi yang berkenaan. Saya ingin mencadangkan supaya sasaran ini kita tumpukan kepada sasaran-sasaran tertentu dan antaranya yang penting bagi saya ialah golongan koperasi.

Satu lagi hal Tuan Yang di-Pertua, dalam soal akses kepada kredit ini ialah mereka-mereka yang selama ini telah mendapat pinjaman melalui mikro kredit yang diperkenalkan melalui Amanah Ikhtiar Malaysia ataupun Yayasan Usaha Maju di negeri Sabah yang telah dilaksanakan dengan konsep *Grameen Bank* dari Bangladesh. Kita bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan kerana hasil daripada Amanah Ikhtiar Malaysia, daripada Yayasan Usaha Maju yang diperkenalkan oleh negeri Sabah, beribu-ribu rakyat khususnya wanita telah mendapat manfaat. Di kawasan saya di Tuaran sahaja, peminjam Amanah Ikhtiar Malaysia kita mempunyai 3,000 lebih dan peminjam daripada Yayasan Usaha Maju adalah 1,500 dan sudah ada yang mampu meminjam sampai RM100,000 pada ketika ini. Pembayaran balik juga begitu tinggi sampai 98%.

Saya ingin mencadangkan dengan pengalaman pelaksanaan Amanah Ikhtiar yang berfokuskan pada wanita ini dan oleh kerana sudah ramai yang sudah *graduate* yang boleh sebenarnya dipertingkatkan, dipupuk, dilatih, dibimbing untuk memperkembangkan lagi perniagaan dan perusahaan mereka, saya ingin mencadangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri, supaya kerajaan pertimbangkan untuk menubuhkan bank wanita untuk mereka ini sebab mereka ini yang sudah mampu meminjam lebih RM100,000 ke atas ini boleh dipertingkatkan lagi. Ini kerana kalau kita lihat hasrat kerajaan untuk memajukan lagi pengusaha-pengusaha khususnya di luar bandar, mempertingkatkan lagi pendapatan mereka dan sebagainya, saya fikir ini sesuatu yang wajar.

Sudah sekian lama dilaksanakan Amanah Ikhtiar, saya amat berpuas hati sejak dari mula diperkenalkan. Saya terlibat dalam kajian pada sekitar tahun 1986 di negeri Sabah memperkenalkan Amanah Ikhtiar ini, konsep *Grameen Bank* ini. Sejak daripada itu saya nampak dengan bermula dengan hanya lebih kurang RM20 juta pada ketika itu, pada hari ini saya difahamkan Amanah Ikhtiar di negeri Sabah sudah diberi dana lebih kurang RM300 juta. RM300 juta walaupun tidak banyak Tuan Yang di-Pertua, tetapi kesannya begitu besar.

Saya ingin mencadangkan dan meminta pihak-pihak kerajaan supaya ditambah dana ini untuk negeri Sabah. Kenapa tidak sampai RM500 juta sebagai contoh? Ini kerana kesannya begitu baik. Seperti mana yang saya katakan tadi, ratusan ribu di Sabah.

Kalau ada yang mengatakan terutama sekali pihak pembangkang mengatakan kerajaan tidak berbuat apa-apa untuk membasmi kemiskinan, sebenarnya itu tidak betul. Jelas melalui Amanah Ikhtiar Malaysia, beribu-ribu yang telah mendapat peluang dan ibu-ibu, pihak wanita yang terlibat telah banyak memberi sumbangan kepada keluarga mereka khususnya pendidikan anak-anak. Oleh sebab itu saya ingin mencadangkan sekali lagi supaya diwujudkan bank wanita ini khususnya mereka yang sudah *graduate* daripada Amanah Ikhtiar Malaysia. Suatu perkara yang saya fikir berdaya maju dan wajar ditubuhkan.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi sasaran peminjam yang perlu kita lihat adalah golongan mereka yang selama ini telah meminjam daripada TEKUN. Di kawasan saya di Tuaran memang ada juga golongan yang tidak dapat tidak begitu berdaya maju, tidak membayar pinjaman mereka dan sebagainya, tetapi sudah banyak yang berdaya maju. Di manakah letaknya golongan ini yang mendapat pinjaman melalui TEKUN yang tidak begitu *not so stringent* daripada segi pengeluaran pinjaman berbanding dengan institusi kewangan yang sedia ada.

Apakah nanti dalam soal fleksibiliti yang dikatakan ini pinjaman-pinjaman seperti TEKUN ini dapat disalurkan ataupun bank Agrobank sebagai contoh boleh memberi pinjaman. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, dana yang diberikan melalui TEKUN ini sebenarnya terhad dan sedangkan yang meminta ini ramai. Dari segi menyediakan pelbagai keperluan yang diminta oleh pihak bank, mereka belum lagi sampai ke tahap itu.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir yang saya ingin sebut dalam perbahasan ini ialah dalam soal koperasi-koperasi yang sudah terlibat dalam mengambil deposit dan terlibat dalam pemberian kredit. Saya telah melawat sebuah koperasi di Kampung Pulau Rusa di Kuala Terengganu, namanya Koperasi Adik Kakak (KODIKA). Saya difahamkan setelah mendapat taklimat dan sebagainya dari segi prestasi pungutan, bayaran balik dan pemberian kredit, ia jauh lebih baik daripada Bank Rakyat.

Mereka mempunyai seribu lebih ahli dan dengan modal terkumpul lebih RM10 juta dan sudah memberi pinjaman kepada lebih RM30 juta, termasuk juga perumahan kepada ahli-ahli dan saya nampak kesannya begitu baik. Anak-anak mereka tidak perlu lagi meminjam daripada PTPTN untuk pendidikan dan sebagainya, mereka boleh meminjam di situ. Begitu juga dengan perumahan dan sebagainya.

Bagaimanakah dalam soal institusi kewangan ini, kita melihat ataupun kerajaan melihat usaha-usaha rakyat seperti ini dapat diberi bantuan, diberi galakan dan sebagainya khususnya badan-badan koperasi. Saya nampak banyak potensi. Kawan-kawan dari Kuala Terengganu, saya telah membawa mereka ke Sabah dan kita buat perkongsian idea, bertukar-tukar pandangan dan pendapat dan memang ramai yang berminat. Ramai yang berminat, koperasi-koperasi yang

berminat tetapi persoalannya di sini ialah bagaimanakah kerajaan juga boleh membantu dalam hal ini sebab semuanya ini adalah usaha untuk mempertingkatkan lagi akses terhadap kredit.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata sedemikian, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Kangsar. Selepas Yang Berhormat Kuala Kangsar, Menteri boleh jawab ya.

4.23 ptg.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya sedikit ruang untuk saya menyentuh tentang RUU Akta IPK ini. Saya melihat bahawa ini adalah merupakan satu pendekatan yang strategik yang mana pada dasarnya, pada polisinya, pada objektif misi dan visinya cukup lengkap. Namun jika kita melihat secara mikro ataupun secara sektorial yang lebih mendalam, langkah-langkah strategik ini sebenarnya tidak disambut ataupun pihak bank-bank sendiri tidak mengambil satu tindakan yang strategik.

Saya melihat kepada satu sektor contoh yang khususnya tentang pembangunan mikro ataupun mini IPP yang melibatkan usaha-usaha inovatif dalam *renewable energy*, dalam hidro solar dan juga geoterma yang ada di Malaysia ini dan kemungkinan pada masa yang akan datang melibatkan tenaga angin, tenaga *tidal wave* ataupun ombak dan sebagainya. Saya melihat bahawa perkara-perkara baru ini, pihak bank begitu lembap dan juga tidak responsif kerana risau tentang risiko yang bakal dihadapi. Mungkin juga kerana tiada kefahaman dalam bidang itu sendiri ataupun tidak mahu memahami secara *detail* ataupun ingin melihat atau menunggu kepada contoh-contoh kejayaan ataupun contoh-contoh kegagalan. Akan tetapi macam mana kita nak melihat contoh kegagalan dan kejayaan kerana ini adalah bidang-bidang baru.

Jadi saya mohon pihak bank dan juga pakar-pakar yang terlibat dalam satu bidang ini dapat melihat secara lebih luas untuk memahami sesuatu industri itu seperti mana contoh yang telah saya sebutkan dan juga melihat kepada kejayaan di luar negara ataupun kegagalan, tidak hanya bergantung kepada *risk management* yang menyatakan ini satu perkara baru maka tidak ada usaha baru untuk pihak bank memberi satu tindakan strategik membantu pelabur-pelabur ataupun pengusaha-pengusaha dalam bidang ini. Malahan kita lihat banyak pengusaha dalam bidang ini sepatutnya mendapat bantuan daripada bank ini akhirnya pergi ke komersial bank untuk mendapatkan pembiayaan.

Jadi, saya mohon sangatlah pihak-pihak bank boleh mengambil tindakan yang lebih strategik untuk membantu kerajaan khususnya dalam sektor ini dan kepada sektor lain. Jadi mohon sangat pihak bank mendapat satu pendekatan yang benar-benar dapat mengambil kefahaman tentang sektor-sektor ataupun sektor-sektor yang khusus seperti mana yang telah saya sebutkan tadi. Terima kasih dan dengan ini saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

4.26 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar, dari Tuaran, dari Kelana Jaya, dari Rompin, dari Pandan yang telah mengambil bahagian dengan celahan-celahan dari Yang Berhormat Sungai Petani antaranya. Segala apa yang diberikan cadangan-cadangan baik oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu kita akan ambil tindakan yang sewajarnya.

Pertama, saya ingin memaklumkan di sini bahawa antara kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh IKP melalui dasar-dasar kerajaan yang kukuh serta pengawalseliaan yang berkesan. Sebagaimana yang ada disebut oleh Yang Berhormat Rompin misalnya, pencapaian yang lebih baik dalam menjalankan mandat contoh pada tahun 2002, pertumbuhan pembiayaan daripada RM25.2 bilion meningkat pada tahun 2014 kepada RM128.5 bilion. Purata pertumbuhan kumulatif adalah 7%, kemudian satu lagi kejayaan yang dicapai oleh institusi kewangan pembangunan ialah penggemblengan simpanan yang lebih tinggi. Pada tahun 2002 contohnya RM24.2 bilion dan meningkat kepada RM103.2 bilion pada tahun 2014 dan pertumbuhan kumulatif 5.9% dibandingkan dengan bank komersial 4.9%.

Kemudian, modal perniagaan juga semakin mampan dengan kemajuan menjana dana daripada pasaran dan pengurangan kebergantungan pada dana kerajaan. Kemudian dari segi memberikan pusat akses yang lebih banyak untuk perkhidmatan perbankan ini juga adalah merupakan satu kejayaan oleh IKP. Jumlah terkini bilangan cawangan di seluruh Malaysia untuk enam bank yang kita bincangkan pada hari ini iaitu 796 semuanya tidak termasuk agen bank.

Ejen bank bagi Bank Simpanan Nasional sahaja berjumlah 5,753 buah agen bank dan ini telah memberikan suatu perkara yang amat baik kepada rakyat yang mana hampir lebih daripada 90% mukim-mukim dalam negara Malaysia sudah mempunyai agen bank yang ingin memudahkan rakyat untuk membuat simpanan dan juga mengambil sikit sebanyak faedah daripada bank.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sambung kemudian.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Banyak lagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Usul 18(1), Yang Berhormat.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Okey, baik.

■1630

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)

PERJANJIAN PENSTRUKTURAN AIR DAN PROJEK LOJI
RAWATAN AIR LANGAT 2

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang masa telah pun pukul 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah dibuat pagi tadi satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan dibahaskan pada petang ini. Saya sekarang memulakan pembahasan usul itu. Pihak pencadang akan diberi masa 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat Tanjong Karang sila mulakan. Yang Berhormat untuk uruskan masa, saya difahamkan Yang Berhormat sudi untuk memberi sedikit ruang kepada pihak pembangkang untuk berucap, tujuh hingga lapan minit. Pihak pencadang ada tiga orang hendak berucap, maknanya lebih kurang tujuh minit seorang ya Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

4.31 ptg.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, saya cuba ringkaskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya membahaskan perkara isu air iaitu langkah-langkah yang sepatutnya Kerajaan Persekutuan ambil untuk menyegerakan perjanjian penstrukturan air dan juga projek Loji Rawatan Air Langat 2 ataupun saya panggil Loji Langat 2. Kita sedia maklum bahawa waktu Barisan Nasional memerintah negeri Selangor kita dah nampak masalah air di negeri Selangor. Tahun 2014 pada masa itu kita dah nampak akan berlaku krisis air sebab itu waktu Barisan Nasional memerintah negeri Selangor, kita bersetuju untuk membuat perjanjian dengan negeri Pahang. Kita sanggup buat perjanjian dengan negeri Pahang, nak beli air dari Negeri Pahang dan membuat terowong untuk membawa air dari Pahang kerana bekalan air dari Selangor tidak mencukupi.

Kalau tidak silap kosnya dekat RM2 bilion yang telah pun diperuntukkan tetapi malangnya apabila Barisan Nasional kalah di negeri Selangor, kerajaan Pakatan Rakyat yang memerintah maka kerajaan Pakatan Rakyat tidak bersetuju dengan projek Langat 2. Pelbagai alasan diberi, kata di Selangor banyak air sungai, banyak air Sungai Klang banyak, nak buat sistem HORAS dan sebagainya. Akan tetap *alhamdulillah*, akhirnya mantan Menteri Besar Selangor iaitu Ahli Parlimen Bandar Tun Razak diberikan hidayah oleh Allah SWT dan terbuka mindanya untuk membuat perjanjian atau MoU dengan Kerajaan Persekutuan kerana kita dah nampak bahawa masalah air di negeri Selangor dan juga di Wilayah Persekutuan ini tidak boleh dipolitikkan kerana air ini isu amat penting. Bukan sahaja keperluan kepada rakyat jelata yang kita lihat apabila catuan air berlaku ibu, orang tua, orang OKU, orang sakit yang duduk di rumah *flat* terpaksa bawa baldi, naik atas baldi itu. Daripada segi rakyat yang menderita. Begitu juga kawasan-kawasan lain.

Bab air ini Tuan Yang di-Pertua, biar tak ada api jangan tak ada air, bila tak ada air jadi macam-macam, tandas kotor, penyakit boleh timbul dan pelbagai lagi yang kita sedia maklum. Oleh sebab itu, kita kata air ini jangan dipolitikkan dan akhirnya, saya sebagai orang Selangor ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Bandar Tun Razak kerana bersetuju membuat perjanjian atau MoU dengan Kerajaan Persekutuan tetapi malangnya MoU ditandatangani dan kalau saya dengarkan isu politik, salah satu sebab Yang Berhormat Bandar Tun Razak disingkirkan daripada Menteri Besar ialah kerana isu air.

Apa salah Yang Berhormat Bandar Tun Razak membuat perjanjian dengan Kerajaan Negeri Persekutuan untuk kepentingan rakyat bukan kerana kepentingan politik. Saya masih ingat lagi bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh ada berbahas dengan saya dalam Dewan ini. Beliau pun mengakui bahawa beliau tidak bersetuju dengan Loji Langat 2 dengan persepsi kononnya kalau dibuat loji Langat 2 ini kroni-kroni Barisan Nasional, kroni-kroni UMNO yang akan dapat projek. Jadi akhirnya rakyat yang menjadi mangsa.

Apabila mantan Menteri Besar dipecat menjadi Menteri Besar tukar Menteri Besar baru dari Gombak. Kita terkejut apabila Menteri Besar baru dari Gombak turut membuat kenyataan perjanjian air ini akan dibatalkan sedangkan kita tahu di negeri Selangor bukan sahaja rakyat yang menderita. Daripada segi peluang-peluang pekerjaan di negeri Selangor pun merudum. Tahun 2008 Selangor menyediakan peruntukkan peluang pekerjaan 30,877 sekarang ini tahun 2014 hanya tinggal 15,000, sebanyak 50% hilang peluang-peluang pekerjaan ini. Begitu juga dengan pelabur-pelabur asing merudum 2008 dari 9 bilion tahun 2014 tinggal 3.2 bilion sahaja. Hari ini diberitahu oleh pihak kementerian ada lebih 536 projek kalau tak silap saya yang patutnya dah *take-off* di negeri Selangor tetapi tidak boleh dimulakan.

Jadi oleh itu kita kena lihat kepentingan air yang ada di Selangor yang akan melibatkan Wilayah Persekutuan dan Selangor ini adalah berjiran dengan Putrajaya. Jangan fikir nak pergi Putrajaya sahaja. Kerajaan- go to Putrajaya tetapi masalah air tidak diselesaikan. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor juga bertitah waktu merasmikan pembukaan Dewan Undangan Negeri agar segera selesaikan masalah air ini. Saya amat terkejut apabila soalan saya kepada Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air pada 27 Mei dan juga 9 Jun, dua soalan saya tanya, apakah kedudukan penstrukturan air ini? Kita dimaklumkan bahawa perjanjian tidak boleh ditandatangani kerana *condition precedent* Kerajaan Negeri Selangor belum lagi dipenuhi sedangkan di pihak Kerajaan Persekutuan telah disediakan RM2 bilion untuk bantu kerajaan negeri bagi membayar kepada syarikat air ini.

Bila saya tanya lagi status pembinaan Loji Langat 2, kita pun terkejut kerana kita dimaklumkan bahawa kerajaan negeri memberhentikan permit kelulusan-kelulusan yang sepatutnya diberikan kerjasama yang dulunya saya difahamkan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak sudah bersetuju untuk membenarkan permit kita boleh mulakan projek ini. Pengambilan tanah pun masih lagi tidak berlaku dan akhirnya projek ini kalau diramalkan siap tahun 2017 akan siap pada tahun 2019. Jadi oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya nak minta penjelasan kepada kerajaan negeri ini daripada Kerajaan Persekutuan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rompin bangun, Yang Berhormat.

Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua, mantan Menteri Besar Selangor ada di sini, saya ingat lebih elok dia beri sedikit pandangan *[Ketawa]*

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Terima kasih. *[Ketawa]* Saya juga ingin mencelah sebelum saya akan memberikan beberapa fakta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Wakil merisik kah tadi tu?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: *[Ketawa]* Saya hendak beri beberapa penjelasan secara profesional iaitu bila kita dapati kekurangan air, antara beberapa penjelasan ialah terdapat *non-revenue water* maknanya apabila kita keluarkan air terawat sepatutnya proses penstrukturkan akan mengurangkan jumlah air terawat. Maknanya yang tidak mendapatkan hasil. Sebelum penswastaan ialah 30%, dalam perjanjian penswastaan dia sepatutnya *non-revenue water* itu berkurang kepada 10% kepada lima peratus, malangnya tidak berlaku kerana keupayaan pengurusan dan seterusnya. Itu antara faktor yang menyebabkan air terawat tidak cukup. Jadi, itu yang saya hendak berikan fakta, sebab itu saya beberapa kali saya mengatakan penswastaan air ini tidak menghasilkan terbaik untuk rakyat oleh sebab itu Akta 679 itulah yang cuba menyelesaikan perkara tersebut.

Fakta kedua yang saya hendak terangkan, oleh sebab kita tahu Langat 2 ini bertujuan untuk menambahkan air terawat dan juga air mentah, kita juga di negeri Selangor cuba mencari punca-punca yang mana air mentah boleh dapat kita keluarkan. Jadi, untuk ini, fakta yang saya hendak sumbang dalam perbincangan ini ialah negeri Selangor telah membuat satu projek yang dipanggil *Hybrid-Off River Augmentation System (HORAS)*, ataupun dalam bahasa Malaysia ialah Sistem Takungan Larian Di Hiliran Sungai.

■1640

Oleh sebab kumpulan air-air sungai ini bukan kesemuanya mengalir ke empangan tetapi ia ke laut. Jadi apabila air sungai masuk ke laut kita tidak boleh gunakan. Jadi oleh sebab itu kita kena buat takungan yang besar. Nasib kita baik di kawasan Bestari Jaya penuh ada kolam-kolam dan berhampiran dengan Sungai Selangor yang memberikan air tersebut dan kita telah buat. Oleh sebab itu hasilnya ialah kita telah mula dapat meningkatkan jumlah air mentah sampai ke-600 million liter satu hari.

Jadi dalam keadaan ini kita *hedge our position*, itu sebabnya. Akan tetapi apa yang saya katakan walaupun itu berlaku...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Dia kena kembalikan kepada Yang Berhormat Tanjong Karang Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Ya saya nak kembalikan pada Yang Berhormat Tanjong Karang. Walau apa pun berlaku, kita menerima hakikat oleh sebab pelaburan sudah dibuat untuk air ini kita tambahkan itu. Jadi bererti dengan KORAS, dengan adanya Langat 2, kedua-duanya dapat kita lakukan dan keperluan air untuk negeri Selangor yang akan bertumbuh dengan begitu rapi akan dapat kita selesaikan sehingga 2050. Jadi

oleh sebab itulah fakta itu mesti dimasukkan dalam urusan ini dan kalau kita tidak buat, saya dapati itulah sebabnya saya setuju kita bincangkan di Parlimen. Kalau kita tidak lakukan dengan cepat kedua-duanya, akibatnya ialah kesan kepada pengguna dan industri. Itu yang perkara ini sangat penting.

Kedua, kos untuk air kepada rakyat akan meningkat sebab pembelian ekuiti, pembelian saham-saham penswastaan ini kita lakukan dengan harga yang terbaik supaya hasilnya kos untuk air itu tidak meningkat seperti yang dalam perjanjian penswastaan. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima Kasih Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Bolehlah jadikan sebahagian daripada ucapan saya. Akan tetapi isu yang dibangkitkan RW ini saya ingat pihak kementerian nak kena jelas sebab saya difahamkan pada masa itu bila pihak syarikat nak buat ganti paip-paip lama ni, katanya kerajaan negeri tidak bersetuju. Jadi itu saya tak nak ulas, itu masalah dengan negeri.

Jadi sebab itu saya nak minta kepastian daripada pihak kementerian bila agaknya perjanjian ini boleh dimuktamadkan. Saya baca dalam surat khabar kata Menteri Besar Selangor telah pun berjumpa dengan pihak Menteri dan juga pihak kementerian. Akan tetapi itulah malangnya - Yang Berhormat Gombak di mana ni. Kita pun tidak tahu ni. Dia patut kalau seorang Menteri Besar yang bertanggungjawab, Ahli Parlimen yang bertanggungjawab dia kena hadir. Ini isu dia. Jangan nak jadi jaguh di Dewan Undangan Negeri saja... *[Dewan riuh]*

Ya, sebab..

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Eh, Yang Berhormat Perdana Menteri pun tak hadir. Yang Berhormat Pekan pun tak hadir. Tolonglah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa berjalan Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya, sebab itu..

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau nak kemukakan hujah biarlah logik.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kenapakah ni?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Apakah ni Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Dah kalah...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya rasa kehadirannya jauh lebih kerap daripada Yang Berhormat Pekan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sebab itu dia tak reti bahasa, saya belum habis ayat lagi. Tak reti bahasa menyampuk sebab itu kalah ambil alih untuk Kerajaan Pusat. Sudahlah. Kalau saya dah kalah duduk diam-diamlah. Sudah, duduklah. Tak ada itu...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Eh, Yang Berhormat Tanjong Karang menang ke? Yang Berhormat Tanjong Karang menang ke?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dah, dah. Jangan masuk parti Yang Berhormat. Masuk air ya. Masuk air ya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sebab itu saya nak beritahu, semalam waktu Menteri ke apa-apa Kementerian Kewangan menggulung, ada pihak belah sana mempertikaikan. Mana pergi Yang Berhormat Pekan. Mengapakah Menteri Kewangan II yang jawab? Itu *at least* ada Menteri. Hari ini usul kita telah kemukakan. Ini isu-isu dia. Dia yang patut memberikan jaminan dalam Dewan ini bila perjanjian nak dibuat kerana saya nak tanya daripada Yang Berhormat Gombak ni. Dia janji ni, janji Yang Berhormat gombak ni saya tidak tahu. Jadi kalau dia boleh pakai ke tak boleh pakai. Kerana kita lihat beberapa janji yang dibuat, janji dia di dalam masjid pun dia tak tunai. Janji dalam masjid pun dia boleh tak tunai. Ini bukannya tuduhan-tuduhan kosong.

Ini kisah benar yang disiarkan dalam *SarawakKini*. Ini betul. Ayat dia cukup sedap, “*Apa nak jawab depan Allah jika abaikan orang Damansara Damai.*” Wah, orang pun puji, “*Suka dengan ucapan Menteri Besar yang ambil berat isu penduduk di sini, lebih-lebih lagi ucapan itu dibuat dalam rumah Allah.*” Wah, bukan main lagi. “*Ucapan MB itu juga satu nasihat dan peringatan kepada kita semua, lebih-lebih lagi pemimpin yang dilantik, mereka perlu melaksanakan tanggungjawab yang diberikan dengan penuh amanah atau kelak nanti dipersoalkan.*” Sedap menipu rakyat dalam masjid tetapi apa janji yang dibuat ini terlihat. Tengok orang tuntutan balik, “*Tuntut janji Azmin*”, ini dikeluarkan... [Menunjukkan akhbar berkaitan]

Sebab itu saya tanya sama ada, ya lah isu air terletak kepada Menteri Besar. Kalau macam Yang Berhormat Bandar Tun Razak, dia ikhlas... [Dewan riuh]

Ya, saya tahu ya. Saya dah beritahu, terpulang kepada Menteri Besar, yang nak membatalkan perjanjian ialah Menteri Besar. Kalau Menteri Besar... [Disampuk] Apa?... [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Biarkan Yang Berhormat. Masa berjalan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya, saya nak jawab. Saya tak mahu... [Disampuk] Ya, sebab itu saya kata, saya nak tanya daripada- kalau ikut Menteri, Kerajaan Persekutuan dah bersedia. Yang tak bersedia ni yang banyak sangat kerenah ni ialah Kerajaan Negeri Selangor. Menteri Besar baru. Nak batalkan. Itu yang sepatutnya Yang Berhormat Menteri Besar Ahli Parlimen Gombak kena hadir untuk menjawab. Dulu kita masih ingat waktu beliau menanyakan soalan dalam Dewan ini bertelagah dengan Menteri dalam soal jawab. Sekali dalam soalan lisan. Ini usul, dia boleh cakap, dia boleh terangkan sebab apa dia tidak hadir. Adakah- jadi sebab itu kita nak tahu daripada kerajaan, apa kerajaan akan ambil seandainya Menteri Besar masih lagi bermain politik. Saya nak cadang, kalau boleh pencatutan air ini dengan Loji Langat 2 patutnya dipisahkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Nanti saya nak habis ayat. Saya bagi, *don't worry*. Saya bagi tapi bagi saya habis ayat dulu. Patut diasingkan kerana proses pengambilan syarikat ini ialah proses *business deal*. Akan tetapi Loji Langat 2 ini ialah untuk membekalkan air terawat. Siapa pun yang akan mengambil alih syarikat pengurusan air Negeri Selangor tidak akan ada maknanya kalau air tidak ada. Kalau Kerajaan Negeri umumlah bagi air percuma kah apa maknanya. Bagi air percuma, airnya tidak ada. Jadi kerana itu saya nak tanya kepada Menteri boleh atau pun tidak diasingkan perjanjian pencatutan air ini dengan Projek Langat 2 supaya ia diselesaikan segera projek-projek Langat 2.

Hal yang kedua saya nak tanya kalau keadaan terdesak seperti Yang Berhormat Menteri Selangor hanya tinggal 1%. Dalam Dewan ini ramai duduk dekat Selangor. Kena mengakui hakikat ini. Air tidak ada. Sekarang ini air di Hulu Langat pun tak ada air, Kuala Selangor pun tak ada air. Orang dah mula resah dan gelisah air tak ada. Saya tak tau lah Yang Berhormat Ampang nak bangun, Ampang ada air kah? Jadi sebab itu...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Boleh bangun.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Nanti dulu saya bagi, saya bagi. Bagi habis ayat ini dulu. Saya bagi. Itu sebab apa Yang Berhormat Kuala Krai eh? Yang Berhormat Kuala Krai pun kalah. Dia sebab tak reti bahasa, yang mana tak reti bahasa dalam Dewan semua kalah. Yang *support* semua kalah. Ahli pun meluat dengan cara mereka berbahas. Tak ada adab langsung, fasal itu lah kalah. Saya, ya, sebab itu, ya... [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat diam. Jangan bisung ya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak beritahu, dalam negeri Selangor, Parlimen yang menang 100% Barisan Nasional ialah kawasan Parlimen Tanjong Karang. Parlimen saya menang, ADUN Sungai Burong saya menang, ADUN Permatang saya menang..

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang tidak kalah 100% Shah alam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau cakap menang Parlimen, kami menang Parlimen. Kalau tak menang Parlimen, macam mana datang Parlimen.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Menteri Besar Tanjong Karang, Menteri Besar Tanjong Karang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat Kapar. Duduk.

■1650

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sebab itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa berjalan Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak apa. Sebab itu saya kata, Yang Berhormat Shah Alam ini cakap itu hujah-hujah yang tidak bernas. Ini yang kalah ini. Orang PAS pun meluat. Masuk PASMA lepas ini lain kali.

Jadi, sebab itu saya hendak cadangkan, hendak tanya. Kalau katakan keadaan terdesak, saya difahamkan lebih kurang rizab kurang daripada 2%. Adakah Kerajaan Persekutuan akan menggunakan kuasa-kuasa di bawah undang-undang yang ada mengisytiharkan darurat? Ini kerana kita tahu, saya lupa undang-undang mana, kalau dalam darurat, makna kerajaan negeri boleh melaksanakan projek-projek air di negeri Selangor ini. Jadi, terima kasih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yalah. Yang Berhormat Shah Alam bangunlah, cakap ini. Bagi Yang Berhormat Shah Alam cakap ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Bangunlah berucap. Bagi berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Bagi Yang Berhormat Shah Alam berucap.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua? Dia hendak ambil alih peranan Tuan Yang di-Pertua. Dia minta saya cakap dahulu Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tak, tak. Tuan Yang di-Pertua yang panggil Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itulah, dia tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk, duduk.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Tanjong Karang tidak faham. Dia minta saya cakap dahulu *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor, lima minit Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas peluang diberikan kepada saya untuk sedikit sebanyak memberikan pandangan dalam perbincangan usul 18(1). Tuan Yang di-Pertua, kala saya bangun Tuan Yang di-Pertua, saya terima satu SMS yang dihantar kepada saya daripada SYABAS. Ia... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, diam Yang Berhormat. Dengar, dengar Yang Berhormat. Dengar.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Bukan daripada Yang Berhormat Tanjong Karang, daripada SYABAS. Ia berbunyi, *"Info SYABAS, gangguan bekalan air berjadual di Wilayah Kuala Selangor pada 22 Jun 2015 hingga 23 Jun 2015. Kawasan yang terlibat taman-taman dalam Parlimen Kuala Selangor."*

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya bangun pada petang ini untuk saya ingin bertanyakan kepada pihak kementerian. Hari esok merupakan di mana umat Islam akan menjalani ibadat puasa

dalam bulan Ramadan. Bayangkanlah dalam konteks ini, saya pernah menyatakan kepada pihak kerajaan negeri, khususnya kepada Yang Amat Berhormat Gombak. Apakah tindakan, khususnya daripada kerajaan negeri untuk menangani masalah bekalan air memandangkan musim panas juga melanda dalam bulan Ramadhan dan bulan Syawal? Ini adalah demi memastikan rakyat Selangor tidak lagi terbeban dengan masalah catuan bekalan air seperti yang berlaku, khususnya pada 22 Jun nanti di Kuala Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya apakah perancangan, khususnya di peringkat Kerajaan Persekutuan? Oleh sebab masalah bekalan air di Selangor bukan setakat menjejaskan rakyat di negeri Selangor tetapi mampu menjejaskan peluang pelaburan ke Malaysia memandangkan Selangor antara negeri terpenting dalam sektor industri.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, benar kah saya difahamkan hampir 300 projek di kawasan Lembah Klang terpaksa ditangguhkan ekoran masalah air tersebut. Sehingga menyebabkan masalah pengangguran, khususnya melibatkan rakyat orang muda dalam negeri Selangor.

Kedua, yang terakhir. Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, benar kah lebih 1,000 permohonan projek membuka kilang di Selangor telah ditolak oleh pengedar air Selangor SYABAS kerana ia tidak mampu membekalkan air yang cukup untuk aktiviti industri itu? Maka, adakah dengan ini jelas menunjukkan kekurangan air, khususnya negeri Selangor, bukan satu yang berkaitan dengan kehidupan rakyat di Selangor tetapi juga rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Saya melihat bahawa perjanjian Langat 2 yang sepatutnya ditandatangani dalam sedikit masa, apakah masalah-masalah yang menimpa? Adakah masalah ini boleh menyebabkan masalah jangka panjang, khususnya bagi negara Malaysia dalam memastikan Rancangan Malaysia Kesebelas itu dapat berjalan lancar? Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pandan. Lima minit Yang Berhormat ya.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh daripada seorang Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh dua orang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak boleh Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Lima minit, lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kalau dua orang, lima minit bahagi dua ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Oh, mana cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak, memang betul pun begitu. Usul 18(1) Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Nanti kalau Yang Berhormat Menteri Besar Selangor datang, kononnya Yang Berhormat Menteri Besar Selangor hendak kena jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Usul daripada pencadang. Saya ikut peraturan. Saya ikut peraturan Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, mana hendak cukup jawab lima minit. Yang Berhormat Tanjong Karang ini tidak faham peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah makan seminit Yang Berhormat. Sudah makan seminit. Ya, Yang Berhormat Pandan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Baik, saya...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat bagi masa. Kita hendak dengar juga suara daripada Ahli Parlimen Selangor ini.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Betul, Tuan Yang di-Pertua. Betul. Tidak bolehlah kutuk-kutuk sendiri. Syok-syok sendiri. Tidak boleh. Kena beri ruang yang secukupnya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Bagi Yang Berhormat Shah Alam. Bagi Yang Berhormat Shah Alam berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak boleh. Tidak boleh Yang Berhormat. Peraturan kata 30 minit untuk pembawa usul, 30 minit untuk Menteri menjawab. Itu sahaja... *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Pandan. Sudah masuk satu minit sudah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tuan Yang di-Pertua, saya...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya perlu mulakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: ...Dengan memberikan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Esok puasa Yang Berhormat ya *[Ketawa]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Esok saya baik Tuan Yang di-Pertua *[Ketawa]*

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya perlu beri sedikit latar belakang supaya usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Tanjong Karang ini sedang saya alu-alukan. Oleh sebab itu satu kebimbangan yang sama-sama kita kongsi. Soal pengambilalihan industri air di Selangor yang melibatkan loji Langat 2 ini adalah satu yang telah berlarutan ya. Cuma saya rasa kita tidak boleh lari daripada masalah utama iaitu kerana tidak ada persetujuan di antara pemegang-pemegang konsesi.

Konsesi ini diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Masalah utamanya ialah kerana salah satu daripada pemegang konsesi itu iaitu Puncak Niaga dan SYABAS, sehingga sekarang daripada dulu, tidak boleh bersetuju pada harga yang difikirkan oleh Kerajaan Negeri

Selangor. Baik semasa zaman Yang Berhormat Bandar Tun Razak, baik semasa Yang Berhormat Gombak, difikirkan tidak membebankan rakyat.

Walaupun cadangan Yang Berhormat Tanjong Karang itu boleh dipertimbangkan tetapi daripada pandangan Pakatan Rakyat, oleh sebab pengambilalihan ini adalah secara keseluruhan aset, maka kita tidak boleh pisahkan harga dan pelaksanaan projek Langat 2 itu daripada pengambilalihan. Oleh sebab kos keseluruhan itu akan ditanggung oleh rakyat. Oleh sebab itu ia berkait apabila pemegang-pemegang konsesi yang rapat dengan UMNO ini tidak bersetuju dengan harga, maka sudah tentu ia ada kaitan dengan Langat 2. Apabila Langat 2 ini kosnya dan perlu diperhatikan, sudah tentu kita kena pastikan keseluruhan kos pengambilalihan itu adalah baik, adil kepada rakyat supaya tidak menjadi beban dalam bentuk tarif air di masa akan datang.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan juga oleh Yang Berhormat Gombak, Menteri Besar, bahawa masalah sekarang ini yang mungkin Yang Berhormat Menteri boleh jawab ialah berkaitan daripada segi tafsiran oleh pihak kerajaan sendiri yang menyimpang daripada perjanjian yang telah ditandatangani sebelum ini mengenai takrifan aset. Ini kerana sebelum ini persefahaman kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan apabila aset air itu diambil alih, contohnya paip. Yang diambil alih ialah paip, bukannya tanah dengan paip itu. Akan tetapi sekarang ini Kerajaan Persekutuan dengan tafsiran daripada Kamar Peguam Negara menetapkan bukan sahaja aset atau *facility* air itu yang diambil alih tetapi kesemua tanah itu menjadi milik Kerajaan Persekutuan juga.

Saya dimaklumkan pendirian Kerajaan Selangor ialah Kerajaan Selangor mahu supaya syarikat konsesi itu nanti ataupun perbadanan air yang akan diambil alih memajak, membayar pajakan kepada Kerajaan Negeri Selangor. Bukannya ambil tanah itu keseluruhannya. Itu perbezaan-perbezaan teknikal yang saya rasa seperti- saya setuju dengan Yang Berhormat Tanjong Karang, perlu diselesaikan secepat mungkin oleh kementerian dan juga oleh Kerajaan Negeri Selangor. Cuma, saya hendak tutup sudah ini. Cuma, untuk beri ruang kepada Yang Berhormat Shah Alam...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam bangun Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Mencelah sahaja boleh Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Okey, celah, celah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Baik, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pandan yang menjelaskan latar belakang dan sebab mengapa perbahasan ataupun rundingan ini tidak mencapai kata sepakat. Hanya saya hendak tanya pada Yang Berhormat Pandan, tadi ada disebut bahawa pihak konsesi telah gagal untuk menangani masalah *non-revenue water* (NRW) ini. Dimana kekal, terus kekal di tahap 30% walaupun mereka telah mengambil alih konsesi ini setelah beberapa tahun.

Akan tetapi pada masa yang sama dalam keadaan mereka telah gagal untuk menangani dan memenuhi salah satu syarat utama dalam perjanjian konsesi ini, mengapakah mereka tetap diberikan kemampuan ataupun diberikan layanan yang begitu baik sehingga mereka boleh menentukan dan menuntut satu kadar pampasan dan harga hendak jual yang begitu tinggi? Sepatutnya mereka, *they should be punished*. Mereka sepatutnya di hukum atas kegagalan mereka. Akan tetapi di sini kita melihat mereka dibenarkan. Hendak minta beberapa bilion? RM14 bilion, RM12 bilion, RM20 bilion? Ikut suka dia. Apa pandangan Yang Berhormat Pandan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Lepas itu gulung ya.

■1700

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Saya rasa ini bukan soal parti. Saya faham masalah air ini baik di Pandan, di Tanjong Karang, di Ampang memang masalah yang besar tetapi kita tidak mahu mengulangi kesilapan semasa konsesi-konsesi ini diberikan terlebih dahulu. Sebab itu apabila kesilapan itu telah berlaku, sekarang kita tersangkut dengan biawak hidup konsesi-konsesi ini dan apabila mereka ini begitu rapat dan diberikan pula layanan, sebab itu menyukarkan lagi untuk kerajaan negeri baik Kerajaan Persekutuan, baik agensi yang terbabit mendapat persetujuan secara komersial.

Sebab itu saya hendak gulung Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada cadangan yang pernah dibawa oleh pentadbiran Yang Berhormat Bandar Tun Razak, pernah dibawa oleh Yang Berhormat...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Beruas ada hendak bertanya. Sempat setengah minit?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Yang Berhormat Pandan. Saya rasa kalau kerajaan negeri hari ini Kerajaan Barisan Nasional, pihak Kerajaan Persekutuan akan bersetuju terus bahawa pengambilalihan aset hanya merangkumi paip-paip sahaja tanpa tanah. Itu tidak akan jadi satu isu. Jadi saya berharap Yang Berhormat Pandan pun berharap begitulah. Sungguhpun kerajaan negeri sekarang di bawah parti yang lain, sikapnya mestilah demi rakyat. Janganlah hendak menuntut tanah pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habis sudah masa, Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Pandan, saya hendak ulangi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya hendak ulangi pesanan Yang Berhormat Tanjong Karang. Jangan politikkan air. Dia kata kita yang politikkan tetapi pandangan Yang Berhormat Pandan macam mana? Kita yang politikkan ataupun Barisan Nasional sendiri demi kepentingan kroni-kroni mereka.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Oleh sebab esok Ramadhan...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Saya hendak celah sedikit.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Okey, sila.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih. Saya hendak beri penjelasan tentang Yang Berhormat Gombak kenapa tidak berada di sini. Yang Berhormat Gombak berada di Kelantan untuk menyerahkan rumah kepada mangsa banjir sebanyak 60 biji rumah di Kuala Krai yang telah Kerajaan Pusat gagal di mana hanya lima sahaja baru diserahkan. Jadi, itulah penjelasannya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *[Menyampuk]*

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Jadi Yang Berhormat Tanjong Karang jangan khuatir tentang itu.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kenapakah Ahli Parlimen Kuala Krai tidak balik kawasan?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Kita di sini boleh jawab soalan-soalan Yang Berhormat Tanjong Karang. Tidak payah Yang Berhormat Gombak berada di sini. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bukan. Tengoklah, Ahli Parlimen Kuala Krai pun ada dekat Dewan. Bermakna Ahli Parlimen Kuala Krai lebih cerdik daripada Menteri Besar Selangor, boleh datang Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pandan, sila habiskan.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Dia hendak bertanding di Kuala Krai agaknya lepas ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habiskan ya.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya nak gulung. Saya rangkum celahan oleh Yang Berhormat Beruas dan juga sedikit sebanyak Yang Berhormat Shah Alam bahawa sebenarnya untuk menyelesaikan masalah ini ia perlukan kompromi kesemua pihak. Ada kuasa di pihak Kerajaan Persekutuan yang perlu digunakan. Sebagai contoh daripada segi tafsiran mengenai apa itu aset air seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Beruas itu, itu kuasa bukan sahaja kamar Peguam Negara tetapi juga kementerian. Kalau perkara itu tidak ditimbulkan, ini tidak berlarutan.

Akan tetapi yang paling penting, seperti yang saya hendak ulang tadi, pernah disuarakan semasa pentadbiran Yang Berhormat Bandar Tun Razak, pernah disuarakan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara ialah ada kuasa khusus di bawah akta untuk mengambil alih kesemua industri ini dengan menggunakan kuasa Menteri. Kalau contohnya tidak ada persetujuan secara komersial yang telah berlarutan selama bertahun-tahun sehingga membawa kepada keadaan yang dicadangkan sebagai darurat oleh Yang Berhormat Tanjong Karang, bukankah lebih mudah kalau

Menteri menggunakan kuasa yang telah diberikan kepada Menteri itu untuk mengambil alih konsesi-konsesi ini kemudian bolehlah dirundingkan pampasan yang sebaiknya?

Jadi saya mohon supaya Menteri menjawab perkara itu dan saya ucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri.

5.04 ptg.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Tanjong Karang serta juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut serta untuk membahaskan usul di bawah P.M.18(1) ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjelaskan serta juga menjawab sebahagian perkara yang dibangkitkan, saya beri sedikit latar belakang supaya persoalan-persoalan yang dibangkitkan dalam perbahasan tadi boleh memberi sedikit keterangan untuk memberi gambaran dan pengertian mengenai perkara penstrukturan air di bawah Akta 655 ini. *So that*, dengan izin, *we can appreciate the situation* dan model yang digunakan.

Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 ataupun Akta 655 dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2008. Bagi menyokong pelaksanaan akta ini, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan skim penstrukturan semula industri bekalan air negara bagi menyusun semula operator bekalan air Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan berasaskan model yang kita sebut *asset light*. Model ini diperkenalkan supaya operator air dan pengurusan penyediaan infrastruktur diletakkan di bawah Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), sebuah *special purpose vehicle* yang ditubuhkan di bawah Kementerian Kewangan Diperbadankan dan hal ehwal pengawalseliaan pula dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang ditubuhkan di bawah Akta 654. Ini penting daripada segi pengertian.

Sehingga kini, sebanyak enam buah negeri telah distruktur semula iaitu negeri Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Perlis, Pulau Pinang dan Perak *and I don't mind to say* dengan izin, *I think* Pulau Pinang *we don't have any problem at all*. Antara negeri-negeri yang baik pengurusannya. Sementara itu, lima buah negeri lagi iaitu Kedah, Pahang, Selangor, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Labuan masih lagi di pelbagai peringkat rundingan untuk memuktamadkan skim penstrukturan industri perkhidmatan bekalan air masing-masing.

Penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Selangor yang turut meliputi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya sebenarnya telah bermula semenjak tahun 2006 apabila kerajaan negeri pada masa itu telah menzahirkan hasrat untuk menjadi antara negeri yang terawal untuk menyertai Skim Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air Negara. Walau bagaimanapun, rundingan untuk memuktamadkan skim ini berjalan sangat perlahan berikutan pertukaran pentadbiran kerajaan negeri pada Mac 2008.

Namun begitu, rundingan untuk memuktamadkan skim penstrukturan semula ini berjaya disegerakan semula pada akhir tahun 2013 sehingga Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Selangor di bawah pimpinan Menteri Besar ketika itu Yang Berhormat Bandar Tun Razak, telah mencapai kata sepakat untuk menyelesaikan isu berkaitan skim penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air dan juga pelaksanaan projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan sistem agihannya melalui satu *memorandum of understanding* yang ditandatangani pada 26 Februari 2014, *heads of agreement* yang ditandatangani pada 1 Ogos 2014 dan perjanjian utama penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya yang ditandatangani pada 12 September 2014.

Susulan daripada perjanjian-perjanjian tersebut yang berjaya dimuktamadkan setelah lebih daripada 52 kali rundingan dibuat antara kedua-dua pihak, projek LRAL2 itu telah dapat diteruskan pelaksanaannya setelah sekian lama tertangguh akibat keengganan Kerajaan Negeri Selangor memberi kelulusan-kelulusan berkaitan. Kerajaan Negeri Selangor juga telah mengeluarkan enam kebenaran merancang dan meluluskan baki pengambilan tanah untuk sistem agihan dan telah bersetuju untuk mengeluarkan semua permit dan kelulusan yang diperlukan sebagaimana dinyatakan dalam *heads of agreement*.

Pendek kata, sebenarnya pada waktu itu *the whole things is simple* sahaja. Selangor hendak *takeover the concessioners*, empat *concessioners* termasuk SYABAS dan kita perlu memberikan peruntukan yang diperlukan RM2 bilion untuk *take over* ekuiti dan RM7.6 bilion untuk *takeover bonds and loans* dan kerajaan negeri pula membenarkan pelaksanaan Langat 2 supaya pembekalan air 1.2 bilion liter itu dapat disempurnakan pada tahun 2017 mengikut perancangan awal...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [Bangun]

■1710

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat bukan dari negeri Selangor.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ya, mengenai pengambilan alih aset. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah rancangan untuk mengambil alih semua aset air negeri ini satu langkah yang betul? Oleh sebab baru-baru ini SPAN telah pun mengumumkan, Tan Sri Tajol Rosli mengatakan SPAN mempunyai hutang lebih RM10 juta. *The exact figure* I sudah lupa dan mengatakan tidak ada wang mencukupi untuk mengendalikan aset-aset ini dan kemungkinan besar akan mengenakan kenaikan tarif air seluruh negara kalau tidak ada imbuhan ataupun bantuan daripada pihak Kerajaan Persekutuan.

Jadi, adalah langkah ini langkah baik dan adakah ini *sustainable*? Kalau tidak, tarif air akan naik mendadak. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Merujuk saya katakan tadi, aset *light* itu model yang telah pun dibincangkan dalam Parlimen dan akhirnya kita meluluskan Akta 655. Yang mana pada masa tersebut, industri begitu *fragmented*. Kerajaan negeri dengan kerajaan negeri ataupun anak-anak syarikatnya terikat dengan hutang yang begitu tinggi dan *insolvent*.

Maka, kaedah yang digunakan aset *light*. Kita tubuhkan PAM sebagai agensi yang diperbadankan di bawah kementerian, dia *take over* semua *loans* dan pinjaman. Akan tetapi *you must supply the asset together with it*. Jadi, dia beri aset itu kepada PAM untuk memenuhi *loans-loans* yang telah diambil alih dan PAM kasi sewa balik kepada operator.

Jadi, *aset light meaning*, dia senang, *they just need*, dengan izin, *manage water properly* dan sebahagian tanggungjawab itu di bawah PAM untuk *CAPEX capital development*. Tarif terpulang sama operator dan negeri masing-masing. Saya hanya mengatakan ya atau tidak. Akan tetapi yang mencadang untuk kasi tarif pihak negeri kerana mereka operator ataupun syarikat-syarikat yang mereka operator. *So, actually this is one of the best model* sebenarnya. Hanya baru, masih setengah lagi belum *migrate* dan yang lain itu *still they are having a little problem*, masalah-masalah di peringkat negeri. Nanti akan jelas sedikit lagi.

Menurut perjanjian utama ini, Kerajaan Persekutuan juga bersetuju untuk membenarkan Kerajaan Negeri Selangor mengambil alih semua syarikat konsesinya di negeri Selangor dan *they have been begging for this*. Lebih 10 tahun, okey. *It is just that we couldn't click*, dengan izin, until Yang Berhormat Bandar Tun Razak *come in to the scene* lah dan percaya bahawa air tidak cukup di Selangor *unless we tap the water* yang telah pun dipersetujui 8 tahun dahulu, *transfer program water* dari Pahang.

Bagi memudahkan cara pengambilan alih ini, Persekutuan juga melalui PAM telah bersetuju untuk menyediakan satu kemudahan berjumlah RM2 bilion bagi Kerajaan Negeri Selangor membeli ekuiti syarikat-syarikat konsesi. Saya ingin perbetulkan tadi bahawa tidaklah betul bahawa syarikat-syarikat ini tidak setuju untuk dibeli oleh negeri Selangor, Puncak Niaga dan seperti yang disentuhkan tadi antara yang terawal menerima tawaran. Bukan tawaran Persekutuan ya? Tawaran negeri Selangor untuk membeli ekuiti di dalam syarikat konsesi. Hanya satu saja iaitu SPLASH. Satu daripada pemilik SPLASH ini pun orang PKR. *I thought* mereka yang duluan untuk setuju tetapi kerana harga dikatakan tidak *ngam* ataupun tidak tepat, maka tergendala. Okey, tergendala... [*Dewan riuh*] Dia tidak mahu ambil bahagian. Yang lain...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tunggu, tunggu, tunggu. Termasuk negeri Selangor...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Menteri membuat tuduhan ketika menjawab Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: ABBAS ya, milik negeri Selangor pun setuju untuk diambil alih. Saya tidak mahu *mention* mana-mana nama, saya hanya katakan bahawa *public knows the...*

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Baik, baik. Mencelah Yang Berhormat Menteri ya. Kalau Yang Berhormat Menteri begitu yakin bahawa ini kononnya digagalkan oleh orang yang rapat dengan PKR, memberi gambaran seolah-olah ini satu yang kurang baik kononnya oleh PKR. Kenapakah Yang Berhormat Menteri tidak menggunakan kuasa Yang Berhormat Menteri untuk ambil alih dan bayar ikut harga yang baik? Kenapa tidak ambil alih saja, bayar kepada SPLASH,

bayar kepada ABBAS, bayar kepada Puncak Niaga, bayar kepada SYABAS pada harga yang semua rakyat tahu dan telus? Kuasa itu kepada- jadi yang Yang Berhormat tidak beritahu ialah SPLASH itu termasuklah Gamuda yang rapat juga dengan Yang Berhormat Menteri dan Barisan Nasional.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya rasa kalau Yang Berhormat Menteri menggunakan kuasa Yang Berhormat Menteri, harga yang diambil alih jauh lebih rendah daripada apa yang perlu ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Lebih baik untuk rakyat kalau kerajaan gunakan kuasa Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Itulah Ahli-ahli Yang Berhormat...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang bangun.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Bandar Tun Razak.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak bagi laluan. Yang Berhormat Shah Alam tidak tahu air, bagi Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Saya hendak pergi sikit, saya hendak tegaskan satu saja. Sekejap saja.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, Yang Berhormat Bandar Tun Razak.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tadi tuduhan yang 'pondan' cakap tadi- 'pondan' pulak, pandan! Minta maaf. Yang Berhormat Pandan cakap tadi... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tersasul Yang Berhormat, tersasul.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Pandan tuduh tadi...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Memang sengaja, kurang ajar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak boleh, jangan macam itu. Tidak boleh macam itu Yang Berhormat.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Saya pun minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya. Tersasul. Niat baik Yang Berhormat ya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *You* jangan kurang ajar ya. Okey.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Orang cakap tadi minta maaf, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sudahlah. Duduk, duduk.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Okey, okey duduk. *You* teruskan. Teruskan dengan fakta.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Duduklah. Ya, semua saya cakap ini fakta. Faktanya, tadi Yang Berhormat Pandan mengatakan bahawa syarikat-syarikat yang kata kroni UMNO ini yang *bargain* harga. Akan tetapi sekarang Yang Berhormat Menteri kata, puncak

yang dituduh katanya Puncak Niaga dia kata kroni UMNO. Akan tetapi hari ini Yang Berhormat Menteri kata, Puncak Niaga orang yang pertama sekali yang menerima harga. Jadi, ini satu tuduhan, setuju tidak? Ini satu tuduhan politik yang dibuat Yang Berhormat Pandan yang cuba apa juga yang Kerajaan Barisan Nasional *try* hendak buat, semua hendak dikaitkan dengan kroni dan sebagainya. Sebaliknya, SPLASH- Yang Berhormat Pandan, SPLASH itu yang tidak setuju, bukan Puncak Niaga.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Seperti mana yang telah saya katakan tadi, kerajaan negeri yang telah menawar harga itu melalui perundingan juga dan secara terbuka. Mereka yang telah menerima itu juga tawaran itu terbuka kepada awam dan semua pun telah memberi satu tempoh.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [*Bangun*]

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Dalam pandangan kami sebagai *regulator*, *prices* itu adalah *reasonable*. Kalau tidak, *the concessionaire* tak *accepted*.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Yang Berhormat, benarkan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bandar Tun Razak.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Izinkan saya untuk jelaskan oleh sebab saya juga...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Lepas Yang Berhormat Bandar Tun Razak, saya.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Saya tidak memihak mana pihak. Benarkan saya untuk menerangkan. Oleh sebab perjanjian itu berasaskan Akta 679 itu, akta itu tidak 100% jelas daripada segi kuasa itu. Boleh jadi masa kita hendak buat pengambilan itu, mungkin kita akan dibawa ke mahkamah supaya tidak akan berlaku seterusnya. Ia akan mengambil masa yang lama dan situasi itu tidak boleh dapat kita senang terangkan kepada rakyat. Air tidak ada sebab kita di mahkamah. Tidak boleh. Jadi, oleh sebab itu kita ambil jalan yang sangat munasabah, *willing buyer-willing seller* tetapi harga yang berpatutan.

Pada kiraan kita, risiko yang diambil dan pulangan yang jelas. Walaupun siapa yang mempunyai konsesi, sudah tentu hendak berlipat-lipat ganda. Akan tetapi kita kata, ini ialah satu harga sangat munasabah. Kalau hendak bergaduh fasal harga, kita teruskan pengambilan, kita boleh berbincang di Mahkamah Dunia bahawa harga yang dibayar oleh rakyat Selangor adalah harga yang berpatutan dan tidak malu di peringkat antarabangsa. Itu sebab kita lakukan dan saya terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana bersetuju tentang konsep yang kita lakukan supaya jangan ada konsep bahawa Malaysia akan *nationalize industry* dan seterusnya. Itu sebab saya terima perkara tersebut.

■1720

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, terima kasih Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Saya hanya menjawab satu lagi perkara tadi yang mengatakan ada *option* lain

yang pihak Kerajaan Pusat boleh ambil dan satu daripadanya, Menteri tidak ada kuasa untuk ambil alih aset di bawah WSIA tetapi di bawah seksyen 114 kita boleh mengambil alih kuasa pentadbiran dan urusan air tetapi tidak boleh *take over asset* mengikut perundangan tersebut. Pihak kementerian, jika semua gagal, masih mempunyai *option* tersebut tetapi bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang daripada sektor swasta *feedback* yang kami terima ialah untuk menggunakan 114 perlu difikir panjang-panjang. Dia ada *infringement* kepada *willing buyer-willing seller concept*, dan antara kuasa yang boleh diambil balik...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *Why is there infringement? Kita ada undang-undang, kita luluskan dalam Dewan ini untuk digunakan... [Dewan riuh]*

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak tertib Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tidak, tidak. Kita ada undang-undang, tidak boleh gunakan sewenang-wenangnya. Ya, sewenang-wenangnya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi tadi sudah kata krisis, sudah darurat... *[Dewan riuh]* Orang sudah tidak boleh datang, ramai yang sudah mati. Tidak ada air. Tadi pun Yang Berhormat Tanjong Karang- seminggu. Sudah jadi krisis.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya katakan, saya belum beri jalan, saya belum beri jalan. *Come on* lah, *Speaker*. Saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam. Menteri minta tolong duduk, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ada *option*, ada *option* andainya ini gagal. *We are still willing to give diplomacy between two states. Number one-* adalah *the interest of the people* dan pengguna-pengguna air. *Option* nombor satu ini iaitu persetujuan antara dua buah negeri dan Persekutuan. Kalau gagal, 114 kita boleh pakai. Kalau gagal *I can declare emergency and* tentera masuk kerana air masuk. *Do you want to do that? No! We want to avoid that. I am trying to use diplomacy and...*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Don't* begitu *melodramatic*. *Please* lah... *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Shah Alam jawab air negeri Selangor. Saya hendak rekod.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Menteri.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara][Ketawa]*

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Margin- Tuan Yang di-Pertua, margin pada saat ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Seorang-seorang Yang Berhormat, seorang-seorang.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri, undang-undang...

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: ...Dulu, 5 hari bulan, dia punya margin 4.6. Margin tidak cukup air.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: *No.* Inilah antaranya yang *you have to solve.*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau didakwa *non-revenue water* sekarang ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam...

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Lebih senang untuk dikatakan. *Non-revenue water* antara yang paling mahal.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Non-revenue water 30%...*

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Ini apa *non-revenue water*? Tidak ada kena-mengena. Janganlah bisings... *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Duduklah. Sebab itulah perangai yang macam inilah PAS tolak dia. Buat malulah, nasib baik bukan- memalukan. Lain yang dicakapkan lain yang dibahas. Apakah ini?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau tidak boleh jawab itu tidak apalah. Sudah tidak boleh jawab tidak apalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak reti bahasa, lain yang dicakapkan lain yang dibahas, apakah ini? Duduklah Yang Berhormat Shah Alam. Mabuk kah, tidak reti bahasa? Lain cakap lain bahas ini.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya sudah minta laluan.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: *You* kena *blame* juga operator. Permit-permit tidak diberi untuk melakukan penambahbaikan mitigasi, bagaimanakah? *Itulah before the corporation. Now is before the corporation...*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Bilakah kita tidak berikan kebenaran untuk hendak tukar paip-paip yang bocor? Yang Berhormat Menteri, tolong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kita sudah banyak kali meminta supaya *maintenance* dilakukan, supaya syarat-syarat kontrak itu dapat dipenuhi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat..

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tidak.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak pula.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Dalam masa lampau, banyak masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat, dengar jawapan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Permit tidak diberi. Hendak tukar *joint* tidak boleh. So, pada masa-masa itu dalam perjanjian ada persetujuan naik tarif. Naik tarif tidak dibenarkan jadi itulah dingdong akhirnya *we have to come in*.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, *last*.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Mencelah Menteri sebab Menteri sebut satu perkara yang cukup penting tadi iaitu keengganan Menteri untuk menggunakan kuasa di bawah seksyen 114 itu kononnya kerana tidak mahu bagi isyarat yang begitu negatif kepada industri. Baik dan Menteri juga sebut bahawa kita tidak mahu bagi gambaran bahawa ada dengan izin, *nationalization*. Beberapa kali sudah Kerajaan Barisan Nasional sendiri malah Dewan ini sendiri baik undang-undang ataupun baik *bailout* ataupun pengambilalihan yang sebenarnya adalah *nationalization*.

Saya bagi contoh Indah Water Konsortium yang dahulu diswastakan tetapi diambil alih, tidak timbul pula soal *non willing buyer-willing seller basis*, dan Dewan ini pada sesi yang lepas telah meluluskan undang-undang untuk *nationalized MAS*.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Ini apa ini fasal lain pula ini. Ini Indah Water...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pandan duduk, Yang Berhormat... [*Dewan riuh*]

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak payah hantar tentera pun, tidak payah hantar tentera pun... [*Dewan riuh*]

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Kenapa guna alasan itu...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Ini fasal air Indah Water, fasal lain. Jangan pusing-posing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Kota Tinggi.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Akan tetapi tidak guna alasan *non willing buyer-willing seller* ini untuk semua pengambilalihan yang menguntungkan kawan-kawan kroni macam IWK.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pandan. Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Jangan pusing-pusing Yang Berhormat Pandan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya rasa begitu luas sentuhan itu pakai forum yang lainlah Yang Berhormat Pandan. *I know you* suka berbahas.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: ...Menteri tidak jawab... [*Dewan riu*]

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Jangan pusing, Yang Berhormat Pandan. Jangan pusing. *You did not...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pandan. Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Sebentar Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Daripada segi... Kalau kementerian masuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apa *proceed*, Yang Berhormat, *proceed*.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ia melibatkan RM7.6 *billion* bon untuk konsesi ini. *We intervene the signal you give to international committee*, mereka katakan adalah begitu. *So, that is why* kita perlu...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: MAS RM6 bilion diluluskan di Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pandan.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Untuk tujuan, ini masih *option* yang kita boleh gunakan tetapi sebagai kementerian dan juga *regulator* yang bertanggungjawab kita perlu ambil kira pendekatan daripada segi pihak swasta dan seterusnya *but the real option is in my pocket*. Kabinet sudah luluskan tetapi *I would like to*, dengan izin, *the diplomacy part, if not I can use it anytime*. Kalau kamu sokong pembangkang, sokong khususnya, kita *take* kepada 114 boleh tetapi *it will not necessary* selesai *because* asetnya tidak boleh diambil oleh kerajaan di bawah akta tersebut.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Bagi pihak sebelah sini kita sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat..

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya mahu katakan sebenarnya kedudukan 593 permohonan pelbagai. Ini yang menggunakan 377.5 juta liter dan dengan itu yang *last count* yang telah kita gunakan hampir 800 telah kita tundakan, kita *review*. Saat ini hampir 600 permohonan yang terpaksa ditolak dan ditangguhkan oleh sebab tidak mencukupi. Kalau SPAN katakan ia boleh dilaksanakan tetapi satu hari tidak ada air maka dia boleh juga menggunakan perihal undang-undang kepada kita.

Untuk itu saya katakan di sini untuk menggulung bahawa dua perjumpaan saya telah adakan bersama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. *The last one just* pada hari Jumaat...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat, isu tanah kena jawab. Tanah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Pada hari kelmarin pegawai-pegawai telah pun bermesyuarat untuk halusi *supplementary agreement*. Mudah-mudahan dalam tempoh dua minggu ini sebab *the delay is not on our side, you know*. Kita punya *agreement* sudah sedia semua itu, kita *renew* dua kali tetapi apabila Menteri Besar yang baru mula bertugas dia tidak mahu tandatangan dahulu dan seterusnya sebab bagi kita di Kerajaan Persekutuan kita perlu aset *equivalent to* 1.68 minimum daripada RM2 bilion yang telah kita *commit* untuk bantu Selangor. Kita perlu senarai aset dan itulah *condition precedent* banyak aset yang mereka belum kemas kini dan *there is some issue there*, nombor satu...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Isu tanah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pandan belum jawab.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Nanti saya akan balik, nanti saya akan balik fasal itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat masa sudah habis, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: ...Dua buah aset itu ialah Sungai Bukit Nanas dan Semenyih yang dimasukkan dalam senarai yang dikatakan Selangor milik mereka adalah tidak betul. Ini milik Kerajaan Persekutuan melalui Akta Penubuhan Wilayah Persekutuan tetapi barangkali ada asas untuk hendak *contest* itu daripada segi peningkatan nilai ataupun input aset yang mereka telah bina selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur-Putrajaya. So, kita katakan, boleh runding bersama dalam perkara ini tetapi memang dia milik Persekutuan. Jadi keluarkan daripada penilaian aset, mereka telah ganti dengan empat buah aset yang baru. Kalau dapat diselesaikan dalam masa dua minggu ini, mudah-mudahan boleh beres dan dengan itu hal-hal yang lain ini.

■1730

Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga telah memberi jaminan semua permit pada saat ini yang ada permit belum diberi atau ditarik balik oleh Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Subang Jaya dan seterusnya. Kalau *supplementary agreement* itu dapat diselesaikan dalam dua minggu ini, kerajaan negeri mengatakan semua permit ini boleh di isu semula supaya perancangan untuk siap pada tahun 2018 sekarang ini dapat dicapai.

Daripada segi tanah yang saya katakan tadi, amalan dalam perjanjian dengan negeri-negeri lain kita gunakan definisi yang sama iaitu daripada definisi *asset concessionaire* air termasuk aset tanah di atas dan di bawah okey. Akan tetapi apabila kita kaji, *you know* pihak Kerajaan Pusat pun sedia juga untuk berunding kerana *most of the land* yang paip duduk itu pun *reserve, many pipe*

reserve. Jadi *pipe reserve* pun *cannot reassign* dan *I don't think pembangkang will carry the pipes away, you know* masalah tanah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya masa sudah habis Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya kami telah beri kelonggaran. Okeylah. Paip tanpa tanah bisa tetapi *you give me enough asset* seperti amalan kita telah beri kepada negeri-negeri yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Setakat itu.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: So dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan kalau ada persoalan yang tidak jelas saya sedia memberi taklimat khas termasuk pembangkang untuk mengerti apa sebenarnya kedudukan terkini.

Mudah-mudahan ada *good will* dan dalam tempoh terdekat ini yang mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor ada perubahan daripada segi pengertian bahawa *the situation is urgent*, kalau tidak Kerajaan Pusat tidak akan lari daripada tanggungjawab menggunakan apa juga undang-undang yang ada demi kesejahteraan rakyat di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mendengar dengan kagum bagaimana Tuan Yang di-Pertua memuji tertib Yang Berhormat Pandan tadi tetapi dalam sini tergelincir Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup di bawah perbahasan Usul Mesyuarat 18(1) dan dengan demikian saya tutup perbahasan ini.

Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menyambung jawapan.

5.33 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Saya ingin menyambung jawapan mengenai Akta Institusi Kewangan Pembangunan (IKP). Yang Berhormat Rompin telah menyatakan beberapa data pencapaian yang lebih baik dalam menjalankan mandat dengan pertumbuhan pembiayaan yang tinggi sebanyak lima kali ganda iaitu tahun 2002 sebanyak RM25.2 bilion dan pada akhir tahun 2014 bertambah menjadi RM128.5 bilion. Modal perniagaan untuk IKP juga lebih mapan dengan jumlah keseluruhan modal sebanyak RM28.9 bilion pada Disember 2014 dibandingkan dengan RM14.1 bilion pada akhir tahun 2002.

Kualiti aset keseluruhan yang lebih stabil berbanding dengan nisbah pinjaman terjejas (NPL) sebanyak 4.7% pada tahun 2002, NPL untuk IKP ialah 14.9% tetapi di hujung Disember tahun 2014 NPL untuk IKP hanya 4.7%. Seterusnya penggemblengan simpanan yang tinggi sebanyak lima kali ganda pada akhir tahun 2002 sebanyak RM24.2 bilion, bertambah kepada RM103.2 bilion pada akhir tahun 2014.

Pusat akses yang lebih banyak untuk perkhidmatan perbankan dengan jumlah cawangan sebanyak 796 pada tahun 2014. Akhir tahun 2005, 683 tidak termasuk ejen bank. Saya telah menyebut tadi ejen Bank BSN pada tahun 2014 berjumlah 5,753 iaitu 92.5% daripada ejen bank di seluruh Malaysia dan keseluruhan ejen bank ialah 6,222 yang telah memudahkan rakyat mendapatkan akses perkhidmatan bank.

Kemudian satu lagi kejayaan IKP ialah pengukuhan tadbir urus korporat dengan jumlah Ahli Lembaga Pengarah bebas yang lebih tinggi 72% iaitu 34 orang Pengarah dibandingkan pada tahun 2002 28 orang Pengarah atau 65% adalah Lembaga Pengarah bebas dengan majoriti daripada sektor swasta 71%. Manakala selebihnya adalah bekas pegawai kerajaan.

Yang Berhormat Kuala Kangsar bertanya tentang pembiayaan kepada sektor baru seperti geoterma. Sektor teknologi hijau boleh mendapatkan pembiayaan dari bank melalui Skim Pembiayaan Teknologi Hijau. Peruntukan sebanyak RM3 bilion ini termasuk melalui bank komersial, melalui IKP dan juga *Malaysia Debt Venture*. Setakat ini hampir RM2 bilion telah diluluskan untuk membiayai sektor baru sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Yang Berhormat Tuaran mencadangkan penubuhan bank wanita. Untuk ketika ini kita belum berhasrat untuk menubuhkan bank wanita. Ini kerana kita telah memberikan akses perkhidmatan kewangan bagi wanita dan akses itu ialah tinggi dan baik dan tiada diskriminasi untuk wanita mendapat pinjaman. Sebagai contoh kita ada Program Pembiayaan Bagi Usahawan Wanita yang dilancarkan oleh SME Bank dengan peruntukan sebanyak RM200 juta untuk memberi bantuan kepada usahawan wanita di bawah kategori PKS yang bersaiz kecil dan sederhana untuk mendapat pembiayaan bagi pengembangan perniagaan mereka.

Amanah Ikhtiar sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Tuaran memang benar setakat tahun 2014 lebih 306,576 orang peminjam dengan pembiayaan terkumpul sebanyak RM11.7 bilion sudah kita beri melalui Skim Kredit Mikro Amanah Ikhtiar Malaysia di 137 buah cawangan seluruh negara. Kita ingin memaklumkan di sini bahawa 99% daripada peminjam Amanah Ikhtiar Malaysia wanita dan NPL terlalu kecil iaitu hanya 1% hingga 2% sahaja. Lain kali kalau kita hendak pinjaman, kita bagi pinjaman kepada wanita kerana mereka pembayar yang baik
[Tepuk]

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: *[Bangun]*

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak ekor apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Tuaran sebab perkara ini banyak diperbincangkan dalam Jawatankuasa Sekretariat Wanita UMNO dan juga yang lainnya. Satu usul telah dibuat mengenai penubuhan bank wanita ini dan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri juga yang menyatakan bahawa kadar pembayaran balik daripada usahawan-usahawan wanita yang meminjam ini adalah sangat tinggi.

Jadi kalau sekiranya itu satu faktor, mengapa tidak kementerian juga membuat *special link* untuk wanita sebabnya memudahkan mereka untuk mendapat maklum balas dari bank-bank tersebut. Saya dimaklumkan SME Bank ada *special link* untuk wanita tetapi bagaimana juga dengan bank-bank yang lain. Ini kerana pada saya ini adalah sangat penting dalam usaha untuk kita memberi tumpuan khusus kepada wanita-wanita terutamanya wanita-wanita usahawan ini. Minta pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Ia satu pandangan yang baik. Saya ingin membuat pengumuman bahawa saya pencinta wanita dan pastinya begitu juga lelaki-lelaki yang lain yang ada dalam Dewan Rakyat ini. Memang wanita pembayar yang baik. Kita sentiasa memberikan perhatian kepada wanita.

Kita ada RM50 juta lagi untuk usahawan wanita oleh CGC atau *Credit Guaranty Corporation* dengan jaminan portfolio RM50 juta untuk usahawan wanita dan *SME Corporation* telah menubuhkan panel usahawan wanita untuk menggalakkan lagi usahawan wanita bergiat dalam perniagaan. Panel perniagaan wanita ini dianggotai oleh kedua-dua sektor swasta dan kerajaan dan bertindak sebagai penasihat untuk memberikan cadangan bagi menambah baik program sedia ada dan mewujudkan program baru khusus untuk membantu wanita.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya Yang Berhormat Tuaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila.

■1740

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Antara asas cadangan saya tadi itu ialah bagaimana kerajaan boleh membantu usahawan-usahawan wanita yang sudah graduan daripada Amanah Ikhtiar itu. Kita akui banyak yang telah diberi bantuan dari pelbagai bank dan sebagainya. Itu kita akui tetapi bagaimana kita membantu mereka yang sudah *graduate*, yang sudah meminjam lebih RM100,000 dan sebagainya? Bagaimanakah konsep *Grameen Bank* itu? Amanah Ikhtiar itu dapat diteruskan ataupun ada usahawan wanita yang sudah semakin berjaya. Itu sebenarnya *point* saya, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Kepada mereka yang telah *graduate* daripada Amanah Ikhtiar, tentunya kita ada pelbagai bank komersial untuk membantu mereka. Baru-baru ini saya menghadiri dua program besar Amanah Ikhtiar dan saya memahami mengenai proses di Amanah Ikhtiar ini. Segala mereka yang telah *graduate* itu pernah diberikan *award* yang tertentu. Saya sendiri yang memberikannya dan sebahagian daripada mereka itu saya bertanya apakah perniagaan mereka sekarang? Di manakah pinjaman yang mereka dapat? Kebanyakan mereka menyatakan memang bermula dengan Amanah Ikhtiar tetapi selepas itu mereka menggunakan pinjaman daripada komersial bank setelah mereka berjaya dalam perniagaan masing-masing.

Kita juga ada sebagaimana yang telah disentuh tadi iaitu TEKUN. TEKUN ini juga satu kaedah selain daripada Amanah Ikhtiar ataupun graduan Amanah Ikhtiar yang pinjaman RM3,000 hingga RM50,000 juga boleh mendapatkan pinjaman-pinjaman lain seperti Tabung Ekonomi

Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN). Setakat ini RM3.3 bilion, 395,215 orang peniaga telah dibantu oleh TEKUN dan ada di 198 buah cawangan di seluruh Malaysia- 22 buah Pusat Pembangunan Usahawan di seluruh negara. Amanah Ikhtiar dan Yayasan TEKUN ini kedua-duanya bukan di bawah Bank Negara Malaysia tetapi dikawal selia oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk TEKUN.

Amanah Ikhtiar pula dikawal selia oleh sebuah Lembaga pemegang amanah yang terdiri daripada wakil-wakil pelbagai kementerian, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kita akan meneruskan kedua-dua ikhtiar ini untuk mereka menjadi usahawan yang lebih besar daripada apa yang ada sekarang.

Seterusnya, Yang Berhormat Kelana Jaya dan Yang Berhormat Rompin. Saya ingin memaklumkan di sini mengenai pembiayaan Islamik Institusi Kewangan Pembangunan ini.

BANK	PEMBIAYAAN ISLAMIK (Peratus / %)
SME Bank	86.2
EXIM Bank	34.6
Bank Pembangunan	27.4
BSN	65.8
Agro Bank	96.4
Bank Rakyat	100

Kesemua institusi perbankan Islam di Malaysia, Yang Berhormat Kelana Jaya, beroperasi berdasarkan nilai-nilai Syariah dan dikawal selia serta mematuhi piawaian tinggi Bank Negara Malaysia. Produk-produk perbankan dikaji oleh jawatankuasa Syariah institusi perbankan masing-masing dan disahkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. Sebarang *fi* atau *charge* yang dikenakan perlu menepati keperluan syariah, di mana ia tidak boleh menindas pelanggan. Di samping itu, terdapat pemantauan agar caj dan *fi* yang dikenakan oleh kesemua institusi di bawah kawalan seliaan Bank Negara Malaysia adalah konsisten dan saksama.

Seterusnya, kuasa diberikan kepada Menteri untuk memecat dan melantik CEO. Proses pelantikan dan pemecatan seseorang pengarah atau ketua pegawai eksekutif dijalankan oleh IKP sendiri sebenarnya. Menteri hanya boleh meluluskan calon pengarah dan CEO yang telah disahkan sebagai *fit and proper* ataupun layak dan sesuai oleh Bank Negara Malaysia. Bagi pemecatan, tindakan tersebut akan diambil oleh Bank Negara dengan persetujuan Menteri apabila seseorang pengarah atau CEO hilang kelayakan untuk memegang jawatan tersebut. Antara punca-punca pemecatan atau hilang kelayakan ialah seperti berikut:

- (i) melakukan kesalahan jenayah;
- (ii) muflis; dan
- (iii) dikenakan kompaun lebih daripada RM20,000 atau dikenakan penjara lebih setahun.

Jika didapati mana-mana pengarah atau CEO yang ada punca-punca pemecatan ini, maka Bank Negara akan mengambil tindakan.

Seterusnya ialah mengenai mandat-mandat yang diberikan oleh IKP. Ada enam Institusi Kewangan Pembangunan.

- (i) BSN;
- (ii) Agrobank;
- (iii) Bank Rakyat;
- (iv) Bank Pembangunan;
- (v) SME Bank; dan
- (vi) EXIM Bank.

Untuk Bank Rakyat, memberi pinjaman. Ini mandat. Memberi pinjaman dan pembiayaan kepada ahli dan bukan ahli Bank Rakyat untuk pembelian barangan pengguna, pembiayaan peribadi, aktiviti pertanian, aktiviti pengeluaran, pemasaran, perkilangan, perikanan, pengangkutan, perumahan, aktiviti perniagaan, pajak gadai, pendidikan, sewa beli, pajakan, pembiayaan kontrak dan pembiayaan saham dan jaminan kepada ahli dan bukan ahli.

Mengenai isu yang dibangkitkan tentang bank pembangunan ini, khusus tentang pinjaman kepada Deepak Jaikishan. Terma-terma penstrukturan semula pinjaman telah dibuat dan buat masa ini telah dipatuhi sejak Januari 2014. Cek-cek yang telah diberikan itu semuanya telah dilunaskan tanpa sebarang tunggakan. Kaedah pembayaran kepada bank...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah Yang Berhormat Menteri?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Sabar dahulu. Belum habis.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tidak apalah. Saya tanya boleh mencelah atau tidak.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tidak. Sekejap lagi ya. Kaedah pembayaran kepada bank ini, ada pelbagai kaedah. Antaranya boleh dibuat melalui pemetongan, boleh dibuat secara tunai, boleh dibuat dengan pembayaran cek, boleh dibuat dengan arahan tetap, boleh dibuat dengan pindahan. Dalam kes Deepak Jaikishan ini, diberikan *post-dated cheque* dan *post-dated cheque* ini setakat ini, 14 buah cek telah dilunaskan tanpa sebarang tunggakan. Jadi, mandat Bank Rakyat saya sudah baca tadi. Apa yang dibuat, perniagaan yang diberi pinjam kepada Deepak itu memenuhi mandat Bank Rakyat yang begitu luas. Setakat ini, segala terma penstrukturan semula telah dipatuhi. Itu mengenai Deepak Jaikishan.

Seterusnya, mengenai mandat kepada EXIM Bank. Menyediakan kemudahan kredit untuk membiayai dan menyokong eksport dan import barangan, perkhidmatan dan pembiayaan projek luar negara dengan tumpuan kepada pasaran bukan tradisional dan juga untuk menyediakan perkhidmatan insurans kredit eksport, eksport insurans pembiayaan, insurans pelaburan di luar negeri dan kemudahan jaminan dan juga perkhidmatan lain yang biasa ditawarkan oleh institusi kewangan eksport/import dan institusi kewangan insurans kredit. Itu mandat mengenai EXIM Bank.

Saya ingin memaklumkan bahawa pinjaman 1MDB memenuhi mandat tersebut. Pinjaman itu adalah mengenai eksport jana kuasa tenaga ke luar negara. Oleh sebab 1MDB telah beroperasi

di Pakistan, di Bangladesh, di Mesir dan di UAE. Oleh sebab itu, ia adalah bersesuaian dengan mandat EXIM Bank. Pinjaman itu bersesuaian untuk menyelenggarakan loji jana kuasa tersebut, untuk menaik taraf dan operasi yang melibatkan tenaga ataupun IPP. 30.8% *segment energy* oleh 1MDB adalah di pasaran luar negara. Oleh sebab itu, mandat adalah tepat dan EXIM Bank berhak untuk memberikan pinjaman kepada 1MDB. Itu mengenai 1MDB.

■1750

Satu lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pandan ialah pinjaman kepada ABNxcess. Sebelum itu, bagi saya membaca apakah mandat pada Bank Pembangunan, iaitu menyediakan pembiayaan jangka sederhana dan panjang bagi projek-projek infrastruktur, maritim, industri teknologi tinggi dan yang memerlukan modal intensif dalam sektor pembuatan dan sektor terpilih sejajar dengan dasar pembangunan negara. Bererti, mandat yang diberikan untuk ABNxcess menepati mandat Bank Pembangunan untuk memberikan pinjaman kepada industri teknologi tinggi.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa tujuan pinjaman membiayai penyediaan TV berbayar berdasarkan teknologi fiber optik. Ramai menyebut bahawa khidmat Astro di Malaysia berbentuk monopoli dan semakin mahal. Kewujudan ABNxcess diharap boleh memberi saingan alternatif dan akhirnya memberi faedah kepada rakyat.

Setakat ini, sebanyak RM206 juta telah diberikan dan terpenting, pembayaran telah dibuat mengikut jadual. Itu yang terpenting bahawa ABNxcess, pinjaman kepada Tan Sri Kenneth Eswaran, ya, pembayaran telah dibuat mengikut jadual. Itu yang terpenting yang saya ingin maklumkan mengenai tiga perkara yang telah disebut dan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pandan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Menteri. Saya juga mahu mendapat penjelasan lanjut daripada Menteri kepada jawapan-jawapan tadi. Pertama ialah tentang *post dated cheque* dan Menteri menjawab bahawa oleh sebab Deepak Jaikishan setakat ini 14 daripada 120 ceknya tidak tendang, maka itu dikira tidak menyalahi undang-undang dan juga mandat Bank Rakyat.

Jadi saya hendak tanya Menteri, apakah selepas ini kalau ada rakyat biasa yang hendak ambil pinjaman sampai puluh-puluh juta dengan memberi *post-dated cheque* ke Bank Rakyat? Apakah mereka akan diberi layanan yang sama seperti Deepak Jaikishan ini?

Soalan yang kedua juga seterusnya mengenai EXIM Bank. Menteri menjawab bahawa 1MDB diberikan RM540 juta oleh EXIM Bank. kerana untuk melabur di dalam penjana bebas di luar negara. Maksudnya itu begitu berlainan daripada kefahaman saya tentang EXIM Bank. untuk memudah cara aktiviti eksport dan import di negara ini dan bukannya pelaburan di luar negara.

Kalau itu jawapan Menteri, adakah Menteri bersetuju bahawa selepas ini mana-mana syarikat di negara ini, di Malaysia atau di Dewan ini, boleh sahaja pergi ke EXIM Bank. untuk meminjam wang untuk membeli hartanah di London? Ini kerana soal pelaburan di luar negara

seperti yang disebut oleh Menteri itu bukan sahaja IPP tetapi termasuklah juga hartanah, termasuklah juga perniagaan-perniagaan lain. Jadi kalau 1MDB diberikan RM540 juta atas dasar pelaburan luar negara dan bukan mudah cara eksport import, maknanya semua syarikat lain pun layak untuk mendapat wang itu untuk membuat pelaburan luar negara termasuklah membeli kondominium-kondominium mahal kerana itu pun pelaburan luar negara.

Soalan saya yang ketiga Menteri menjawab kononnya bahawa ABNxcross ini diberikan RM450 juta pinjaman walaupun tidak ada rekod yang baik kerana untuk menjadi pesaing kepada Astro. Saya hendak tanya Menteri, selepas mendapat RM450 juta ini dan beberapa tahun, adakah ABNxcross ini telah berjaya menjadi pesaing yang baik kepada Astro? Kenapakah Astro masih lagi menjadi monopoli dan harga dinaikkan begitu mudah? Sekarang ini Menteri langsung tidak menjawab bahawa pinjaman itu bukan sahaja ditanggung oleh rakyat tetapi khidmat yang diberikan oleh ABNxcross itu dipersoalkan oleh rakyat. Jadi apakah selepas ini kalau ada mana-mana syarikat ketiga yang hendak buka satu lagi syarikat untuk menjadi pesaing kepada ABNxcross dan Astro? Adakah Bank Pembangunan akan memberikan pembiayaan yang sama kalau itu dasar yang digunakan oleh Menteri? Terima kasih.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya sambung sedikit, Menteri.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya, Yang Berhormat Jasin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya tidak dapat peluang tadi hendak ambil bahagian perbahasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila sambung panjang-panjang. Sila, sila.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua bila tegur sahaja saya sudah hilang... Tetapi tidak apa Tuan Yang di-Pertua.

Apa yang saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kerajaan ini telah menubuhkan berbagai-bagai bank seperti Bank Pembangunan, Agrobank, BSN dan berbagai-bagai termasuk EXIM Bank dengan fungsi masing-masing. Apabila dipersoalkan tentang bank-bank ini termasuk EXIM Bank tadi, selain daripada aktiviti untuk usaha-usaha eksport dan import, EXIM Bank juga berfungsi untuk produk-produk dan perkhidmatan serta pelaburan luar negara. Apabila dipersoalkan konon 1MDB ada membuat pinjaman, sebenarnya pinjaman ini adalah termasuk satu daripada fungsi yang telah digariskan untuk EXIM Bank.

Saya lihat Tuan Yang di-Pertua, dari semenjak pembentangan RMKe-11, banyak perbahasan kita sampai telah diterangkan oleh Menteri Kewangan II. Kita seolah-olah sekarang telah menghukum 1MDB walaupun keputusannya belum kita peroleh. Kerajaan telah menunjukkan keterbukaan kita, bukan sahaja mengadakan audit sekarang, sekarang serahkan kepada AG, lepas itu tidak puas hati serah pada PAC. Akan tetapi apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab terutamanya pembangkang telah *viralkan* perkara ini seolah-olah kita telah menghukum 1MDB. Bahkan syarikat ini sebuah syarikat yang *going concern*,

yang telah mencatatkan ada keuntungan. Walaupun ada sedikit kerugian tetapi apa yang kita sebut sekarang telah menjadikan satu kerosakan yang cukup luas sekali.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sebenarnya hasil daripada perbuatan yang tidak bermaruah daripada mereka yang tidak bertanggungjawab seolah-olah mereka buat satu cara sistematik mahu menjatuhkan syarikat ini yang telah banyak membantu orang-orang kampung, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, setakat manakah kerosakan yang telah berlaku akibat daripada perbuatan yang tidak bermoral daripada mereka yang tidak bertanggungjawab menghukum Syarikat 1MDB walaupun tidak lagi kita buktikan kesalahan dan kesahihan tersebut? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. 1MDB ini telah dijawab oleh Menteri Kewangan II di dalam Dewan ini terutama...

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya hendak sambung sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: ...Dan kita juga telah menjawab di...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Jasin hendak sambung lagi.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Okey.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Bukan sahaja memburukkan syarikat tetapi menghukum, menghina, mencemuh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan keluarga sekali. Adakah kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan atas perbuatan mereka ini? Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Daripada segi tuduhan-tuduhan terhadap Perdana Menteri dan keluarganya, beliau secara peribadi telah menyaman tiga pihak yang satu Malaysia sudah tahu siapa pihak-pihak itu dan saya tidak perlu mengulang di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya elok.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *[Bangun]*

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga setuju dengan Yang Berhormat Jasin tadi. Oleh sebab ada orang yang menghina, memalukan Menteri Kewangan, saya rasa tindakan harus diambil terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir juga. Saya setuju yang itu, setuju dengan Yang Berhormat Jasin. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tidak apalah, saya tak nak menjawablah itu. Akan tetapi di luar sana saya ada menjawab dua kali mengenai Tun Dr. Mahathir. Pertama, apabila Tun Dr. Mahathir menyatakan tentang GST maka saya menyebut beliau tidak jelas tentang GST. Itu saya sebut. Kemudian baru-baru ini saya menyebut bahawa antara banyak-banyak punca kemerosotan Ringgit dan sebagainya itu adalah kerana serangan-serangan bekas Perdana Menteri.

Dia ada tiga sebab yang ditaklimatkan kepada saya oleh Gabenor Bank Negara dan Timbalan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zety Akhtar Aziz dan Dato' Muhammad Ibrahim.

Mengapakah berlaku kemerosotan ringgit itu? Pertama ialah kerana Kerajaan Amerika belum lagi menetapkan nilai kadar faedah di negara mereka. Ia menjadikan suatu ketidakpastian di pasaran dunia. Itu yang pertama. Kedua, kerana kemerosotan daripada segi harga barangan komoditi seperti sawit, getah dan terutama minyak. Itu yang kedua. Ketiga, mengapakah pelabur yakin kepada negara Malaysia?

■1800

Pelabur yakin kerana kestabilan politik dalam negara kita. Akan tetapi apabila kestabilan politik itu diganggu dengan serangan-serangan sebagaimana yang dibuat oleh Tun Dr. Mahathir maka berlaku ketidakpastian di kalangan persepsi pelabur. Itu tiga perkara yang ditakliskan pada saya. Saya bukan memandai-mandai menyatakan Tun Mahathir punca tanpa maklumat-maklumat dan maklum balas yang sahih dari Bank Negara.

Mengenai mandat EXIM Bank, sekali lagi saya baca. Mungkin Yang Berhormat Pandan dia tidak berapa jelas. Tidak apalah. Mandat EXIM Bank iaitu menyediakan kemudahan kredit, ini mandat yang dikeluarkan untuk EXIM Bank. Kemudahan Kredit untuk membiayai dan menyokong eksport dan import barangan, perkhidmatan dan pembiayaan projek luar negara dengan tumpuan pada pasaran bukan tradisional.

Tentunya jana kuasa ini bukan tradisional dan kelulusan kerana 30.8% daripada segmen *energy* ataupun tenaga oleh 1MDB adalah di pasaran luar negara. Saya sudah sebut tadi Pakistan, Bangladesh, Mesir, UAE, itu sebab mandat itu adalah sesuai dengan apa yang disebut oleh EXIM Bank, maka kita luluskan pinjaman yang berkaitan. Pinjaman itu digunakan untuk menyelenggarakan loji-loji itu untuk menaik taraf operasi yang khusus untuk melibatkan tenaga.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bangun]*

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Sila.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang betul bahawa 1MDB mempunyai loji-loji tenaga di luar negeri. Seperti apa yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi, mandat yang diberikan oleh EXIM Bank merupakan pelaburan di luar negeri dalam sektor-sektor yang strategik, mungkin. Akan tetapi apa yang berlaku sekarang ialah pembelian tanah dalam negeri. Itu pun kalau khusus untuk membina loji di kawasan tersebut. Apakah kaitan pembinaan loji dalam negeri dengan fakta bahawa ia mempunyai loji di negara-negara lain? Tujuan pinjaman ini adalah untuk loji dalam negeri, tiada kaitan langsung dengan loji-loji yang ada di luar negara, itu nombor satu.

Nombor dua, nilai harga yang perlu dibayar adalah hanya RM262 juta. Kenapa pula EXIM Bank memberikan pinjaman sebanyak RM560 juta jauh lebih daripada apa yang diperlukan untuk membiayai kos tanah tersebut.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Boleh saya tanya pada Yang Berhormat? Beli tanah kat mana? Syarikat siapa? Syarikat apa, beli tanah di mana?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Ini dibeli di Pulau Indah, luar negeri.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Pinjaman pada syarikat apa Yang Berhormat?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Pinjaman diberikan kepada syarikat 1MDB antara anak syarikat dia untuk membeli tanah daripada Tadmax Resources.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Saya ingin menyatakan bahawa tuduhan Yang Berhormat itu daripada maklumat yang saya ada adalah tidak benar. Itu sahajalah.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Perkara ini telah pun dijelaskan oleh Timbalan Menteri Kewangan II pada dua malam yang lalu.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Saya ada jawapan Timbalan Menteri Kewangan, ada di sini satu persatu. Dia tidak ada menyebut pinjaman itu diberikan kepada syarikat untuk membeli tanah. Dia tidak sebut.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Soalan yang saya bangkitkan pinjaman digunakan untuk beli tanah dan Menteri pun jawab apakah asas penilaian tanah itu dalam harga RM21.80 [*Ketawa*] Apa ini, kalau Menteri datang sebut pinjam tidak digunakan untuk beli tanah, saya terima tetapi Menteri tidak sebut begitu. Menteri pula ulaskan kenapa tanah itu dibeli dengan RM21 satu kaki persegi.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tidak ada disebut bahawa itu untuk anak syarikat 1MDB di sini. Ini jawapan yang ada di hadapan saya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya tanya Yang Berhormat Menteri sekarang. Adakah Menteri menafikan bahawa ada pinjaman Bank EXIM kepada syarikat ataupun anak syarikat 1MDB untuk membeli tanah di Pulau Indah dengan surat sokongan yang diberikan oleh Kabinet.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Saya ingin menyatakan bahawa memang ada, kerajaan telah memberikan *Letter of Support* kepada EXIM Bank bagi pinjaman yang dibuat oleh anak syarikat 1MDB. Memang benar dan maklumat yang diberikan kepada saya pada saat dan ketika ini adalah untuk membiayai berhubung tentang penyelenggaraan loji, naik taraf, operasi melibatkan tenaga dan ia adalah eksport jana kuasa tenaga ke luar negara. Memang pinjaman RM540 juta ada maklumat di tangan saya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya akan menyambung selepas ini kerana itu jelas tidak benar mengikut apa yang telah kita telah terima dalam PAC, walaupun saya tidak dibenarkan untuk menyebut apa yang disebut dalam PAC oleh pegawai kementerian.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ini maklumat yang ada di tangan saya pada saat dan ketika ini Yang Berhormat. Maklumat yang ada di tangan saya pada saat dan ketika ini, itulah dia maklumat. Maka saya menyampaikan maklumat yang ada di tangan saya pada saat dan ketika ini.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, macam inilah. Kalau maklumat tidak ada, tolong jawab pada Dewan saya akan semak maklumat itu dahulu, itu sahaja.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Okey.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Boleh tidak saya minta ruangan ataupun jasa baik daripada Yang Berhormat Menteri, kalau semak dan ada maklumat yang betul, sila edarkan kepada mereka yang bertanya di sini secara bertulis.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Okey, saya akan berikan secara bertulis.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri... *[Dewan riuh]*

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Apakah lagi? Boleh bercakaplah sesiapa yang menjerit itu apa salahnya? Kita ada masa lagi sehingga 7.30, kan. Siapakah yang menjerit-jerit itu?

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: *[Bangun]*

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Silakan.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Bukan saya hendak tanya sama ada maklumat terkini adakah Menteri akan memberikan jawapan yang terkini, terkini, terkini *[Ketawa]*

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Yang ada di tangan saya itulah dia. Saya sudah ulang dua kali. Tidak payah ulang sampai tiga kali. Boleh tengok *Hansard* bahawa pinjaman itu kepada anak syarikat 1MDB mengenai eksport jana kuasa tenaga ke luar negara. Ini memenuhi mandat 30.8% segmen *energy* oleh 1MDB, itu berada di pasaran luar negara untuk menyelenggarakan loji naik taraf operasi melibatkan tenaga. Itu maklumat yang ada di tangan saya sekarang. Jika ada maklumat tambahan lain kita akan maklumkan kepada dua orang ahli Yang Berhormat yang bertanya. Terima kasih. Ada lagi yang hendak menjerit-jerit?... Tidak ada?

Okey. Ini mengenai Deepak Jaikishan oleh Yang Berhormat Pandan. Saya sudah menyebut tadi bahawa terma-terma penstrukturan semula pinjaman itu telah dipenuhi oleh Deepak Jaikishan dan kaedahnya melalui bayaran untuk bayar bank macam-macam kaedah. Potongan, tunai, cek, arahan tetap, pindahan itu semua dibenarkan. Yang penting bayar, yang penting bayar mengikut jadual dan sebagaimana yang telah dimaklumkan bawah beliau membayar mengikut jadual. Itu yang saya ingin maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Okey, ada yang tidak puas hati tentang jawapan saya?

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Menteri tidak menjawab beberapa soalan yang saya tanyakan secara khusus terutamanya mengenai pinjaman RM450 juta kepada Tan Sri Kenneth Eswaran. Saya bertanya secara khusus sama ada Yang Berhormat Menteri boleh memberi jawapan dan jaminan di Dewan ini bahawa baki RM250 juta itu tidak akan diberikan kepada ABN memandangkan semua masalah yang ada sekarang ini bukan sahaja Dewan tetapi di luar Dewan sudah sedia maklum dengan masalah itu.

Soalan saya yang kedua yang Yang Berhormat Menteri tidak jawab ialah apakah tindakan akan diambil kepada mereka yang terbabit meluluskan pinjaman ataupun telah campur tangan di dalam pengurusan termasuklah Menteri dari Kuala Pilah yang telah mengeluarkan satu surat arahan khusus kepada pengurusan Bank Rakyat supaya memberi layanan istimewa kepada Deepak Jaikishan. Itu dua soalan yang saya harap Menteri boleh jawab secara khusus.

■1810

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya, terima kasih. Sama ada berlaku pelanggaran terhadap sesuatu akta akibat daripada sokongan seorang Menteri, itu tentunya sentiasa dikaji daripada semasa ke semasa. Semua Menteri dan Timbalan Menteri daripada semasa ke semasa mendapat dan memberi sokongan-sokongan tertentu. Itu terpulang kepada institusi-institusi yang berkaitan berdasarkan kepada mandat yang diberikan kepada mereka untuk memenuhi ataupun tidak segala sokongan itu.

Saya sendiri ada memberikan sokongan-sokongan yang tertentu, banyak yang ditolak daripada yang diterima dan ia tidak menjadi masalah kerana yang penting ialah jika ia memenuhi mandat dan ia menepati segala syarat, setakat ini untuk IKP, saya ingin maklumkan bahawa pinjaman permohonan untuk IKP, 80% adalah diluluskan cuma 20% yang tidak diluluskan.

Kadang-kadang yang tidak diluluskan itu yang tidak cukup syarat, tidak cukup dokumen dan sebagainya. Itu yang kerap kali menimbulkan pelbagai tohmahan dan lain-lain dan agak bising berada di luar sana tapi hakikatnya ialah daripada 10 pinjaman, lapan lulus. Daripada 100 pinjaman, 80 lulus untuk IKP ini bagi segala pinjaman yang dibuat dan daripada pinjaman yang dipohon oleh ABNxcross, setakat ini RM206 juta telah dikeluarkan.

Permohonannya memanglah RM450 tetapi yang dikeluarkan RM206 juta dan yang terpenting yang saya ingin ulang sekali lagi bahawa pembayaran telah dibuat setakat ini mengikut jadual. Itu yang terpenting yang saya ingin nyatakan di sini dan ia adalah memenuhi mandat untuk memberikan pinjaman kepada sesuatu yang berteknologi tinggi sebagaimana yang cuba dibuat oleh ABNxcross. Masalah-masalah jika ada tentang perniagaan-perniagaan itu, itu kena diselesaikan oleh ABNxcross.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menyatakan di sini bahawa sebagai rumusan, Bank Rakyat mendapat beberapa anugerah. Pertama, *Best Islamic Bank 2014*, itu satu. Satu lagi ialah *number one Commodity Trading Participants for Bursa Suq Al Sila*, Bursa Malaysia Broker Award dan Agrobank misalnya dapat *The Best Brand in Financial Agricultural Banking 2012* dan 2013. Kemudian Bank Pembangunan, dana pemegang saham melebihi dua kali ganda, modal berbayar, SME Bank juga mendapat award yang tertentu dan contoh anugerah *Malaysia Green Technology Award* untuk SME Bank dan EXIM Bank, bank pertama di dunia yang menerbitkan sukuk dalam US Dollar dan telah berjaya mengendalikan antara dua ke tiga negara baru setiap tahun melalui pembiayaan dan urusan insurans kredit. Itu antara kejayaan-kejayaan IKP. Terima kasih, itu sahaja yang ingin saya sampaikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 114 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG BEKALAN ELEKTRIK (PINDAAN) 2015

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.16 ptg.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, Akta Bekalan Elektrik 1990 Akta 447 adalah bertujuan antara lain untuk memastikan industri pembekalan elektrik di Malaysia dikawal selia dengan baik, membekalkan elektrik pada harga yang munasabah, keselamatan para pengguna dilindungi dan penggunaan elektrik dengan cekap.

Pada tahun 2001, Akta 447 telah dipinda selaras dengan penubuhan Suruhanjaya Tenaga ataupun ST selaku badan kawal selia industri pembekalan elektrik yang juga ditubuhkan pada tahun yang sama. Namun begitu, pindaan yang dibuat pada ketika itu tidak banyak menyentuh isu-isu pembekalan elektrik semasa. Justeru itu, memandangkan Akta 447 telah berkuat kuasa melebihi 20 tahun semenjak ia diwartakan pada tahun 1990, maka Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah mencadangkan satu Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015 yang akan membuat penambahbaikan pada Akta 447 sedia ada bagi memastikan ianya kekal relevan dengan industri pembekalan elektrik terkini dan disesuaikan dengan perkembangan industri dan teknologi semasa.

Pindaan Akta 447 juga adalah selaras dengan Perubahan Transformasi Industri Bekalan Elektrik ataupun MESI pada tahun 2010. MyPOWER Corporation telah ditubuhkan untuk mengkaji dan menyelaraskan pelaksanaan susulan inisiatif tersebut secara bersepadu untuk menambah baik langkah kerja industri daripada aspek polisi dan tadbir urus, tarif bahan api dan struktur industri. Antara inisiatif tersebut adalah pengasingan aktiviti *single buyer* dan sistem operator daripada aktiviti utiliti, pembangunan rangka kerja ekonomi *dispatch*, penggubalan mekanisme kawal selia tarif yang efisien, pembangunan kapasiti penjenamaan baru yang berdaya saing, rundingan semula perjanjian pembelian tenaga, penggubalan dasar sekuriti bahan api,

penyelarasan peranan agensi tenaga, penyediaan rangka kerja perakaunan utiliti mengikut aktiviti dan pembangunan mekanisme penstabilan tarif.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015 ini adalah bagi membolehkan rangka kerja transformasi industri bekalan elektrik negara yang telah dilaksanakan secara pentadbiran sehingga kini dapat diperkukuhkan perundangan melalui penyediaan kerangka yang kukuh dan holistik. Selain itu, RUU ini juga akan memastikan Akta 447 yang merupakan akta ibu bagi industri bekalan elektrik kekal relevan dan seiring dengan perkembangan ekonomi dan teknologi semasa.

■1820

Rang undang-undang pindaan ini juga melibatkan penambahbaikan ke atas aspek pengurusan keselamatan dan perlindungan pengguna selaras dengan amalan baik industri. Sehubungan itu, pindaan Akta 447 menjurus kepada perkara-perkara berikut:

- (i) industri bekalan elektrik menjadi lebih telus, saksama dan berdaya maju di samping perancangan yang lebih teratur dan kemas;
- (ii) memastikan keselamatan infrastruktur bekalan dan pihak-pihak yang bertanggungjawab ke atas pemasangan, bertanggungjawab atas keselamatan elektrik, mempunyai program pengurusan keselamatan;
- (iii) kepentingan para pengguna dilindungi melalui standard prestasi pemegang lesen dan kecuaiannya pemegang lesen dibendung. Antara lain mereka hendaklah membetulkan kerosakan bagi memastikan keberterusan pembekalan elektrik;
- (iv) membolehkan teknologi terkini untuk pemeteran seperti meter pra bayar dan infrastruktur tele pemeteran diguna pakai dalam industri pembekalan elektrik dan infrastruktur bekalan elektrik digunakan juga untuk tujuan komunikasi jalur lebar, *broadband* dengan izin selaras dengan perkembangan teknologi terkini; dan
- (v) meningkatkan pematuhan melalui hukuman lebih berat serta membolehkan suruhanjaya menyelesaikan pertikaian dengan lebih cekap dan berkesan melalui skop kuasa penyelesaian yang lebih luas.

Tuan Yang di-Pertua, penambahbaikan yang dibuat ke atas pindaan Akta 447 juga adalah membolehkan pelaksanaan perkara-perkara berikut:

- (i) *Ring fencing* yang memisahkan aktiviti *single buyer* daripada operasi *National Load Dispatch Center (NLDC)* bagi meningkatkan ketelusan operasi;
- (ii) pengenalan mekanisme *fuel cost pass through* dalam penetapan tarif elektrik bagi mengurangkan risiko dan beban kewangan kepada utiliti yang disebabkan oleh perubahan harga bahan api di pasaran;
- (iii) penetapan prinsip *Economic Dispatch* dari loji-loji jana kuasa yang mengambil kira impak kepada negara;
- (iv) pelaksanaan rundingan semula terma *Power Purchase Agreement (PPA)* dengan IPP generasi pertama bertujuan mendapatkan pengurangan kadar bayaran *Capacity Rate Financial (CRF)*; dan

- (v) pemastian supaya langkah-langkah yang disarankan dilaksanakan sebagai secara holistik supaya matlamat penyusunan semula industri bekalan elektrik dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015 ini melibatkan pindaan peruntukan sedia ada dan juga cadangan pindaan baru yang antaranya adalah seperti berikut:

- (i) Seksyen 2 –Takrif. Tujuan pindaan ke atas semua takrif-takrif sedia adalah bagi memberikan penjelasan lebih terperinci atas sesuatu perkara. Misalnya dengan memasukkan selepas takrif, pegawai diberi kuasa takrif pembeli tunggal atau *single buyer* seperti berikut:
 - a) pembeli tunggal ertinya mana-mana orang atau sesuatu unit jabatan atau bahagian yang membentuk sebahagian daripada pemegang lesen yang diberi kuasa di bawah subseksyen 22B(1), bertanggungjawab bagi pengurusan peroleh elektrik dan perkhidmatan yang berkaitan yang termasuklah perancangan penjadualan, pemerolehan dan penyelesaian dan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang ditetapkan;
 - b) Seksyen 9(1) – lesen dikehendaki bagi penggunaan pemasangan terma syarat dan kandungan lesen. Mengekalkan Seksyen 9(1), Akta Bekalan Elektrik 1990 yang asal dengan pindaan iaitu dengan memberi kuasa kepada Menteri menetapkan dalam peraturan apa-apa terma dan syarat lesen pindaan baru Seksyen 9(1) adalah seperti berikut:
 - (i) tertakluk kepada apa-apa pengecualian yang diberikan di bawah akta ini, tiada seorang pun selain daripada pihak berkuasa boleh;
 - (a) menggunakan, mengerjakan atau mengendalikan atau membenarkan diguna, dikerja atau dikendalikan apa-apa pemasangan; atau
 - (b) membekalkan elektrik daripada mana-mana pemasangan kepada atau bagi kegunaan mana-mana orang lain, kecuali di bawah dan mengikut terma dan syarat sesuatu lesen sebagaimana yang ditetapkan yang membenarkan dengan nyata pembekalan atau penggunaan itu mengikut mana-mana yang berkenaan.
 - (ii) Seksyen 9A sampai ke 9E, obligasi untuk mengemukakan pelan perniagaan, kehendak bagi pelesenan, standard prestasi pembekalan dan perkhidmatan oleh pemegang lesen, akaun tahunan sepatutnya oleh pemegang lesen dan perkiraan bagi perolehan elektrik.
 - (iii) Seksyen baru 9D adalah dicadangkan seperti berikut iaitu:

- (1) pemegang lesen hendaklah menyimpan dan menyelenggara akaun aktiviti tahunan yang sepatutnya di bawah lesen yang mengandungi butir-butir yang mencukupi sebagaimana yang dikehendaki mengenai apa-apa hasil, kos, aset, liabiliti, rizab atau apa-apa perkara yang berkaitan; dan
 - (2) akaun itu hendaklah juga mengikut apa-apa garis panduan atau arahan sebagaimana yang dikeluarkan oleh suruhanjaya dari masa ke semasa kepada pemegang lesen dan akaun itu hendaklah dikemukakan kepada suruhanjaya dengan sewajarnya.
- (iv) subseksyen 26, kuasa untuk menetapkan tarif dan caj. Tujuan pindaan adalah supaya suatu kadar caj elektrik yang terhasil melalui kaedah-kaedah yang ditetapkan dalam garis panduan yang dikeluarkan Suruhanjaya Tenaga juga boleh diambil kira sebagai satu caj yang akan dikenakan kepada pelanggan. Tarif dan caj yang diluluskan di bawah subseksyen 1 boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada suatu kadar atau kuantum bayaran caj atau levi bagi apa-apa jumlah yang menurut mana-mana undang-undang bertulis yang lain atau mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya;
- (v) Seksyen 30 iaitu penentuan pertikaian. Pindaan ini bertujuan untuk memasukan Seksyen 9E bagi membolehkan apa-apa pertikaian berhubung pembelian elektrik yang tidak dapat diselesaikan sendiri oleh pihak berkaitan dirujuk kepada pihak Suruhanjaya Tenaga sekiranya difikirkan wajar bagi tujuan penyelesaian. Pindaan baru yang dicadangkan adalah seperti berikut:
- (1) sesuatu pertikaian antara dua orang atau lebih berkenaan dengan apa-apa perkara di bawah Seksyen 9E, 17, 20 sehingga 29 dan 32 hendaklah terlebih dahulu cuba diselesaikan melalui perundangan antara pihak-pihak kepada pertikaian itu;
 - (2) jika pihak-pihak kepada pertikaian itu tidak dapat atau selainnya tidak mencapai satu persetujuan untuk menyelesaikan perkara itu, pihak-pihak itu boleh mencari penyelesaian pertikaian itu melalui satu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh suruhanjaya untuk mendengar dan menyelesaikan pertikaian dengan syarat dalam hal yang difikirkan patut oleh suruhanjaya, pertikaian itu boleh ditentukan melalui timbang tara di bawah Seksyen 36.
- (vi) Seksyen 32 – caj bagi bekalan elektrik hendaklah ditentukan melalui meter yang sesuai. Seksyen ini dipinda bagi melindungi para pengguna dengan menambah baik peruntukan mengenai permeteran bekalan elektrik oleh pemegang lesen dan untuk membenarkan penggunaan meter pra bayar, infrastruktur pemeteran atau tele pemetaran dan juga untuk meter dipasang, ditentu ukur, diuji, ditentu usahakan dan diselenggarakan mengikut mana-mana peraturan, kod atau garis panduan yang boleh atau dikeluarkan di bawah akta ini;

- (vii) Bahagian VIIA, Seksyen 33B, 33E dan 33F. Pindaan ini ialah untuk menambah baik keselamatan pemasangan dan kelengkapan dan untuk membolehkan suruhanjaya memastikan dengan lebih baik pematuhan yang lebih ketat kepada kehendak keselamatan oleh pemegang lesen. Pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik, pemegang lesen bagi jualan, pemegang lesen bagi pemasangan persendirian dan orang yang tertakluk kepada akta;
- (viii) Bahagian IXA, Seksyen 44B, 44C, 44D, 44E. Subseksyen baru ini adalah untuk membolehkan sumbangan oleh pemegang lesen juga dan bagi penubuhan Kumpulan Wang Industri Bekalan Elektrik dan untuk memberi suruhanjaya kuasa untuk mengurus, mengendali dan membelanjakan dana tersebut. Kumpulan wang tersebut adalah untuk menangani isu-isu tarif dan isu-isu lain timbul dari masa ke semasa.
- (ix) Seksyen 45A – pengauditan pemegang lesen, pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik. Di bawah pindaan ini, pihak pemegang lesen, pemilik dan operator pemasangan elektrik bukan domestik boleh diaudit oleh Suruhanjaya Tenaga pada bila-bila masa atau dikehendaki untuk melantik pihak audit luar di mana kosnya adalah di bawah tanggungan pemegang lesen pemilik operator pemasangan sendiri bagi tujuan audit pematuhan ke atas semua kod dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga di bawah Akta 447.

■1830

Pindaan baru yang dicadangkan adalah seperti berikut; Suruhanjaya boleh menjalankan audit pada bila-bila masa atau pada apa-apa lat tempoh sebagaimana yang ditentukan olehnya menghendaki seseorang pemegang lesen atau pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik untuk melantik dengan kos yang ditanggung sendiri seorang pakar bebas untuk mengaudit apa-apa perkara di bawah bahagian IV dan keselamatan pemasangan dan kelengkapan Bahagian VIIA akta ini atau apa-apa maklumat yang diberi oleh pemegang lesen untuk pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik kepada Suruhanjaya.

- (x) Seksyen 53 - kuasa untuk membuat peraturan-peraturan di bawah seksyen ini pindaan telah dibuat untuk memperluaskan skop kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan di bawah akta termasuk perkara-perkara di bawah pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan, Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015 ini hendaklah dibuat setelah mengambil kira pandangan pihak industri dan *stakeholders* berkaitan, termasuk TNB dan pihak kesatuannya. Pindaan tersebut adalah dilihat amat bertepatan, khususnya bagi memastikan Akta Bekalan Elektrik 1990, Akta 447 kekal relevan dan meningkatkan daya saing negara. Terutama bagi industri pembekalan elektrik serta bagi memastikan kepentingan rakyat sentiasa dilindungi.

Pindaan ke atas Akta 447 juga diharapkan dapat memberi gambaran ketelusan dan kecekapan proses pembekalan elektrik negara secara keseluruhan. Secara tidak langsung juga akan dapat meningkatkan keyakinan para pelabur, khususnya dalam industri tenaga negara. Dalam hal ini kedudukan pihak utiliti tunggal iaitu TNB yang terlibat dalam pembekalan elektrik secara keseluruhan Semenanjung juga telah terbukti sebagai syarikat utiliti terunggul di Malaysia dan telah tersenarai daripada 2,000 syarikat terbesar di dunia dalam *Forbes Global 2000* iaitu berkedudukan 408 pada tahun 2015, naik sebanyak 167 tangga daripada kedudukan ke-575 pada tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua, kali yang ketiga... Minta maaf, minta maaf. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Bekalan Elektrik 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, sila Yang Berhormat Bayan Baru.

6.33 ptg.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana membawa *bill*, rang undang-undang ini ke Dewan. Saya amat mengalu-alukan satu transformasi atau perubahan terhadap industri dan juga pembekalan elektrik di Malaysia. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa keraguan hendak minta penjelasan daripada Menteri. Oleh kerana objektif utama adalah untuk menjadikan sektor pembekalan elektrik di Malaysia ini menjadi lebih efisien dan juga *bring down the cost*, supaya lebih memihak kepada rakyat.

Akan tetapi apa yang dibentangkan oleh Menteri adalah berbeza dengan apa yang dibuat oleh kementerian. Oleh kerana kita tahu bahawa *the biggest problem* dengan *power generation* adalah IPP. Ini kerana kalau kita menyelesaikan masalah IPP, di mana kontraknya adalah sangat memihak kepada syarikat-syarikat yang besar. Kita tidak akan *bring down the cost of power generation*.

Jadi, ini adalah *the biggest problem* yang berlaku terhadap kementerian. Jadi, kita minta supaya kontrak IPP haruslah dibuka kepada semua rakyat supaya kita boleh tahu bahawa ke manakah duit kita? Hari-hari kita bayar TNB bil elektrik, kita kena tahu ke manakah wang kita pergi supaya *we feel that these are justified or not justified*. Jadi, saya minta Menteri supaya lebih berterus terang, *open up the IPP contract*, terutamanya IPP-IPP yang baru yang diberikan kepada contohnya 1MDB, di mana *direct negotiation* telah berlaku.

Ini bukan satu transformasi daripada pihak kementerian kerana balik kepada cara yang lama untuk *direct negotiation*. Padahal daripada ada *competitor* yang buat *bidding*, ada yang memberi satu *proposal* yang lebih rendah yang lebih menguntungkan rakyat, menguntungkan TNB. Akan tetapi tidak diambil tetapi diberi kepada 1MDB. Jadi, inilah isu yang harus kementerian jawab supaya rakyat di luar tahu bahawa *whatever transformation* yang kementerian mahu itu haruslah menyelesaikan masalah IPP. Jadi, isu yang kedua adalah...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Bayan Baru. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak tanya pandangan Yang Berhormat Bayan Baru berhubung dengan perjanjian yang dibuat di antara TNB dengan IPP ini. Apakah pandangan Yang Berhormat Bayan Baru, apakah yang menyebabkan kontrak-kontrak lama yang telah pun ditandatangani dan telah pun di *signed*, tidak mahu direview balik dalam keadaan semasa ini?

Adakah Yang Berhormat Bayan Baru rasakan kontrak atau pun *agreement* itu *agreement* yang berat sebelah yang ada *something is wrong* dalam *agreement* itu? Tidak mungkin ada *exit clause* di mana pihak kerajaan boleh melihat supaya perjanjian itu dikaji semula demi memastikan berlaku adil kepada bukan sahaja TNB tetapi juga kepada rakyat yang membayar bil? Apa pandangan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih. Sebenarnya kalau kita semak Rang Undang-undang Akta Pembekalan Elektrik, memang ada kuasa Menteri untuk *termination* dengan kontrak-kontrak IPP. Saya rasa apabila Menteri buat kontrak dengan IPP, dia memang kena ada *exit clause*. Jadi, kita mintalah Menteri jawab soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani. Adakah kita boleh laksanakan *exit clause* tersebut? Tadi Menteri kata Menteri boleh ada kuasa sampai boleh bawa tentera untuk ambil balik... [Ketawa] aset air. Bolehlah juga kita boleh bawa tentera untuk ambil alih IPP yang tidak menguntungkan rakyat.

Isu kedua adalah tentang SEDA yang mana kita tahu bahawa *the concept* adalah *polluters pay* supaya kita boleh ada *moving* kepada 5% *renewable energy*, itu saya sokong. Saya sokong wawasan tersebut dan memang bagus untuk negara. Saya nak bagi contoh bahawa di negara Jerman mereka telah mencapai 30% *renewable energy* dan itu adalah satu kejayaan yang sangat besar. Bukan sahaja *renewable energy*, dalam 15 tahun sahaja dari 0% *renewable energy* sampai sudah capai dalam 15 tahun sahaja 30% *renewable energy*.

Ini satu *very good achievement*. Saya pun harapkan Malaysia di mana kita mempunyai banyak potensi, terutamanya di negara Jerman mana ada *sunshine all day long* seperti di Malaysia. Di Germany tidak ada *sunshine basically*. Jadi, kita minta supaya diperhebatkan dari segi meningkatkan sasaran kita untuk mencapai *renewable energy* yang lebih bagus.

Walau bagaimanapun, ini semuanya dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ke semuanya cantik-cantik, cakap dengan baik tetapi *at the end of the day* adalah pelaksanaan. Pelaksanaan kita tidak *transparent* dan kita tidak konsisten dengan wawasan kita. Dari segi SEDA juga kita tahu bahawa kementerian memberi *percentage* yang lebih tinggi, yang lebih berat kepada syarikat-syarikat yang ingin menubuhkan *solar farm*, nak buat *biomass*, *mostly solar farm*, *feed in tariff* yang lebih, *percentage* yang lebih besar kepada *solar farm*.

■1840

Solar farm di Malaysia, mereka ambil tanah, mungkin tanah kerajaan negeri, tebang pokok lepas itu bina *solar farm* di mana pada pendapat saya tidak memadai kerana kita tebang pokok-pokok dan hutan-hutan tetapi bina *solar farm*. Itu tidak masuk akal. Saya nampak sebenarnya kita mempunyai potensi. Contohnya kalau kita punya *national grid*, *national grid* kita mempunyai tanah di bawah. Tanah di bawah itu tidak boleh buat apa. Kita boleh menggunakan tanah-tanah tersebut untuk bina *solar farm* yang kecil-kecilan di sepanjang *national grid* supaya dia boleh terus – *I do not know the technology*, kita kena minta *expert*. Boleh terus salur kepada *national grid* dan menjadi satu *source of energy*.

Saya pernah pergi ke Taiwan, saya nampak ada *solar farms* yang sangat inovatif. Contohnya, mereka menggunakan *existing farm land*. Kalau dikatakan *chicken farm* di mana mereka ada membela ayam kampung, jadi ayam kampung itu berselerak, tetapi di atas *chicken farm* itu dia bina *solar farm*. Maksudnya dia naikkan tinggi sedikit solar panel tersebut tetapi di bawah itu *chicken* berkeliaran, dia punya ayam-ayam. Jadi ini boleh membantu supaya kita tidak menggunakan tanah hutan kah, tanah kelapa sawit dan sebagainya ditebang kemudian bina *solar farm*. Itu pada pendapat saya tidak masuk akal.

Kita perlu memberi bukan sahaja polisi kementerian tumpukan kepada syarikat-syarikat besar tetapi *mid size or small size company*. Katakan satu *solar farm* yang *less than half an acre* dia boleh *generate* lebih kurang katakan 50 kilowatt atau lima kilowatt dan sebagainya, itu adalah yang rakyat mahu. Paling penting adalah *demand* yang terlalu besar terhadap *feed in tariff* kepada rumah persendirian di mana mereka hanya *about five kilowatt*. Mereka minta lebih banyak kuota untuk diberikan kepada mereka.

Jadi secara rumusan, saya rasa kementerian harus mengubah polisi kementerian dengan memberi keutamaan kepada *feed in tariff* kepada rumah persendirian dan juga syarikat-syarikat yang kecil supaya mereka boleh mendapatkan kuota *feed in tariff*.

Saya pun ingin maklum kepada kementerian bahawa *feed in tariff* di negara Taiwan yang saya tengok adalah apabila mereka memberi kuota kepada syarikat-syarikat *small medium sized enterprise* atau SME, mereka memberi secara *bidding*. Maksudnya siapa yang boleh *provide the lowest rate* kepada kerajaan, mereka dapat. Jadi dia ada *market competition* di sana, dia bukan *fix price* di mana katakan RM1 kepada satu kilowatt. Tidak ada.

Syarikat-syarikat mereka akan *bidding* dengan kerajaan. Mungkin mereka akan letakkan 95 sen satu kilowatt atau 70 sen satu kilowatt. Jadi kerajaan untung kalau kuota itu boleh dibuka sebagai satu *competitive bidding*, bukan *fix rate*. Maka kerajaan boleh dapat *value for money*. Kita yang bayar 1.5% setiap bulan itu pun rasa berbaloi kerana ada *competition* itu bagus untuk negara.

Isu yang ketiga yang saya ingin bangkitkan adalah tentang laporan bahawa Malaysia akan mempertimbangkan *nuclear power plant* dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Mungkin kita akan membina *nuclear power plant*. Menteri pun pernah kata dalam Dewan ini kata kita pertimbangkan enam tapak untuk membina *nuclear power plant*. Saya hendak minta Menteri bagi

latest information tentang apa statusnya, tempat manakah yang akan menjadi tapak untuk membina *nuclear power plant*.

Saya ingin memaklumkan kepada Menteri bahawa ada ramai di kalangan rakyat Malaysia yang tidak setuju dengan *nuclear power plant* kerana ia memang tidak stabil dan kita sudah ada banyak kes seperti di *Japan* dan sebagainya. Di Jepun, orang dan teknologinya begitu tinggi, *maintenance culture* mereka baik dan mereka juga begitu *detail* budaya mereka pun ada masalah letupan *nuclear power plant* di sana. Saya rasa di Malaysia kita belum mencapai budaya dan teknologi yang setanding dengan Jepun.

Maka kita kena harus berhati-hati. Seheinggakan negara *Germany* yang begitu besar, mereka akan menutup semua *nuclear plant generator* pada tahun 2020. Mereka akan *shut down* semua. Ini adalah satu yang kita harus pertimbangkan. Jangan kerana kita ada duit hendak beli teknologi. Beli teknologi itu satu benda tetapi adakah negara kita perlu? Ini kerana kita mempunyai potensi lebih banyak lagi dari segi *renewable energy* seperti solar dan hidro elektrik dan sebagainya.

Saya juga ingin minta kementerian jangan hanya tumpukan kepada *power generation* yang besar-besar sahaja, tapi hidroelektrik yang kecil-kecil kita harus tumpukan juga kepada Sabah dan Sarawak di mana negeri yang Menteri datang kita nampak bahawa ada ramai di pedalaman mereka masih kekurangan elektrik, masih belum ada bekalan elektrik.

Saya sendiri pernah masuk ke kawasan-kawasan pedalaman untuk membawa *power generator* ke kampung-kampung yang kecil, satu hidroelektrik yang kecil boleh *power up the entire* kampung lebih kurang 10 keluarga, mereka boleh dapat *power* elektrik. Saya terlibat dengan projek tersebut kerana parti saya yang ingin membantu rakyat di sana, jadi kami masuk ke kampung-kampung kecil dan membina *power generation, small hydroelectric generator*. Kosnya rendah, lebih kurang mungkin RM50 ribu sahaja dengan cara gotong-royong.

Akan tetapi, cara daripada parti ataupun daripada individu ataupun daripada NGO, ia tidak meluas. Kerajaan haruslah masuk secara besar-besaran bantulah negeri-negeri Sarawak dan Sabah di pedalaman untuk adakan *small mini hydro power generator* di dalam kawasan-kawasan pedalaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sikit. *Last* sekali ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ada cadangan mini hidro di Kota Belud tetapi ditentang oleh sebahagian daripada rakan-rakan Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Itulah, banyak cadangan kepada kementerian. Saya rasa kementerian kena fokus sikit kepada kawasan Tuan Yang di-Pertua. Okey?

Isu yang terakhir yang saya ingin bawakan adalah *smart city*. Dalam negara Malaysia – sekarang *Singapore* mereka telah masuk secara besar-besaran untuk eksperimen tentang *smart city*. Mereka mendapat sokongan daripada negara Jepun dan juga Amerika Syarikat. Mereka telah

sediakan tapak untuk eksperimen-eksperimen *smart city* di mana mereka membuat eksperimen tentang *smart grid*, *smart metering* dan sebagainya untuk sebagai *smart city*.

Saya tahu bahawa konsep ini masih baru, teknologinya masih rendah dan mempunyai banyak masalah. Akan tetapi, kita haruslah juga bersaing dengan Singapura kerana syarikat-syarikat mereka hanya ingin membuat eksperimen dan kita boleh sediakan tapak supaya kita tidak tercicir daripada arus perubahan dari segi *generate power transmission*, *metering* dan sebagainya.

■1850

Okey, ini soalan saya kepada Menteri yang *last* sekali adalah, adakah kita mempunyai bekalan elektrik yang mencukupi kerana kita tahu bahawa tahun lepas lebih kurang bulan Julai kita mempunyai masalah kekurangan elektrik dan terpaksa beli elektrik dari Singapura dan Thailand. Kita difahamkan kita mempunyai *buffer* lebih kurang 30% atau 40%. Adakah *demand electric* terlalu tinggi sehinggakan *buffer* tersebut digunakan atau disebabkan oleh *power failure transmission* atau disebabkan oleh IPP tidak mencukupi dan sebagainya.

Ini kita minta Menteri supaya terus-terang kepada rakyat Malaysia. Kalau perlu kita harus sama-sama menjimatkan penggunaan elektrik, menggembleng negara kita supaya semuanya perlu meningkatkan kesedaran dan selalunya kerana kurang *power* kita bina IPP yang baru tetapi haruslah menggemblengkan rakyat supaya lebih menjimatkan elektrik. Itu sahaja soalan daripada saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gerik.

6.51 ptg.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga hendak membahaskan Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015. Kecurian kabel elektrik bukan sahaja mengakibatkan risiko kecederaan dan kematian yang teruk kepada si pencuri malah akan melibatkan mungkin sahaja terhadap orang lain yang juga hasil disebabkan oleh pencetus kepada masalah ini tadi. Saban tahun syarikat utiliti elektrik dan telekomunikasi kerugian berpuluh juta ringgit akibat kecurian kabelnya.

Kecurian kabel elektrik di pencawang adalah antara masalah besar dihadapi oleh Tenaga Nasional Berhad setiap tahun sejak tahun 2004 terutama apabila ramai pekerja asing yang *terror* dalam elektrik seperti dari Bangladesh dan sebagainya. Syarikat utiliti itu terpaksa menanggung kerugian lebih daripada RM200 juta.

Dalam tempoh sedekad itu, tiga negeri mencatatkan nilai kerugian yang tertinggi iaitu Selangor RM35 juta, diikuti Johor RM35 juta dan juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur RM30 juta. Saya amat bersetuju dengan denda sehingga RM1 juta menanti pengguna yang didapati bersalah mencuri atau mengganggu meter elektrik apabila pindaan ke atas Akta Elektrik 1990 [Akta 447] diluluskan kelak. Kesalahan dan penalti itu antara yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015 yang bertujuan memperkemas tadbir urus bekalan elektrik di negara ini. Pindaan kepada seksyen 37(3) itu bertujuan memperuntukkan

penalti lebih berat iaitu sehingga RM1 juta dan penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya bagi pengguna bukan domestik yang didapati bersalah melakukan kesalahan itu.

Dalam hal ini apabila berlaku kecurian elektrik ia bukan sahaja membebaskan pengguna malah memberi kesan dalam melakukan aktiviti harian. Kesannya juga dihadapi oleh pelbagai pihak sama ada kediaman perumahan mahupun sektor perkilangan. Saya percaya aktiviti mencuri kabel elektrik menjadi *habit* dan kebiasaan bagi pelaku dan kes kecurian ini yang selalunya dilakukan oleh individu atau kumpulan yang *expert*.

Oleh yang demikian, bagi kesalahan berulang denda sehingga RM5 juta ataupun penjara sehingga 10 tahun atau kedua-duanya dicadangkan dikenakan kepada pengguna bukan domestik. Manakala denda sehingga RM100,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya dicadangkan bagi pengguna domestik adalah sangat berbaloi bagi memberi pengajaran kepada pelaku dan pencuri elektrik ini.

Selain itu, pindaan seksyen 37 turut menyentuh kesalahan melekat poster, iklan atau notis tanpa izin sehingga mencatatkan apa-apa bangunan, tiang atau kelengkapan lain di tempat awam boleh dikenakan denda RM25,000 berbanding RM1,000 sebelum ini. Tidak dinafikan kes penampalan poster iklan di tiang elektrik sangat banyak kelihatan di sepanjang jalan.

Hal ini sememangnya mencatatkan penglihatan terutamanya dengan iklan poster yang negatif seperti iklan seks, ubat kuat, peminjam hutang, along dan pelbagai lagi. Dengan penggubalan seksyen 37 yang menaikkan denda RM25,000 daripada RM1,000 amat disokong. Ini sedikit-sebanyak dapat memberi pengajaran kepada pihak yang tidak bertanggungjawab ini supaya lebih bertanggungjawab terutamanya apabila memberi maklumat yang salah dan tidak benar.

Golongan pengotor jalan, tembok dan tiang itu wajar diperangi. Mereka bukan sahaja menampal iklan haram tetapi menyebabkan pemandangan yang indah di sekitar bandar dan pekan menjadi amat menyakitkan mata. Kegiatan mereka semakin tidak terkawal walaupun nombor yang dipaparkan boleh dijejaki pihak berkuasa tertentu. Lebih menyedihkan bukan sahaja pelekat yang ditampal malah bergantung bersaiz kecil nombor telefon diikat pada tiang.

Kebanyakan menjurus kepada aktiviti along atau peminjam wang haram. Amat malang apabila pelekat itu ditampal pada penunjuk arah jalan dan papan tanda, itu akan menyebabkan pengguna jalan raya yang baru datang ke negara ini tercari-cari jalan yang hendak dituju tambahan pula tidak pandai guna GPS walaupun dibantu teknologi canggih.

Bersama-samalah kita budayakan semangat membebaskan tiang lampu, pokok, tembok, papan tanda, kotak suis elektrik, pondok telefon, pondok menunggu bas, kios, tepi jalan dan sebagainya dari genggamannya si pengotor jalan dan saya amat berharap dengan pembentangan Rang Undang-undang Elektrik ini sedikit-sebanyak memberi kuasa kepada kementerian kepada mengatasi beberapa permasalahan yang berlaku di tempat kita.

Memang walaupun di tempat saya Gerik kecil tetapi mencuri kabel elektrik mendapat pendapatan yang mudah ini menjadi satu pekerjaan baru. Nampaknya kerajaan membekal dengan berjuta-juta, ada sekumpulan secara mudahnya curi dan bukan setakat itu diharapkan

pihak kementerian bekerjasama dengan pihak polis untuk memastikan pembeli-pembeli *scrap* ataupun besi buruk ini juga kalau didapati membeli kabel-kabel elektrik supaya mereka juga diambil tindakan oleh pihak kerajaan. Dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini untuk diluluskan dalam Dewan ini. Terima kasih.

■1900

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ini pindaan rang undang-undang. Jadi perbahasan itu berkisar kepada perkara-perkara yang dipinda Yang Berhormat ya. Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

7.00 mlm

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi kawan saya Yang Berhormat Gerik kata banyak tiang-tiang elektrik itu, iklan ubat kuat ya. Banyak, memang belah-belah Gerik banyak. Oleh sebab itu Ahli Parlimen dia pun nampak kuat, sihat. *[Ketawa]* Pelanggan tetap apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gerik, boleh bagi dia nombor itu Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Ketawa]* Pelanggan tetap apa itu.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, terima kasih kerana memberi peluang saya untuk membahaskan pindaan Rang Undang-undang Akta Bekalan Elektrik 1990. Saya tidak banyak Tuan Yang di-Pertua sebab saya tersentuh kerana ada disebut di sini di antara pindaan ini ialah bertujuan untuk membolehkan talian bekalan elektrik itu diguna untuk maksud komunikasi. Sebagai contoh iaitu *broadband power line* (BPL) dan juga BLC atau *power line carrier* untuk digunakan bagi tujuan isyarat ataupun komunikasi. Ini satu perkara yang sangat baik bagi saya kerana perkara ini saya telah pun sebut di awal kerajaan berhasrat untuk melaksanakan projek *high speed broadband* pada waktu itu dengan memperuntukkan wang daripada kerajaan kepada Telekom Malaysia sebanyak RM12 bilion pada waktu itu.

Akan tetapi pandangan saya pada waktu itu tidaklah diendahkan kerana saya pernah menyebut di Dewan ini bahawa jika kerajaan mengambil langkah untuk melaksanakan sepertimana tujuan pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri pada hari ini, sudah tentu kerajaan tidak perlu membelanjakan sehingga berjumlah RM12 bilion untuk tujuan – kerana yang besar daripada RM12 bilion itu ialah kabel. Akan tetapi untuk menggunakan talian bekalan elektrik ini kita sudah tidak perlu lagi kepada kabel sebab kabel itu sudah pun wujud. Jadi, saya hendak dapatkan penjelasan ialah mungkin ini ada berkaitan dengan dua kementerian iaitu kementerian Yang Berhormat dari Kota Marudu dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Saya hendak tanya juga tentang projek *high speed broadband* ini. Apa dia punya kita katakan kedudukan semasa sekarang ini sebab bila kerajaan bersetuju untuk menjadikan talian bekalan elektrik ini digunakan untuk tujuan jalur lebar ini maka sudah tentu akan wujud persaingan,

mesti ada pelanggan-pelanggan yang akan— sebab dia lebih mudah kerana dia akan hanya menggunakan dikatakan bahawa *last miles* iaitu dia memerlukan hanya *black box* untuk TNB *substation* dengan *black box* di rumah ataupun premis perniagaan dan sebagainya. Jadi tidak perlu kepada kabel.

Jadi pada waktu itu kalau tidak silap saya sebut di Dewan ini, kalau menggunakan kaedah ini, mungkin kerajaan hanya perlu berbelanja antara RM2.4 bilion ataupun RM3 bilion saja. Bukan RM12 bilion. Jadi cuma saya hendak tanya sekarang ini berapa kos yang akan digunakan oleh kerajaan apabila membuka ruang kepada talian bekalan elektrik ini digunakan untuk tujuan-tujuan ini? Bagaimana persaingan nanti dengan *high speed broadband* yang sudah pun bergerak, yang telah pun berbelanja RM12 bilion lebih dan apa status projek tersebut sebab kita tidak mahu nanti akhirnya dia tidak akan membawa pulangan keuntungan. Sebab bagi saya bahawa kalau kita sudah ada *high speed broadband*, duit belanja RM12 bilion, kita hendak belanja lagi ini.

Jadi akhirnya mesti satu yang akan mati. Orang sudah tentu lebih ambil kepada yang lebih murah iaitu mungkin kepada melalui Tenaga Nasional iaitu melalui *broadband power line* ataupun *power line carrier* (PLC) yang hanya menggunakan kaedah *chrono effect* iaitu untuk menjadikan kabel itu yang boleh membawa aliran data, suara dan juga gambar dan ini akan lebih baik dan lebih murah.

Cuma saya hendak sebut kepada Yang Berhormat Menteri kerana Yang Berhormat Menteri sebut kata ini adalah mengikut perkembangan teknologi terkini. Sebenarnya dia bukan teknologi terkini. Sudah banyak negara-negara di dunia yang menggunakan kaedah ini termasuk di Kanada dan juga di Indonesia, antara yang saya masih ingat pada waktu itu saya sebut bahawa Kanada dan Indonesia sudah pun mengguna teknologi ini.

Jadi saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan tentang bagaimana status *high speed broadband* dan bagaimana nanti persaingan dan siapa sasaran pelanggan daripada projek yang akan dibuat melalui talian bekalan elektrik ini? Bagaimana komunikasi antara dua kementerian yang bertanggungjawab sebab kita katakan komunikasinya di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia tetapi dari sudut talian bekalan elektrik itu di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Jadi bagaimana keadaan ini boleh berlaku?

Akan tetapi yang penting kepada saya ialah tentang kedudukan berkaitan dengan sasaran pelanggan yang akan menggunakan sebab sudah tentu Telekom juga akan ada sasaran pelanggannya melalui *high speed broadband* dan Tenaga Nasional sudah tentu akan mencari sasaran-sasaran pelanggan mereka. Jadi itu yang saya harap supaya pihak kerajaan dapat memberikan penjelasan kepada Dewan ini untuk memastikan supaya pelaksanaan projek itu akhirnya boleh memberikan kebaikan dan keuntungan yang lebih baik kepada kita.

Akan tetapi saya kira agak terlambat, kalaulah dulu kerajaan melaksanakan projek ini, kerajaan tidak perlu membelanjakan sebanyak RM12 bilion yang sekarang ini pun kita tidak tahu apa status yang berlaku kepada *high speed broadband*. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan.

7.07 mlm.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya hendak minta penjelasan pendek saja daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan adakah kerajaan atau kementerian bercadang untuk membuat satu cara bagaimana kabel yang dipasang di atas dengan memakai tiang yang begitu *obtrusive* dan lagi kalau tiang-tiang itu Tuan Yang di-Pertua, dipasang di kawasan-kawasan kampung, selalunya kena pokok. Bila pokok tumbang, *black out* lah kawasan itu.

Adakah pihak kementerian bercadang supaya *underground* kabel dilaksanakan oleh pihak kementerian kerana apabila saja melihat apa yang berada di luar negara, maka kita tidak ada kelihatan kabel-kabel yang dipasang tiang. Dulu ya, sekarang sudah canggih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, luar negara mana Yang Berhormat?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Di mana-mana, di sekitar negara....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Di Manila bertaburan kabel.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Itu di Manila, lain sedikit. Jadi, kita akan menjelang tahun 2020, negara maju, adakah pihak kementerian – kerana baru-baru ini pihak Yang Berhormat Menteri, di kampung saya, dia punya *substation* itu kadang-kadang bila hujan kuat, ada *electrocution*, minggu lepas kerbau orang kampung kena elektrik di kampung saya di Taman Ketiau. Jadi orang kampung saya potonglah, kerbau itu mati. Ini tiga kali sudah yang berlaku. Satu di Kampung Ketiau, selalunya berkeliaran di *substation* itu.

Jadi, adakah pihak kementerian melihat di bandingkan dengan perbelanjaan menyelia ataupun *maintenance* kabel-kabel yang dipasang di kampung-kampung ini. Kalau tidak mungkin banyak lagi wang untuk memperbaiki, kadang-kadang kekerapan. Ada yang saya dengar bahawa *underground* kabel ini dipasang dengan GPS. Bila ada gangguan elektrik, ia terus tahu di mana tempat yang bermasalah itu. Jadi, saya tidak tahu teknologi mana ini tapi ini yang fahaman saya. Kalau begini, kita tidak perlu banyak wang untuk pembaikan ataupun apabila ada gangguan elektrik di kawasan terutama sekali kawasan-kawasan luar bandar.

■1910

Itu saya Tuan Yang di-Pertua saya sentuh sebab ini orang kampung *complain* sebab ini ACCB tidak ambil hirau dengan kompelin orang kampung. Dia tanya sama saya, so saya terpaksa bawa kepada Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Serdang.

7.17 mlm.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bangkitkan beberapa isu untuk dan minta penjelasan untuk Dewan yang mulia ini. Perkara yang pertama ialah tentang penambahbaikan proses untuk memberi lesen kepada pemegang lesen. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri bagaimana seksyen baru 9A, 9B, 9C, 9D dan 9E akan digunakan untuk menambah baik proses ini.

Saya mengalu-alukan beberapa seksyen baru ini seperti 9A obligasi untuk mengemukakan perniagaan ataupun *business plan* oleh pemegang lesen dan juga 9E, 9D di mana pemegang lesen hendaklah memberi akaun tahunan yang sepatutnya. Saya rasa ini adalah cadangan-cadangan yang baik tetapi dari segi pelaksanaan, saya hendak tanya misalnya untuk projek 3B yang telah diberikan kepada 1MDB satu gabungan 70% 1MDB, 30% Mitsui.

Sebagaimana yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua sekarang 1MDB sudah tidak ada kemampuan melaksanakan projek ini dan ada kemungkinan yang besar dan projek ini akan diberikan kepada Tenaga. Jadi soalan saya kepada Menteri ialah memandangkan bahawa pengumuman belum lagi dibuat oleh Suruhanjaya Tenaga, apakah status projek ini dan bagaimana akta ini boleh mengelakkan perkara yang sama daripada berlaku.

Untuk projek 4A yang diberikan kepada TNB dan SIPP dan juga projek 2021 yang telah diberikan kepada 1MDB ini. Saya pun tidak tahu ini projek 5A, 5B atau apa. Adakah syarat-syarat di bawah seksyen 9A sampai ke 9E akan dikenakan kepada pemegang-pemegang lesen untuk projek baru ini. Juga termasuk projek *solar farm* 50 megawatt yang telah diberikan kepada Tenaga dan 1MDB. Saya pun tahu bahawa projek ini telah tergendala kerana 1MDB tidak ada kemampuan untuk meminjam untuk mendapat pinjaman untuk melaksanakan projek ini, jadi apakah status.

Untuk projek-projek seperti ini, kenapa tender terbuka tidak dibuat terutamanya untuk *solar farm* kerana tadi Menteri telah sebut bahawa salah satu sebab ataupun rasional pindaan ini diperkenalkan adalah untuk meningkatkan persaingan sektor *electricity* di negara kita. Jadi saya harap Menteri boleh jawab soalan-soalan yang spesifik berkenaan dengan projek-projek yang telah disebut tadi.

Isu yang kedua adalah tentang kuasa untuk menetapkan tarif dan caj dan untuk ini saya hendak rujuk kepada satu kes yang spesifik. Tadi saya sebut projek solar 50 megawatt yang telah diberikan kepada Tenaga dan 1MDB secara *direct nego*. Saya juga telah membaca berita di *The Edge* di mana pada mulanya kadar tarif itu ditetapkan pada 41 sen dan baru-baru ini saya dapat berita bahawa tarif ini akan dinaikkan 50 sen untuk 1 kilowatt.

Jadi saya hendak tanya apakah *basis* Tenaga dan juga 1MDB ini membuat perbincangan dengan Suruhanjaya Tenaga untuk menetapkan caj ini dan apakah proses yang mesti dilalui untuk menentukan bahawa tarif ini memang adalah tarif yang terendah sekali supaya boleh memberi manfaat kepada rakyat semua. Saya juga hendak tanya apabila lesen membekal elektrik ini diberikan terutamanya diberikan kepada satu pihak seperti 1MDB selepas itu diambil alih oleh Tenaga.

Adakah seksyen ini akan membantu Suruhanjaya Tenaga untuk mengawal harga kerana saya juga mendapat berita bahawa sekarang projek 3B ini sudah tergendala dan jikalau TNB hendak mengambil alih projek ini tarif caj yang mula-mula diberikan oleh 1MDB dan Mitsui ini akan dikaji semula oleh TNB dan dinaikkan oleh kerana tergendala projek ini. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada Menteri sama ada seksyen baru ini boleh digunakan supaya tarif boleh

dikawal dan juga sama seperti projek solar 50 megawatt. Kenapa tarif itu dinaikkan kepada TNB dan juga 1MDB?

Isu yang terakhir sekali yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai sektor dan tenaga boleh baru. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian dan juga pihak SEDA (*Sustainable Energy Development Authority*) atas cadangan untuk memperkenalkan *net metering*. Saya rasa perbincangan masih sedang dilakukan oleh *stakeholders* dan saya hendak tanya Menteri apakah impak pindaan bekalan elektrik atau bekalan elektronik kepada *net metering*. Ini kerana sekarang *distributor* pemegang lesen itu menjana elektrik dan untuk orang awam ataupun syarikat-syarikat yang hendak menjana elektrik dan menjual kepada grid, mesti mendapatkan FIT.

Akan tetapi selepas ini jikalau terdapat *net metering* ini diperkenalkan jadi semua orang yang memasang solar panel ini di rumah ataupun di kilang ada hak menjual bekalan elektrik ini kepada pemegang lesen seperti yang tenaga dan sebagainya. Saya rasa ini adalah sesuatu yang belum lagi disentuh dalam akta ini. Saya rasa sebelum *net metering* ini diperkenalkan saya rasa akta ini juga mesti mengambil kira impak *net metering* kepada penjanaan kuasa untuk tenaga boleh baru. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh menjawab ketiga-tiga perkara yang saya telah bangkitkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sandakan.

7.17 mlm.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua perkara yang harap disentuh di sini. Pertamanya, nampaknya rang undang-undang ini sudah meningkat hukuman kepada ini elektrik pencuri tetapi saya mahu tahu mungkin Menteri boleh menjawab. Bagaimana ini hukuman termasuk PATI atau tidak iaitu PTI. Di Sabah kita sebanyaknya pencurian yang kita kehilangan kita punya hasil kepada ini PTI mengikut SESB punya kenyataan. Setiap tahun berjuta 3.87 juta yang dihilangkan oleh ini PTI. Sebab saya telah berjumpa dengan beberapa pegawai SESB tentang perkara ini.

Jawapan yang diberikan kepada saya memang tidak munasabah. Dia bilang PTI ini sebab dia tidak ada dokumen. Jadi dia tidak boleh buat apa-apa, SESB. Jadi dia tidak boleh buat apa-apa SESBB. Jadi dia pagi pergi kasi rampas dia punya pencurian tarian itu tetapi petang dia kasi sambung balik. Tidak boleh ambil apa-apa tindakan.

Jadi bahawa kalaulah undang-undang ini yang dilulus, jadi bermakna hukuman yang masuk, hanya kepada orang tempatan atau termasuk PTI. Ini satu perkara yang serius yang khasnya di Sabah sana. Jadi keduanya, IPP itu perjanjian kontrak terusnya menjadi rahsia. Kita pun tidak tahu bagaimana saya pun rayuan Menteri boleh kasi *open* lah sebagai bahawa kita semua boleh faham tetapi satu yang saya mahu tanya, IPP itu *enjoy*lah. Menikmati begitu dia punya kebaikan. Seperti dia ada *capital* dia punya *investment* dengan bayaran, dia punya menjual dia punya tarif *electricity* dan lagi *enjoy* dia punya subsidi minyak.

Akan tetapi adakah satu penalti kepada IPP, kalau dia tidak memilih apa yang telah dijanjikan itu pangkalan... kepada SESB. Seperti yang saya kasi satu contoh, katakan Sandakan-Libaran IPP. Dia ada empat loji yang untuk 60 megawatt tetapi sentiasanya baru jalan dua. Dua punya sentiasa ada rosak.

■1920

Kalau ada satu begitu, ada satu penalti kepada IPP. So mungkin kerosakan ini sentiasa berlaku. So dia kena bayar penalti tetapi kalau tidak ada bayar penalti, ia ambil masa, perlahan-lahan *take your sweet time* baru *repair* enjin, kadang-kadang mengambil masa tiga bulan. Ini mengakibatkan gangguan elektrik di Sandakan yang selalu berlaku.

Akhirnya, *capital sharing* untuk peniaga. Saya dapat kompelin daripada peniaga seperti tempat itu tidak cukup bekalan elektrik untuk sampai. Jadi SESB mungkin mahu peniaga menubuhkan atau membayar caj untuk membina satu transformer di sana. Akan tetapi selepas bayar, belakang ada orang di sekeliling dia ada *business* atau sesiapa tetapi dia pun pakai transformer ini.

Peniaga pertama itu tidak dapat balik duit pampasan mereka, bagaimana? Sepatutnya dia bayar RM200,000 untuk memasang satu *transformer* tetapi di belakangnya ada lagi peniaga-peniaga di sekeliling tetapi dia tidak bayar balik. Ini saya pun tidak tahu bagaimanalah. Mungkin Menteri boleh memberi penjelasan ini. Jadi ini sahaja. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar. Tidak nampak Yang Berhormat Jasin bangun. Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Kapar ya, sudah panggil Yang Berhormat Kapar.

7.22 mlm.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang, salam reformasi. Saya terus hendak fokus kepada Fasal 33 berkenaan dengan Kumpulan Wang Industri Elektrik. Menurut subseksyen 44C, "*Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Industri Elektrik ditubuhkan dan hendaklah ditadbirkan dan dikawal oleh suruhanjaya*". Selepas itu di bawah subseksyen 44C(3) "*Kumpulan Wang Industri Elektrik hendaklah dibelanjakan bagi maksud yang berikut:*

- (a) *untuk mengurus impak tarif elektrik terhadap pengguna; atau*
- (b) *apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh suruhanjaya.*"

Saya ingin penerangan daripada Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri bagaimana wang ini akan digunakan untuk menguruskan impak tarif elektrik. Saya juga memerlukan penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai apakah yang dimaksudkan dengan impak tarif elektrik? Adakah ini akan digunakan semasa kenaikan ataupun penurunan tarif dan sebagainya, saya minta penjelasan.

Saya juga ingin menuntut penjelasan juga untuk bahagian pelaburan seksyen 44D di mana *“Wang dalam Kumpulan Wang Industri Elektrik hendaklah, setakat yang tidak dikehendaki atau tidak dengan serta-merta dikehendaki untuk dibelanjakan oleh suruhanjaya bagi maksud 44C(3)...”* Yang tadi saya terangkan tetapi yang menarik adalah perkataan seterusnya; *“...dilaburkan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan”*. Apabila saya baca huraian pun tiada apa-apa penerangan tentang dilaburkan mengikut apa-apa cara.

Yang Berhormat Timbalan Menteri kita tahu kebelakangan ini ada banyak isu yang menimbulkan tentang bagaimana kita melaburkan kumpulan wang dan sebagainya. So, tanpa sebarang syarat, tanpa sebarang perincian di bahagian huraian diterangkan saya rasa ini membuka ruang agak luas untuk berlaku sebarang penyelewengan. Walaupun saya tak nak spekulasi apa-apa sifat negatif terhadap pembentukan seksyen ini tetapi saya perlukan komitmen daripada kerajaan bahawa pelaburan yang dilakukan ada atau di bawah sesuatu perincian atau dikawal selia oleh sesuatu badan dan sebagainya. Saya minta penjelasan untuk bahagian Kumpulan Wang Industri Elektrik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin.

7.24 mlm.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kementerian yang telah membentangkan satu akta pindaan untuk Akta Bekalan Elektrik. Semoga agensi ini akan terus memberikan satu perkhidmatan yang terbaik.

Sebagai sebuah syarikat utiliti yang terbesar negara, TNB seharusnya sentiasa memastikan supaya mutu perkhidmatan dan juga kualiti yang terbaik kepada pelanggan dan juga pengguna. Kita mahu melihat kalau boleh kita buat satu perbandingan di antara saidi yang telah dibuat di Singapura untuk satu kawasan di Kuala Lumpur sahaja. Setakat manakah sebenarnya kejayaan kita pada ketika ini untuk memastikan supaya saidi kita di bandar-bandar utama dapat terus kita tingkatkan dari semasa ke semasa.

Seterusnya keselamatan elektrik adalah merupakan satu agenda yang utama dan banyak program kita laksanakan. Kita mahu kalau boleh melihat pihak kerajaan dapat memastikan maklumat ini dapat terus disalurkan kepada sekolah-sekolah supaya terutamanya pelajar-pelajar kita dapat memahami tentang keselamatan dan bahaya kalau kita menyalahgunakan perkhidmatan elektrik. Selain daripada itu juga kita mahu kalau boleh memberikan pendedahan kepada semua peringkat masyarakat supaya kita menjadi pengguna yang bijak. Dalam masa yang sama kita dapat sama-sama memastikan supaya kita dapat menjimatkan tenaga.

Sebagai sebuah agensi yang sebenarnya memonopoli perkhidmatan elektrik ini, sepatutnya TNB bukan sahaja sebagai sebuah konglomerat yang berorientasikan kepada keuntungan tetapi kita mestilah jangan lupa untuk memastikan supaya rakyat tidak terbeban. Apa yang saya hendak sebut di sini setiap kali kenaikan tarif adalah disebabkan keadaan elektrik yang

terpaksa menanggung apa juga kenaikan harga bahan-bahan bakar. Pada ketika ini kita dapat lihat kalau minyak telah turun harga, bukan itu sahaja minyak tidak banyak digunakan oleh pihak TNB tetapi menggunakan banyak arang batu. Arang batu pun harga sudah turun. Sepatutnya apa juga kenaikan adalah berdasarkan daripada barangan-barangan yang diperlukan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini kita ucap terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana kita masih mendahulukan rakyat, kerana masih mengekalkan subsidi untuk elektrik kepada pelanggan-pelanggan yang menggunakan elektrik di bawah RM20 sebulan. Walau bagaimanapun dengan pelaksanaan GST ini, hanyalah penggunaan di bawah 300 kilowatt yang tidak dikenakan 6%. Jadi kita memohon kalau boleh pada ketika ini syarikat air tidak mengenakan GST kepada semua pengguna domestik. Kita mohon kalau boleh pihak kerajaan juga memberikan pertimbangan supaya pihak domestik tidak dikenakan GST kerana dalam keadaan kenaikan harga barang yang cukup tinggi pada ketika ini pengurangan ini memberikan satu kelegaan kepada pelanggan-pelanggan domestik.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana telah mengumumkan tiada kenaikan tarif dalam masa yang terdekat. Walau bagaimanapun dalam formula tarif yang melibatkan ICPT yang akan dikaji pada setiap enam bulan sekali, kita juga mengambil kira tentang kenaikan seperti saya sebut tadi tentang harga bahan bakar. Akan tetapi kita mahu kalau boleh pihak TNB juga dapat memastikan supaya rakyat tidak terbeban terutamanya pelanggan-pelanggan domestik, lebih-lebih lagi mereka yang berpendapatan rendah. Disyorkan sebarang kenaikan ICPT tidak melibatkan pelanggan domestik dalam masa tertentu kerana sudah tentu dengan kenaikan harga elektrik nanti, peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab akan menaikkan harga.

Itu sahaja dan yang terakhirnya Tuan Yang di-Pertua saya mohon kalau boleh matlamat utama huraian akta yang dibincangkan adalah bukan sahaja untuk aktiviti-aktiviti bekalan elektrik tetapi terutamanya untuk aktiviti-aktiviti pelesenan bekalan elektrik dan kelakuan pemegang-pemegang lesen. Apa yang saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, sama ada kerajaan sentiasa memantau semua pelesen-pelesen ini bukan sahaja mereka dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik tetapi tidak membebankan kepada TNB. Apabila TNB terbeban, akhirnya rakyat juga akan terbeban sama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong.

■1930

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ada dua orang lagi Yang Berhormat yang bangun. Kalau dua orang bangun, kita sambung esok ya, tapi kita putus hari ini Yang Berhormat Beruas dan selepas itu Yang Berhormat Bukit Katil dan selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab. Setakat itu sahaja, kita sambung esok, Yang Berhormat.

USUL**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 16(3)****7.30 mlm.**

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato’ Seri Mahdzir Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**Pembekuan Jawatan Baru Perkhidmatan Awam****7.31 mlm.**

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) membuat satu pengumuman pada 8 Mei 2015 bahawa kerajaan akan membekukan pewujudan perjawatan baru dalam perkhidmatan awam. JPA dalam kenyataan mereka berkata pembekuan perjawatan baru ini adalah sebagai langkah pengawalan saiz dan pendekatan rasionalisasi perkhidmatan awam yang pernah dilaksanakan pada tahun 2008, 2010 dan 2011.

Akan tetapi, pendekatan ini tidak disambut baik oleh semua. Salah seorang yang menentang langkah ini bukan lain tetapi Menteri Kesihatan, Ahli Parlimen Segamat. Ahli Parlimen Segamat berkata pembekuan ini dikhuatiri akan memberi kesan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat terutama melibatkan pembukaan hospital atau klinik baru. Memberikan contoh, kata beliau, ialah Hospital Shah Alam di Selangor yang dijangka dibuka pada September depan memerlukan tambahan kakitangan baru bagi operasi di hospital berkenaan.

Walaupun di bawah parti politik yang berbeza, saya amat setuju dengan pandangan Menteri Kesihatan. Usaha pengawalan saiz perkhidmatan awam tidak boleh mengorbankan kesihatan rakyat. Sebenarnya pembekuan jawatan terhadap seluruh jabatan kerajaan adalah perkara yang mustahil dan tidak munasabah kerana beberapa sektor dalam negara masih memerlukan staf baru.

Menurut laporan petunjuk pembangunan dunia sistem kesihatan yang disediakan oleh Bank Dunia, purata nisbah satu doktor bagi setiap seribu orang bagi negara-negara berpendapatan sederhana ialah 1.8 tetapi bagi Malaysia, nisbahnya hanya 1.2. Ia jelas menunjukkan perkhidmatan sektor kesihatan kita adalah jauh di bawah piawai yang pastinya Malaysia memerlukan lebih banyak hospital dan doktor. Pembekuan jawatan baru yang diumumkan JPA akan menjejaskan pembukaan hospital baru serta perkhidmatan kepada pesakit.

Selain daripada Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan juga perlu mengambil lebih ramai guru sekolah baru. SJK(C) Bukit Serdang, Selangor dan SJK(C) Pei Chin, Johor dijangka dibuka pada tahun depan. Kalau Kementerian Pendidikan tidak diizinkan untuk mengambil guru-guru yang baru, bagaimana sekolah ini boleh beroperasi?

JPA sewajarnya memberi tumpuan kepada usaha mengurangkan saiz jabatan-jabatan tertentu yang tidak benar-benar memberi manfaat kepada rakyat seperti FLOM, duta-duta khas dan penasihat khas di bawah Jabatan Perdana Menteri, cawangan khas di dalam PDRM, Jabatan Hal Ehwal Khas JKKKP dan lain-lain lagi.

Menurut kenyataan JPA, pembekuan jawatan baru ini akan diimbangi dengan usaha menambah peluang pekerjaan di sektor swasta. Akan tetapi, adalah tanggungjawab kerajaan untuk membekal perkhidmatan perubatan dan pendidikan yang bermutu tinggi kepada rakyat jelata. Lagi pun, kerajaan akan mengutip RM24.2 bilion melalui GST tahun ini. Sepatutnya kerajaan memberi perkhidmatan yang lebih berkualiti kerana rakyat jelata telah membayar cukai yang lebih banyak kepada kerajaan. JPA yang membuat pengumuman ini selepas pelaksanaan GST sama ada motifnya adalah memang untuk merasionalisasikan saiz perkhidmatan ataupun kerana kerajaan sedang menghadapi kesuntukan wang.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

7.35 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2011, jumlah penjawat awam adalah 1.46 juta orang dan telah meningkat kepada 1.61 juta orang pada 31 Disember 2014. Jumlah ini merangkumi:

- (i) perkhidmatan awam persekutuan yang meliputi perkhidmatan am persekutuan, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, Polis Diraja Malaysia dan perkhidmatan pelajaran;
- (ii) perkhidmatan awam negeri;
- (iii) pihak berkuasa berkanun yang meliputi badan berkanun persekutuan dan negeri;
- (iv) pihak berkuasa tempatan; dan
- (v) Angkatan Tentera Malaysia.

Peningkatan jumlah penjawat awam memperlihatkan kenaikan kedinamikan sektor awam dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Namun begitu, dalam kesungguhan kerajaan untuk memenuhi kehendak rakyat, aspek pengawalan saiz perkhidmatan awam perlu diberi perhatian bagi mengimbangi kedudukan fiskal negara. Oleh itu, usaha rasionalisasi perlu digerakkan dengan berpaksikan kepada produktiviti dan penggunaan sumber manusia secara optimum.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan surat edaran kepada pihak berkuasa melantik mengenai inisiatif penggunaan sumber manusia secara optimum pada 22 April 2015. Surat edaran ini memaklumkan bahawa pewujudan jawatan baru dibekukan bagi semua kementerian dan jabatan berkuat kuasa pada tarikh tersebut.

Langkah pengawalan saiz perkhidmatan awam yang diperkenalkan pada kali ini adalah pembekuan pewujudan jawatan baru. Ia bertujuan untuk mengawal saiz perkhidmatan awam ke arah penggunaan sumber manusia secara optimum dalam sektor tersebut. Walau bagaimanapun, pengisian kekosongan jawatan akibat persaraan, peletakan jawatan, kematian dan penamatan perkhidmatan masih boleh dilaksanakan oleh agensi seperti biasa.

Sesungguhnya JPA terus komited untuk mengkaji keperluan perjawatan sektor awam termasuk perjawatan yang kritikal seperti sektor kesihatan, pendidikan dan keselamatan. Jabatan ini juga bertanggungjawab untuk memastikan dimensi, akauntabiliti dan objektif pewujudan jawatan dapat memenuhi hasrat penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan selaras dengan agenda transformasi sektor awam.

Berkaitan dengan sektor kesihatan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhan kerajaan telah meluluskan sejumlah 45,415 jawatan baru dari tahun 2012 sehingga 2014 bagi keperluan beberapa hospital dan juga klinik baru. Bagi Hospital Shah Alam, kerajaan telah memperakukan sebanyak 1,268 jawatan pada tahun 2013 bagi memastikan hospital tersebut dapat beroperasi dengan sepenuhnya. Jawatan yang diperakukan tersebut masih kekal dan tidak timbul isu pembekuan jawatan baru di hospital tersebut.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia dibenarkan untuk membuat urusan pengambilan baru bagi mengisi kekosongan sebanyak 23,652 jawatan bagi tahun 2015. Ini bertujuan untuk mengisi jawatan pegawai perubatan, pegawai pergigian, pegawai farmasi dan anggota sains kesihatan bersekutu yang telah diberikan pengecualian melalui pelaksanaan inisiatif penggunaan sumber manusia secara optimum.

Merujuk kepada nisbah 1.2 doktor bagi setiap seribu orang penduduk seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa pada akhir tahun 2014, nisbah tersebut telah meningkat kepada 1.73 doktor untuk seribu orang penduduk iaitu bersamaan dengan seorang doktor bagi 577 orang penduduk. Hasrat kerajaan adalah untuk mencapai nisbah 1.8 doktor untuk seribu penduduk bersamaan dengan seorang doktor bagi 556 orang penduduk pada penghujung tahun 2015. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan semasa melancarkan Rancangan Malaysia Kesebelas pada 21 Mei 2015, kerajaan menyasarkan seorang doktor bagi 400 orang penduduk menjelang tahun 2020.

■1940

Bagi sektor pendidikan pula sehingga 31 Mac 2015 kekosongan jawatan guru di Kementerian Pendidikan Malaysia adalah sebanyak 10,739. Kementerian Pelajaran Malaysia dibenarkan untuk membuat urusan pengambilan guru baru bagi tahun 2015 yang diberi pengecualian di bawah inisiatif penggunaan sumber manusia secara optimum. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan akan mengambil langkah untuk mentransformasikan perkhidmatan

awam dalam Rancangan Malaysia Kesebelas bagi meningkatkan produktiviti sektor awam. Langkah ini berlandaskan kepada lima bidang fokus utama:

- (i) mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan dengan mengutamakan rakyat;
- (ii) merasionalisasikan institusi sektor awam untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi;
- (iii) memperkukuhkan pengurusan bakat untuk perkhidmatan awam masa hadapan;
- (iv) mempertingkatkan pengurusan projek untuk menghasilkan *outcome* yang lebih baik dan cepat; dan
- (v) memanfaatkan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi menyediakan perkhidmatan berkualiti pada peringkat tempatan.

Sekian terima kasih. Oleh kerana ia tidak boleh disoal jawab, jadi saya tidak dapat berbuat apa-apa tetapi saya ada maklumat tambahan berhubung dengan perjawatan seperti yang telah disebutkan tadi. Akan tetapi ada maklumat tambahan yang cukup baik, Yang Berhormat boleh berjumpa saya di luar nanti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat.

Pengurniaan Pingat Panglima Gagah Berani (PGB)

7.41 mlm.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ucapan penangguhan saya mengenai pengurniaan pingat Panglima Gagah Berani (PGB) kepada Mejar Ganase a/l Jaganathan, No. Tentera: 3001457 yang kini telah bersara dengan menyandang pangkat Lt. Kolonel. Tuan Yang di-Pertua, Mejar Ganase a/l Jaganathan telah ditugaskan bersama *United Nations Mission in Sierra Leone (UNAMSIL)* pada 26 Julai 1999. Setelah bertugas selama enam bulan di Kenema Timur Sierra Leone beliau telah ditukarkan ke Makeni yakni bahagian utara merupakan kubu kuat pemberontak *Revolutionary United Front (RUF)*.

Semangat dan keberanian Mejar Ganase mula terserlah apabila cuba menyelamatkan 10 orang pemberontak RUF yang berpaling tadah dan bersembunyi di kem di Mobilasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Makeni pada 1 Mei 2000. Kem ini telah dikepong oleh pemberontak RUF yang meminta supaya 10 orang yang berpaling tadah tersebut diserahkan semula kepada mereka atau menghadapi serangan.

Dalam insiden ini selaku pemerhati PBB di Makeni serta bagi mengelakkan serangan dan pembunuhan dari pihak pemberontak, Mejar Ganase dan seorang lagi anggota keselamatan PBB telah dengan berani mengambil tanggungjawab dan mempertaruhkan nyawanya telah pergi berunding dengan ketua pemberontak RUF.

Dalam rundingan tersebut beliau dengan berani memberitahu ketua kumpulan pemberontak RUF bahawa tiada pemberontak yang berpaling tadah berada di dalam kem di Mobilasi PBB tersebut. Walau bagaimanapun, mereka dengan rasa marah tidak mempercayainya. Dalam waktu yang sama sekumpulan pemberontak RUF yang lain tiba dan melepaskan tembakan membabi buta ke arah kem tersebut. Akibat daripada kegagalan rundingan yang dijalankan, Mejar Ganase telah diculik dan ditahan di kem pemberontak.

Tuan Yang di-Pertua, semasa dalam tahanan pelbagai perkara yang menyakitkan telah berlaku ke atas Meja Ganase dan berkemungkinan beliau boleh dibunuh oleh pemberontak RUF kulit hitam yang terkenal dengan *brutalnya*. Atas kebijaksanaan serta dengan kehendak Allah, Mejar Ganase dan rakan sejawatnya telah dibebaskan selepas 21 hari menjadi tahanan penculikan oleh pemberontak RUF. Atas keberanian dan pengorbanan yang telah dipamerkan oleh Mejar Ganase saya menyokong dan sewajarnya jasa beliau diiktiraf dengan mengurniakan pingat Panglima Gagah Berani (PGB) seperti mana yang telah dikurniakan kepada perwira-perwira terdahulu. Sekian ucapan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

7.45 mlm.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera sentiasa berusaha memberi penghormatan yang tinggi untuk mereka yang telah menunjukkan keberanian yang luar biasa di medan pertempuran ataupun semasa berhadapan dengan musuh. Penghormatan ini dizahirkan dalam bentuk penganugerahan pingat atau lambang dalam Darjah-darjah Gagah Perkasa dan dimaklumkan bahawa pingat Panglima Gagah Berani (PGB) berada dalam Darjah-darjah Gagah Perkasa dan mempunyai statut yang tersendiri.

Di samping itu, PGB juga mempunyai akta yang tersendiri dan penerima anugerah tersebut yang masih hidup akan diberikan elaun kenangan. Di dalam statut PGB dinyatakan penerima PGB adalah anggota yang berkhidmat atau ditumpangkan kepada Angkatan Tentera Malaysia. *Maybe comfort shall be such person male or female in the serving or attach to the arm forces of the Federation of Malaya has/have performed or shall here after performed act of outstanding gallantry in the face of the enemy.*

Sebagai makluman Yang Berhormat, semenjak tahun 1983 seramai 74 orang pegawai dan anggota ATM telah pun dianugerahkan pingat PGB ini. Dalam kes Lt. Kolonel Ganase a/l Jaganathan, beliau telah bertugas sebagai Pegawai Pemerhati Tentera bersama *United Nations Mission* di *Sierra Leone (UNAMSIL)* sejak 26 Julai 1999 hingga 26 Julai tahun 2000.

Semasa melaksanakan tugas sebagai Pegawai Pemerhati UNAMSIL, beliau telah diculik dan ditahan oleh pihak puak pemberontak *Revolutionary United Front (RUF)* dan dibebaskan selepas 21 hari ditahan. Sepanjang tempoh menjadi tahanan, tidak wujud elemen tindakan

keberanian luar biasa dan tiada sebarang pertempuran berlaku di antara beliau dengan pihak pemberontak RUF.

Pembebasan beliau adalah berdasarkan persetujuan dari pihak pemberontak itu sendiri. Kejadian atau pengalaman semasa di tahanan ketika diculik oleh RUF tidak menepati statut pengurniaan pingat seperti yang telah diputuskan oleh barisan Jawatankuasa Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Persekutuan yang dipengerusikan oleh Panglima Angkatan Tentera bersama panglima-panglima perkhidmatan yang lain.

Sebagai makluman Yang Berhormat, pencalonan pingat PGB bagi Lt. Kolonel Ganesan ini telah ditapis di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Persekutuan yang dipengerusikan oleh Panglima Angkatan Tentera semenjak tahun 2003. Kronologi pencalonan bagi beliau adalah seperti berikut:

- (i) pencalonan pertama pada tahun 2003;
- (ii) pencalonan kedua pada tahun 2005; dan
- (iii) pencalonan ketiga pada tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun pihak kementerian sentiasa menghargai segala jasa yang telah dicurahkan oleh Lt. Kolonel Ganase dengan mengurniakan anugerah pingat yang lain iaitu atas insiden yang berlaku di Sierra Leone. Pingat yang dianugerahkan kepada beliau ialah:

- (i) Panglima Pangkat Kelima Darjah-darjah Yang Mulia Pangkuan Negara iaitu Ahli Mangku Negara pada tahun 2003; dan
- (ii) Kepujian Perutusan Keberanian (KPK) iaitu salah satu anugerah yang terkandung di bawah Darjah-darjah Gagah Perkasa untuk mengiktiraf kegagahan dan keberanian untuk negara pada tahun 2006. Anugerah ini sebenarnya telah mengambil kira kejadian yang telah berlaku pada beliau.

Sebagai rumusan, pihak kementerian sentiasa prihatin dengan jasa dan pengorbanan yang telah diberikan kepada warga Angkatan Tentera Malaysia yang menunjukkan sikap kepahlawanan di tahap yang tinggi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi, hari Khamis, 18 Jun 2015.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.49 malam]